UNIVERSITI MALAYA

# LAPORAN TAHUNAN
## UNIVERSITI MALAYA
# 2017






**RASIONAL KULIT BUKU**

Kendi dari awal abad ke-20M, Sumatra, badan berbucu, hiasan ketukan repousse, dengan susunan tiga segi mengembang, dipenuhi oleh kembang bunga. Bahan daripada tembaga.

(Koleksi Muzium Seni Asia, Universiti Malaya)



# Kandungan


| | |
|---|---|
| Visi | iv |
| Misi | iv |
| Nilai-Nilai Teras | iv |
| Polisi Kualiti | v |
| Piagam Pelanggan | v |
| Matlamat Pendidikan | v |
| Canselor | 06 |
| Pro-Canselor | 07 |
| Lembaga Pengarah Universiti | 08 |
| Pengurusan Universiti | 09 |
| Penolong Naib Canselor | 10 |
| Pegawai Utama Akademik | 10 |
| Pegawai Utama Bukan Akademik | 11 |
| Selayang Pandang | 12 |

**1. NAIB CANSELOR** **15**

1.1. Laporan Naib Canselor
1.2. Penunjuk Kecekapan dan Keberkesanan
1.3 Laporan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Dan Jaminan Kualiti Akademik Pusat Pengurusan Dan Penambahbaikan Kualiti (QMEC)
1.4 Pusat Peningkatan Institusi
1.5 Jabatan Penerbitan

**2. AKADEMIK & ANTARABANGSA** **25**

2.1 Laporan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
2.2 Pemantapan Tadbir Urus Portfolio Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
2.3 Pembangunan Akademik
2.4 Pembangunan Staf Akademik
2.5 Pembangunan Kemahiran Pelajar
2.6 Aktiviti Pengantarabangsaan

**3. PENYELIDIKAN & INOVASI** **51**

3.1 Laporan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
3.2 Penyelidikan dan Pembangunan
3.3 Pencapaian dalam Penyelidikan
3.4 Khidmat Perundingan
3.5 Penyelidikan Berimpak Tinggi
3.6 Inovasi dan Pengkomersilan
3.7 Komuniti dan Kelestarian




## 4. HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI 69

4.1 Laporan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
4.2 Kemudahan Pelajar
4.3 Pembangunan Rohani dan Penajaan
4.4 Aktiviti Badan-badan Pelajar
4.5 Pembangunan Pelajar
4.6 Alumni

## 5. PEMBANGUNAN 81

5.1. Laporan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
5.2. Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda
5.3. Pusat Teknologi Maklumat

## 6. PENDAFTAR 105

6.1. Laporan Pendaftar
6.2. Pembangunan Sumber Manusia
6.3 Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya 2017
6.4 *Staff Engagement and Social Event*

## 7. PERPUSTAKAAN 115

7.1 Laporan Ketua Pustakawan
7.2 Ringkasan Pencapaian
7.3 Perkhidmatan
7.4 Pendidikan Pengguna
7.5 Portal Interaktif dan Laman Web
7.6 Muzium Seni Asia dan Galeri Seni Universiti Malaya

## 8. KEWANGAN 121

Penyata Kewangan Universiti Malaya bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 (Telah Diaudit)




# Visi

Untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang ternama di peringkat antarabangsa dalam penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pengajaran.



# Misi

Untuk memajukan ilmu pengetahuan dan pembelajaran melalui penyelidikan dan pendidikan berkualiti untuk negara dan kemanusiaan.

# Nilai-Nilai Teras

- Integriti
- Hormat
- Kebebasan Akademik
- Berfikiran Terbuka
- Kebertanggungjawaban
- Profesionalisme
- Meritokrasi
- Semangat Kerja Berpasukan
- Kreativiti
- Tanggungjawab Sosial

# Polisi Kualiti

Universiti Malaya beriltizam untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran, menjalankan penyelidikan dan perkhidmatan yang berkualiti, menjana ilmu pengetahuan dan meningkatkan keilmuan melalui usaha penambahbaikan berterusan untuk manfaat semua pelanggan, khususnya pelajar Universiti Malaya.

# Piagam Pelanggan

Kami komited untuk:

- Menghasilkan graduan berkualiti melalui pengalaman pembelajaran yang transformatif dan kondusif.
- Menerajui pengetahuan termaju melalui kerja-kerja penyelidikan dan perundingan.
- Menyediakan sumber tercanggih untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran dan penyelidikan.
- Memupuk dan mengurus bakat untuk keperluan negara.
- Terlibat secara aktif dalam usaha-usaha pembangunan negara dan masyarakat setempat.
- Menyediakan penyelesaian dan kapasiti pengetahuan kepada pihak industri dan organisasi.
- Mengantarabangsakan universiti untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia.

# Matlamat Pendidikan

Siswazah Universiti Malaya akan berkeupayaan untuk:

- Menunjukkan bahawa mereka berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang pengajian mereka, penyelidikan dan amalan profesional serta proses pemikiran kritis, pemikiran kreatif dan penyelesaian masalah.

- Menggunakan kaedah yang berkesan termasuk teknologi semasa untuk mengurus maklumat, untuk mencapai kepelbagaian matlamat profesional selaras dengan piawaian profesional serta membuat keputusan berdasarkan maklumat dan hasil penyelidikan.

- Melibatkan diri dalam pembangunan kendiri dan pembangunan profesional secara berterusan, menyokong pembangunan profesional orang lain dan menunjukkan sikap kepimpinan dan profesional yang positif serta berbudi pekerti bagi amalan yang berkesan.

- Berkomunikasi secara berkesan dengan ahli profesional yang lain, masyarakat dan mempamerkan wawasan jelas terhadap tanggungjawab sosial.

- Menghayati dan sentiasa berpandukan nilai-nilai teras Universiti Malaya iaitu integriti, hormat, kebebasan akademik, berfikiran terbuka, kebertanggungjawaban, profesionalisme, meritokrasi, semangat kerja berpasukan, kreativiti dan tanggungjawab sosial.

# Canselor



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum
Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah

# Pro-Canselor



Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr.
Aishah Ong



Tan Sri Dato' Seri
Siti Norma Binti Yaakob





Tan Sri Dato' Seri DiRaja
Ramli Ngah Talib

# Lembaga Pengarah Universiti



**PENGERUSI**
Tan Sri Dato' Sri Profesor
Dr. Zakri Abdul Hamid



**NAIB CANSELOR**
Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim

**DUA ORANG PEGAWAI DARIPADA PERKHIDMATAN AWAM**



Dr. Ahmad Nazri Sulaiman
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan Penyelidikan dan Penyelarasan Dasar
Kementerian Pendidikan Malaysia



Dr. Sivabalasingam A/L Veerasingam
Ketua Seksyen Ekonometrik
Bahagian Ekonomi dan Fiskal
Kementerian Kewangan Malaysia



**SEORANG YANG MEWAKILI MASYARAKAT DI TEMPAT TERLETAKNYA UNIVERSITI ITU**
Dato' Seri Ir. Mohamad Othman Zainal Azim



**SEORANG PROFESOR UNIVERSITI YANG DIPILIH OLEH SENAT DARIPADA KALANGAN AHLI YANG DISEBUT DALAM PERENGGAN 17(D)**
Professor Ir. Dr. Abdul Aziz Abdul Raman

**LIMA ORANG YANG TERDIRI DARIPADA TIGA ORANG DARIPADA SEKTOR SWASTA, SEORANG DARIPADA ALUMNI UNIVERSITI DAN SEORANG LAGI DARI DALAM ATAU LUAR UNIVERSITI YANG PADA PENDAPAT MENTERI, MEMPUNYAI PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN YANG BOLEH MEMBANTU LEMBAGA**



Ar. Saifuddin Ahmad



Dato' Dr. R. Thillainathan



Datuk Seri Panglima Mohd. Annuar Zaini



Tan Sri Dr. Lim Wee Chai



Encik Hoe Kah Soon



**SETIAUSAHA**
Encik Yusoff Musa

(Dikemaskini sehingga 31 Disember 2017)

# Pengurusan Universiti



NAIB CANSELOR
Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim



TIMBALAN NAIB CANSELOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
Datuk Profesor Dr. Rohana Yusof



TIMBALAN NAIB CANSELOR
(PEMBANGUNAN)
Profesor Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan



TIMBALAN NAIB CANSELOR
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)
Dato' Profesor Dr. Awg Bulgiba Awg Mahmud



TIMBALAN NAIB CANSELOR
(PENYELIDIKAN & INOVASI)
Profesor Dr. Noorsaadah Abd. Rahman





PENDAFTAR
Encik Yusoff Musa



BENDAHARI
Puan Haliza Harun



KETUA PUSTAKAWAN
(Pemangku)
Encik Mahbob Yusof



PENGARAH,
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
Profesor Dr.
Tunku Kamarul Zaman Tunku Zainol Abidin

(Dikemaskini sehingga 31 Disember 2017)

# Penolong Naib Canselor

Profesor Dr. Kamila Ghazali
**PENOLONG NAIB CANSELOR (ANTARABANGSA)**

Profesor Dr. Shaliza Ibrahim
**PENOLONG NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN)**

Profesor Dr. Rofina Yasmin Othman
**PENOLONG NAIB CANSELOR (JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT)**

# Pegawai Utama Akademik

## DEKAN FAKULTI / INSTITUT

Profesor Madya Dr. Yahaya Ahmad
**Fakulti Alam Bina**

Profesor Dr. Stefanie Shamila Pillai
**Fakulti Bahasa dan Linguistik**

Profesor Dr. Noor Azina Ismail
**Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran**

Profesor Ir. Dr. Abdul Aziz Abdul Raman
**Fakulti Kejuruteraan**

Profesor Dr. Rohaida Mohd Saat
**Fakulti Pendidikan**

Dato' Profesor Dr. Zainal Ariff Abdul Rahman
**Fakulti Pergigian**

Profesor Dr. Che Ruhana Isa
**Fakulti Perniagaan dan Perakaunan**

Dato' Profesor Dr. Adeeba Kamarulzaman
**Fakulti Perubatan**

Profesor Dr. Zanariah Abdullah
**Fakulti Sains**

Profesor Dr. Abrizah Abdullah
**Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat**

Profesor Madya Dr. Hanafi Hussin
**Fakulti Sastera dan Sains Sosial**

Profesor Madya Dr. Johan Samsuddin Sabaruddin
**Fakulti Undang-Undang**

## PENGARAH PUSAT

Profesor Madya Dr. Roslinda Ithnin
**Pusat Asasi Sains**

Profesor Madya Dr. Mohd. Nasir Hashim
**Pusat Kebudayaan**

Dato' Profesor Dr. Mansor Md. Isa
**Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya**

Profesor Dr. Zulqarnain Mohamed
**Pusat Sukan**

## DEKAN / PENGARAH / PENGARAH EKSEKUTIF INSTITUT

Profesor Dr. Khadijah Md Khalid
**Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan**

Profesor Dr. Azirah Hashim
**Institut Asia-Eropah**

Datuk Profesor Madya Dr. Azarae Haji Idris (Malaysia)
Encik Chen Zhong (China)
**Institut Kong Zi**

Profesor Dr. Wan Haliza Abd Majid
**Institut Pengajian Siswazah**

Profesor Dr. Shaliza Ibrahim
**Institut Pengurusan dan Perkhidmatan Penyelidikan**

## PENGARAH AKADEMI

Dato' Profesor Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff
**Akademi Pengajian Islam**

Profesor Madya Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid
**Akademi Pengajian Melayu**

# Pegawai Utama Bukan Akademik

## PENGARAH

Ir. Hashbullishman Hashim
**Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB)**

Encik Adam Wong Abdullah
**Jabatan Penerbitan**

Profesor Madya Dr. Yong Zulina Zubairi
**Pejabat Hubungan Antarabangsa (IRO)**

Superintenden Fauzilan Abdul Aziz
**Pejabat Keselamatan**

Profesor Dr. Rauzah Hashim
**Penyelidikan Berimpak Tinggi (HIR)**

Profesor Dr. Rofina Yasmin Othman
**Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (UMCIC)**

Dato' Profesor Dr. Mohd Jamil Maah
**Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu (PKKM)**

Profesor Dr. Suhaiza Hanim Dato' Mohamad Zailani
**Pusat Keusahawanan (UMEC)**

Profesor Dr. Noorzulaani Khalid
**Pusat Komuniti dan Kelestarian (UMCARES)**

Puan Salmi Marsita Shaari
**Pusat Pelajar Antarabangsa (ISC)**

Profesor Dr. Yatimah Alias
**Pusat Pembangunan Kurikulum (CDC)**

Profesor Dr. Fauza Abdul Ghaffar
**Pusat Penambahbaikan Akademik dan Pembangunan Kepimpinan**

Profesor Madya Ir. Dr. Belinda Murphy
**Pusat Pencetus Bakat dan Latihan Industri (CITra)**

Profesor Dato' Dr. Mansor Md. Isa
**Pusat Pendidikan Berterusan (UMCCed)**

Profesor Dr. Suzeini Abd. Halim
**Pusat Pengurusan dan Penambahbaikan Kualiti (QMEC)**

Encik John Robertson
**Pusat Peningkatan Institusi (IAC)**

Datuk Profesor Dr. Danny Wong Tze Ken
**Pusat Perancangan dan Strategi Global (PPSG)**

Profesor Madya Dr. Siti Mashitoh Mahmood
**Unit Awqaf**

Puan Shahzatul Ermiza Johol (Timbalan)
**Pejabat Komunikasi Korporat (CCO)**

Puan Asiah Abu Samah (Pemangku)
**Pusat Teknologi Maklumat (PTM)**

## KETUA

Puan Siti Salwa Md. Padzil
**Bahagian Pentadbiran Pendaftar**

Puan Salwati Mohd. Aris (Pemangku)
**Unit Perundangan**

Cik Nuntasinee Muadmanee
**Pusat Pemasaran dan Pengambilan (MRC)**

Lt. Kol. Profesor Madya Dr. Abdul Halim Mokhtar
**Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES)**

## TIMBALAN PENDAFTAR KANAN

Encik Mahamad Apandi Khalib
**Bahagian Sumber Manusia**

## TIMBALAN PENDAFTAR

Puan Zarina Zainol Abidin
**Bahagian Akademik**

Encik Yusof Harun
**Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni**

Puan Robaayah Mohd Ghazali
**Bahagian Sumber Manusia**

Encik Puniamurthy Krishnasamy
**Pejabat Keselamatan dan Kesihatan**

## KURATOR

Encik Abd Aziz Abdul Rashid
**Muzium Seni Asia**

Puan Hazlin Anita Zainal Abidin
**Galeri Universiti Malaya**

# SELAYANG PANDANG





**Universiti Malaya (UM) merupakan universiti pertama yang ditubuhkan di Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) pada 8 Oktober 1949 daripada gabungan King Edward VII College of Medicine (1905) dan Raffles College (1928).**

Penubuhannya menjadi pemacu kepada kemajuan pendidikan di Tanah Melayu pada ketika itu sehingga tertubuhnya dua cawangan autonomi yang terletak di Singapura dan Kuala Lumpur pada tahun 1959. Dalam usaha memperkukuhkan pendidikan tinggi di kedua-dua negara, status universiti cawangan perlu dinaik taraf kepada universiti awam. Dengan kelulusan Akta Universiti Malaya pada tahun 1961 oleh Parlimen, UM telah diiktiraf sebagai universiti awam di Malaysia.

UM yang dikenali pada hari ini, secara rasminya bertapak kukuh sebagai universiti awam untuk Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Januari 1962. Matlamat awal dalam menyediakan pendidikan tinggi kepada penduduk Tanah Melayu telah berjaya melahirkan pemimpin dan intelektual dalam pelbagai bidang. Ketika Malaysia melalui pelbagai proses transformasi dalam dunia pendidikan, UM terus melipatgandakan usahanya bagi menjayakan visi untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang ternama di peringkat antarabangsa dalam penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pengajaran.

Bagi menjayakan wawasan murni ini, UM disokong oleh hospital pengajaran terbesar dan pertama di Malaysia iaitu Pusat Perubatan UM (PPUM), dua (2) akademi, dua belas (12) fakulti, tiga (3) institut dan tiga (3) pusat akademik yang merangkumi bidang perubatan, sains, teknologi serta sains sosial dan sains kemasyarakatan. Selain daripada itu, dalam usaha menyumbang kepada

perkembangan ilmu, UM telah mewujudkan enam (6) Kluster Penyelidikan. Penubuhan kluster ini menawarkan penyelesaian dan penemuan terbaharu dalam pelbagai bidang. Penekanan terhadap bidang penyelidikan diperkukuhkan dengan tertubuhnya pusat-pusat kecemerlangan di pelbagai pusat pengajian. Pengajaran, penyelidikan, penerbitan, inovasi dan komersialisasi menjadi tunjang usaha UM menyumbang kepada dunia akademik dan masyarakat.

Pada 11 Oktober 2006, UM telah diiktiraf oleh Jemaah Menteri sebagai salah satu daripada lima universiti penyelidikan di Malaysia. Pada 26 Januari 2012 pula, UM telah diberikan status autonomi oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Di atas kejayaan UM dalam pengurusan penyelidikan, UM kekal dengan pengiktirafan sebagai universiti penyelidikan sehingga kini melalui proses audit Malaysian Research Assessment Instrument (MyRA) I dan II.

Dengan menjadikan aspirasi nasional sebagai pegangan, UM terus memperkukuhkan kedudukannya dalam dunia akademik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

**UM berjaya melonjak ke kedudukan ke-114 universiti terbaik dunia bagi Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2017 dan di kedudukan ke-24 bagi QS Asian University Rankings 2018.**

Lima subjek di UM turut tersenarai dalam kelompok 500 terbaik dunia oleh QS World University Rankings by Subject 2017 iaitu *Electrical Engineering, Development Studies, Mechanical Engineering, Chemical Engineering* dan *Education*.

Di samping itu, UM turut menerima pengiktirafan antarabangsa yang lain termasuklah

- penarafan lima (5) bintang oleh QS Stars Ratings;
- tersenarai di kedudukan band 401-500 universiti terbaik dunia di Academic Ranking of World Universities (ARWU) 2017 oleh Shanghai Jiao Tong University, China;
- tersenarai di kedudukan ke-234 bagi University Ranking by Academic Performance (URAP) 2017-2018 World Ranking;
- tersenarai di kedudukan band 351-400 bagi Times Higher Education (THE) World University Rankings 2018 dan kedudukan ke-59 untuk THE Asia University Rankings 2017;
- tersenarai di kedudukan ke-301 dalam U.S. News & World Report Best Global Universities Rankings; dan
- tersenarai di kedudukan ke-34 terbaik dunia dalam penarafan UI GreenMetric World University Rankings dan kedudukan pertama dalam UI GreenMetric Greenest City Centre Campus in Asia.

Di peringkat kebangsaan pula, UM dianugerahkan enam (6) bintang iaitu pengiktirafan tertinggi Majlis Penarafan Universiti dan Kolej Universiti (SETARA) 2017. Kesemua pencapaian dan pengiktirafan yang diterima menobatkan UM sebagai universiti terbaik di Malaysia dan terus melakar nama di persada global.

Sejak penubuhannya pada tahun 1949, UM telah berjaya melahirkan lebih daripada 192,000 modal insan di negara ini. Antara pemimpin yang telah dilahirkan oleh UM adalah YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohammad (Mantan Perdana Menteri), YABhg. Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi (Mantan Perdana Menteri), YABhg. Tun Musa Hitam (Mantan Timbalan Perdana Menteri) dan YABhg. Tan Sri Muhyiddin Hj. Mohd Yassin (Mantan Timbalan Perdana Menteri), YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi (Timbalan Perdana Menteri), YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa (Ketua Setiausaha Negara), YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Zeti Akhtar Aziz (Mantan Gabenor Bank Negara), YBhg. Tan Sri Dr. Lim Wee Chai (Pengerusi Eksekutif Top Glove Corporation Bhd), YBhg. Tan Sri Profesor Emeritus Khoo Kay Kim (sejarawan negara) dan ramai lagi tokoh politik dan korporat tersohor negara.

Seiring dengan universiti-universiti antarabangsa, UM telah menjalinkan usaha sama dengan institut penyelidikan dan universiti terkemuka dari 71 buah negara. Antara universiti terkemuka dunia yang menjalinkan kerjasama secara aktif dengan UM adalah:

- University of Cambridge
- National University of Singapore
- Yale University
- Kyoto University
- University of Sydney
- National Taiwan University
- Queen's University, Belfast
- Beijing Foreign Studies University

Salah satu mercu tanda UM adalah penubuhan University of Malaya High Impact Research (UM HIR) pada Februari 2010, dan sebanyak RM10 juta dana dalaman UM telah diperuntukkan bagi menggalakkan penyelidikan asas yang mensasarkan penerbitan *Tier* 1 ISI/WoS. Menyedari kepentingan

UM sebagai institusi penyelidikan terkemuka negara, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah meluluskan peruntukan berjumlah RM590 juta untuk Program UM-MoHE HIR bagi tempoh 5 tahun bermula Ogos 2011 sehingga Jun 2016.

Sehingga kini, UM telah melantik empat Felo Nobel dan dua Profesor Ulung sebagai ahli Majlis Penasihat HIR. Mereka terdiri daripada Felo Nobel Profesor Barry Marshall (Fisiologi atau Perubatan), Felo Nobel Profesor Ryoji Noyori (Kimia), Felo Nobel Profesor David Baltimore (Fisiologi atau Perubatan), Felo Nobel Sir Dr. Richard Roberts (Fisiologi atau Perubatan), Profesor Ulung Rita Colwell (University of Maryland, USA) dan Profesor Ulung Wong Chi-Huey (Academia Sinica, Taiwan).

Bagi memastikan kurikulum yang disediakan menepati kehendak serta keperluan nasional dan antarabangsa, UM telah berjaya memperolehi akreditasi daripada pelbagai institusi dan badan profesional antarabangsa. Di peringkat nasional, kesemua program akademik di UM memenuhi standard yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan-badan profesional tempatan. Di peringkat antarabangsa pula, antara institusi dan badan profesional antarabangsa yang memberikan akreditasi kepada UM adalah *Washington Accord, Institution of Chemical Engineers UK, Royal Institution of Chartered Surveyors, Association of Building Engineers, Royal Institute of British Architects, The Association of Chartered Certified Accountants, The Chartered Institute of Management Accountants, Institute of Chartered Accountants England and Wales, Certified Practicing Accountants of Australia, SMBG-Eduniversal France, Royal College of Surgeons of England UK, Institute of Physics & Engineering in Medicine UK, Association of MBA, UK, The Association to Advance Collegiate Schools of Business, Royal Society of Chemistry, UK* dan banyak lagi. Pengiktirafan yang diterima daripada pelbagai peringkat ini menunjukkan program akademik yang ditawarkan di UM adalah setanding dengan universiti ternama di dunia.

Sebagai universiti ulung di negara ini, UM berikrar untuk menerajui bidang penyelidikan dan inovasi serta mencapai kedudukan di antara 100 universiti terbaik dunia menjelang 2020.

# 01

## NAIB CANSELOR

# 1.1 Laporan Naib Canselor



Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim



**Alhamdulillah, syukur ke hadrat ilahi atas limpah kurnia-Nya yang telah mengizinkan laporan tahunan Universiti Malaya (UM) ini dikeluarkan bagi tahun 2017 yang menyaksikan pelbagai kejayaan telah dilakar yang membanggakan negara dan bangsa. Dalam usianya yang semakin matang, UM terus melonjakkan kedudukannya di persada pendidikan tinggi bukan sahaja di peringkat kebangsaan tetapi juga di peringkat antarabangsa.**

Kejayaan UM pada hari ini dan tahun-tahun sebelumnya adalah berkat semangat juang yang tinggi warganya dengan sokongan tidak berbelah bahagi semua pihak termasuklah Lembaga Pengarah Universiti, Pengurusan Tertinggi Universiti, agensi kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi serta pemegang taruh yang lain seperti industri, majikan, staf dan mahasiswa.

Selepas menerima pengiktirafan sebagai Universiti Penyelidikan pada tahun 2006, UM terus ke hadapan mengorak langkah dengan lebih proaktif dan inovatif melalui pelbagai aktiviti yang telah menyumbang kepada kedudukan terbaik UM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa khususnya dalam penarafan dan penyetaraan. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, pembangunan modal insan dan khidmat kemasyarakatan terus diberi keutamaan dan pemangkin kepada pelbagai kejayaan yang diraih.

### 1.1.1 Penarafan dan Pengiktirafan

Dengan menjadikan aspirasi nasional sebagai pegangan, selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Pendidikan Tinggi 2015 – 2025, UM terus memperkukuhkan kedudukan dalam dunia akademik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. UM kini telah berjaya meletakkan kedudukannya dalam kelompok 1% universiti terbaik dunia daripada sejumlah 26,000 buah universiti di seluruh dunia. Sejak tahun 2014, UM terus menunjukkan peningkatan dalam penarafan yang sangat ketara dengan kenaikan 53 anak tangga (daripada 167 pada tahun 2014) bagi tempoh lima (5) tahun.

Kejayaan UM pada tahun 2017 untuk berada di kedudukan ke-114 terbaik dunia bagi QS World University Ranking berbanding kedudukan ke-133 pada tahun 2016 (kenaikan 14%) dan ke-24 bagi QS Asian University Ranking daripada kedudukan di tangga ke-27 pada tahun lalu (kenaikan 11%) membuktikan keseriusan UM untuk terus menggapai impian meletakkan kedudukannya di tangga 100 dunia pada tahun 2020.

Berdasarkan subjek pula, pada tahun 2017, 32 subjek telah berjaya tersenarai dalam kelompok 50 hingga 300 dunia di mana lima (5) subjek berada di kelompok 50 terbaik dunia manakala 19 subjek lagi di kelompok 100 terbaik dunia. Lima (5) subjek tersebut adalah *Electrical Engineering* (23), *Development Studies* (26), *Mechanical Engineering* (33), *Chemical Engineering* (38) dan *Education* (41).

Bagi penarafan QS Graduate Employability Rankings 2018, UM tersenarai dalam kedudukan band 201-250. Selain itu, UM juga tersenarai dalam kedudukan band 401-500 universiti terbaik dunia di Academic Ranking of World Universities (ARWU) 2017 oleh Shanghai Jiao Tong University, China. Pencapaian ini menobatkan UM sebagai universiti terbaik di Malaysia. UM menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa sebagai satu-satunya institusi pengajian tinggi di Malaysia yang dianugerahkan penarafan lima (5) bintang oleh QS Stars Ratings. UM juga telah diiktiraf dalam University Ranking by Academic Performance (URAP) di kedudukan 244.

Tahun 2017 merupakan tahun pertama UM menyertai *Times Higher Education (THE)* World University Rankings Asia and World. Penyertaan UM untuk julung kali ini menobatkan UM di kedudukan ke-59 untuk THE Asia University Rankings 2017 dan tersenarai dalam kedudukan band 351-400 bagi THE World University Rankings 2018. THE World University Rankings 2018 by subject menyenaraikan 6 subjek dalam penarafan tersebut.

U.S. News & World Report Best Global Universities Rankings telah menyenaraikan UM di kedudukan ke-301 dalam dunia manakala bagi subjek pula, Kejuruteraan telah berjaya berada di kedudukan ke-10 terbaik dunia.

UM turut mendapat pengiktirafan sebagai *Green Campus* melalui UI GreenMetric World University Rankings yang meletakkan UM pada kedudukan ke-34. Manakala bagi UI GreenMetric Greenest City Centre Campus pula UM berada di kedudukan ke-6 dunia dan ini menjadikan UM berada di kedudukan teratas dan pertama bagi UI GreenMetric Greenest City Centre Campus in Asia mengatasi universiti-universiti lain di Asia.

Di peringkat dalam negara, UM telah dianugerahkan penarafan 6 bintang melalui penyetaraan Malaysia iaitu SETARA 2017. Sebagai Universiti Penyelidikan, prestasi Universiti Malaya setiap tahun akan dinilai melalui instrumen MyRA. Pada tahun 2016, UM telah berjaya mendapat skor 114.52 dan memperolehi enam (6) bintang untuk MyRA I, manakala bagi MyRA II pula skor UM adalah 88.12 yang merupakan markah tertinggi yang diperolehi dari kalangan semua universiti penyelidikan di Malaysia. MyRA I dan MyRA II kedua-duanya menggunakan kriteria yang berbeza di mana MyRA I melibatkan semua IPTA dan IPTS yang mengambil bahagian di Malaysia. Manakala MyRA II adalah khusus bagi lima (5) Universiti Penyelidikan sahaja.

Penglibatan UM dalam penyetaraan dan penarafan khususnya di peringkat dunia adalah bagi memastikan UM terus menjadi destinasi pilihan terutamanya bagi calon pelajar berpotensi dan rakan institusi untuk mengembangkan bidang kepakaran masing-masing melalui aktiviti penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran. Bagi mengukuhkan kedudukannya supaya setanding dengan Universiti terkemuka dunia, UM perlu memastikan sasaran berada di tangga 100 dunia tercapai.

## 1.1.2 Pengajaran dan Pembelajaran

Tidak dinafikan bahawa pembangunan modal insan di Universiti berkait rapat dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Khidmat sokongan yang disediakan oleh Universiti untuk mendokong usaha ke arah pengajaran dan pembelajaran berkualiti terus diperkukuhkan.

Pada tahun 2017, Pusat Pembangunan Akademik (ADeC) atau telah dijenamakan semula sebagai Pusat Penambahbaikan Akademik dan Pembangunan Kepimpinan dalam usaha untuk memperkasakan peranan dan fungsinya yang berlandaskan empat (4) ciri utama iaitu Pengajaran dan Pembelajaran (T&L), Pembelajaran Maya (e-Learning), Penyelidikan dan Pembangunan Penyelidik *(Research and Researcher Development)* dan, Kepimpinan dan Kesejahteraan *(Leadership and Wellbeing)*. Di bawah penjenamaan semula ini kerangka latihan yang baharu diwujudkan yang terdiri daripada dua (2) program utama iaitu *Mainstream* dan *Auxiliary*.

Program *Mainstream* disusun dalam empat (4) tahap iaitu *Aspire, Emerald*, *Inpire* dan *Leade*r. Setiap tahap mengandungi modul latihan dalam aspek Pengajaran dan Pembelajaran, Penyeliaan, Penyelidikan dan Kepimpinan dan Kesejahteraan.

Bagi menyokong aktiviti ilmiah dalam kalangan ahli akademik dan pelajar Ijazah Tinggi, Program Research Methodology and Statistical Help (ReSH) telah diwujudkan bertujuan membantu mereka dalam menyelesaikan masalah yang berhubungkait dengan Kaedah Penyelidikan dan Analisa Statistik. Program melibatkan perjumpaan bersemuka di antara pelanggan dengan felo penyelidik di ADeC.

## 1.1.3 Pembangunan Mahasiswa

Sesebuah Universiti tidak akan dapat menjalankan fungsi dan peranan dengan baik tanpa mahasiswa di peringkat ijazah pertama mahupun ijazah tinggi. UM terus komited memberikan khidmat yang terbaik untuk mahasiswa bagi memastikan graduan yang dihasilkan menepati ciri-ciri mahasiswa holistik dan berdaya saing sebagai persiapan mereka memasuki dunia pekerjaan.

Kejayaan mahasiswa menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 2017 membuktikan kewibawaan mereka sebagai mahasiswa Universiti Malaya semakin terserlah.

Antara kejayaan yang dicapai oleh mahasiswa UM di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa adalah Posco Asia Fellowship Awards, 2017 Future Conservationist Award by UK-Based Conservation Leadership Programme, Champion Airbus Startup Weekend Singapore 2017, Procter & Gamble Asean Business Challenge, Malaysian Institute of Certified Public Accountant (MICPA) Excellence Awards, Hadiah Deloitte, Investment Challenge Game 2017, CFA Institute Research Challenge, Kuiz Pelaburan PNB Malaysia 2017, Ravindra Dass Best Student Award dan Anugerah Kecemerlangan Ijazah Sarjana Muda Kaunseling Anjuran PERKAMA. Selain itu, mahasiswa UM juga menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dalam pelbagai bidang seperti sukan, kebudayaan, pidato, debat, perakaunan dan reka cipta sama ada dalam negara mahupun antarabangsa.

Melalui Pasukan Debat, UM melakar sejarah apabila berjaya untuk berada di kedudukan ke-19 sebagai sebuah pasukan dan kedudukan ke 13 sebagai sebuah institusi daripada 328 buah pasukan yang menyertai pertandingan bagi kategori Terbuka dalam Kejohanan Debat Universiti Dunia di Mexico City. Ini merumakan peningkatan yang amat baik berbanding pada tahun 2015, iaitu pada kedudukan ke-238 dan kedudukan ke-122 pada tahun 2016. Kedudukan UM juga adalah yang terbaik di Malaysia berbanding universiti awam yang lain seperti IIUM dan UiTM.

Pasukan debat Bahasa Inggeris UM juga telah melakarkan beberapa kemenangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa antaranya Johan Pertandingan Debat DiRaja dan Johan kategori *English as a Second Language* di kejohanan Australasian Debating.

Bagi Debat Bahasa Arab pula, pasukan UM berjaya menjadi Johan sebanyak lapan (8)kali daripada 16 pertandingan yang disertai. Dalam pertandingan Debat DiRaja, UM telah menjadi Johan sebanyak dua (2) kali iaitu pada tahun 2016 dan 2017 serta memenangi kategori pendebat terbaik keseluruhan.

Tahun 2017 juga menyaksikan bahawa sukarelawan UM terlibat secara langsung di dalam penganjuran Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 yang melibatkan lebih kurang 400 orang pelajar secara keseluruhannya, antara pasukan sukarelawan yang tertinggi. Acara yang berprestij ini telah memberi pendedahan kepada pelajar dalam pengurusan acara di samping membantu dalam pembangunan jati diri serta membina ketahanan dalam menghadapi cabaran di dunia sebenar.

Pengiktirafan kepada pemimpin mahasiswa juga terserlah apabila Saudara Syaiful Asyraff Kamarudin, Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar UM telah dipilih sebagai Pengerusi Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) untuk sesi 2017/2018. MPPK merupakan platform yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi kepada Pemimpin Pelajar Universiti Awam dan Swasta untuk menyampaikan cadangan atau idea secara terus kepada Kepimpinan Tertinggi Negara.

Bagi mempersiapkan mahasiswa dengan khidmat kepada masyarakat, Sekretariat Sukarelawan Universiti Malaya (SEKRUM) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah menggerakkan Misi Bantuan Mangsa Banjir ke negeri-negeri terjejas akibat bencana banjir iaitu Pulau Pinang dan Pahang serta menyampaikan sumbangan barangan keperluan harian yang berjumlah RM14,000 kepada 180 mangsa banjir. Mahasiswa juga berpeluang mengadakan program psikososial bersama kanak-kanak di pusat pemindahan banjir. Aktiviti para sukarelawan ini mendapat pengiktirafan apabila seramai 7 orang sukarelawan UM telah terpilih sebagai Sukarelawan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) untuk terlibat dengan aktiviti sukarelawan di Sabah, Vietnam dan Laos yang ditanggung sepenuhnya oleh KPT bagi melaksanakan program tersebut yang merupakan program sukarelawanan yang berimpak tinggi.

Penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti bukan sahaja memberi pendedahan kepada keadaan dalam komuniti tetapi juga membina potensi diri mereka sebagai mahasiswa yang mempunyai daya juang yang tinggi dan holistik dalam mendepani cabaran masa hadapan.

### 1.1.4 Pengurusan Bakat

Modal insan merupakan aset utama yang menjadi tulang belakang kejayaan sesebuah organisasi. Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang mempunyai visi untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang ulung di peringkat antarabangsa dalam bidang penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pengajaran, aspek modal insan terus diberi perhatian utama.

Pada tahun 2017, buat pertama kali Universiti Malaya membangun dan melaksanakan laluan kerjaya akademik untuk empat (4) trek iaitu standard, penyelidikan, pengajaran dan profesional.

UM juga terus memperkukuhkan Standard Academic Performance Target (SAPT) dalam usaha memastikan pengiktirafan sewajarnya diberikan kepada staf yang memberi sumbangan kepada Universiti.

Bagi memastikan input berharga sentiasa diperolehi daripada wakil industri, UM juga mengorak langkah dengan memperkenalkan Trek Laluan Kerjaya Pengamal Profesional yang merupakan platform untuk memberi peluang serta menarik para pengamal industri yang berminat untuk menjadi staf akademik di UM. Selaras dengan hasrat PPPM (PT) yang mahu meningkatkan bilangan graduan kedoktoran untuk menyumbang kepada pembangunan negara, UM komited untuk menyokong inisiatif ini. Pada tahun 2017, seramai 645 graduan kedoktoran dihasilkan dan merupakan yang tertinggi setakat ini di UM.

Dalam memastikan UM mencapai aspirasinya melalui barisan kakitangan yang cekap, komited dan berintegriti tinggi, program-program pembangunan kakitangan terus diperkasakan. Pada tahun 2017, eksesais naziran yang menyeluruh bagi kakitangan bukan akademik telah berjaya diselesaikan. Eksesais naziran ini memberi tumpuan khusus kepada matlamat memastikan penggunaan tenaga kerja yang optimum melalui *multi-tasking* dan *multi-skilling*, membuat penjajaran semula fungsi jabatan yang bertindih serta membuat agihan semula jawatan berdasarkan keperluan perkhidmatan.

Bagi memperkasakan nilai dan jati diri warga Universiti,  sekurang-kurangnya 37 program kesedaran dan kempen integriti telah dianjurkan oleh Unit Integriti sepanjang tahun 2017, antaranya Integrity Tea Talk yang menampilkan Profesor Ulung bagi membicarakan tentang isu integriti dalam penyelidikan dan penerbitan. Program Sembang Integriti pula mendedahkan kepada warga UM mengenai peraturan dan tatakelakuan yang perlu diketahui dan dipatuhi dalam melaksanakan tugas seharian.

### 1.1.5 Memperkukuh Kolaborasi

Tahun 2017 menyaksikan UM menjadi tumpuan dunia apabila menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan kepada dua tokoh antarabangsa iaitu Seri Paduka Baginda Raja Arab Saudi, Raja Salman bin Abdul Aziz bersempena lawatan beliau ke Malaysia pada penghujung bulan Februari 2017 dan *His Imperial Highness Crown Prince* Hironomiya Naruhito *Crown Prince of Japan* pada bulan April 2017 melalui majlis Konvokesyen Khas.

Selain daripada itu, keahlian UM dalam beberapa badan profesional di peringkat antarabangsa membantu UM dalam melaksanakan agenda pengantarabangsaan yang secara tidak langsung meningkatkan *visibility* UM di mata dunia. Badan-badan terkemuka adalah seperti Africa-Asia Development University Network, Association of Pacific Rim Universities (APRU), Asia Pacific Association For International Education (APAIE), Asia Pacific Leaders (APL) dan The Association of Commonwealth University membolehkan UM melaksanakan pelbagai aktiviti bersama dan memberi impak besar terutamanya melalui *academic reputation* yang sangat penting untuk membina reputasi UM dalam eksesais penarafan.

UM terus mengorak langkah dengan lebih jauh dalam usaha mengukuhkan jalinan kolaborasi dan kerjasama pintar dengan institusi di dalam dan luar negara. Pada tahun 2017, terdapat sebanyak 413 MoU dan 338 MoA dengan institusi antarabangsa yang masih aktif. Melalui MoU dan MoA sebegini, UM mendapat manfaat apabila pelbagai aktiviti

dilaksanakan termasuklah melaksanakan program akademik secara *double/dual degree*. Sehingga kini UM mempunyai 35 program akademik yang ditawarkan secara *double/dual degree* melalui kerjasama dengan institusi antarabangsa, iaitu dua (2) program ijazah pertama, lapan (8) program sarjana dan 25 program PhD. Antara institusi yang terlibat adalah University of Southampton, Osaka University, University of New South Wales (UNSW), Loughborough University dan the University of Sydney.

Berdasarkan senario ekonomi semasa, UM turut menerima tempiasnya apabila pengurangan geran penyelidikan daripada pihak KPT dan agensi-agensi kerajaan yang lain bagi tahun 2017 berbanding tahun-tahun sebelumnya. Namun usaha dan beberapa inisiatif telah diambil oleh pihak Universiti untuk meningkatkan dana penyelidikan dari sumber swasta, industri dan antarabangsa. Hasilnya, untuk tahun 2017 Universiti telah berjaya meningkatkan sumber dana penyelidikan sebanyak hampir 38% berbanding tahun sebelumnya. Ini menyumbang kepada peningkatan jumlah geran penyelidikan keseluruhan melebihi RM5 juta, walaupun sumbangan daripada pihak Kerajaan menyusut sebanyak lebih 24% berbanding tahun sebelumnya. Penyumbang utama kepada peningkatan jumlah geran penyelidikan selain yang diterima daripada pihak Kerajaan adalah *Newton Fund*.

Selain geran penyelidikan Newton Fund, beberapa geran penyelidikan yang diperolehi hasil usaha antaranya Erasmus+, Horizon 2020 dan National Institute of Health (NIH). Usaha mengukuhkan penyelidikan dalam bidang-bidang berimpak tinggi telah dibantu dengan jalinan kerjasama UM bersama industri. Tahun 2017 menyaksikan lebih 50 industri aktif menjalankan kolaborasi penyelidikan di UM dengan nilai dana keseluruhannya RM11.7 juta, antara industri yang terlibat adalah Newton-Ungku Omar Foundation, Motorola Solutions Foundation, OSRAM-OPTO Semiconductor Sdn Bhd, Oleon Sdn Bhd dan The Nippon Foundation Japan.

### 1.1.6 Pengiktirafan untuk Warga

Para akademik dan penyelidik UM telah membuktikan bahawa sumbangan mereka yang tidak ternilai harganya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah mendapat pengiktirafan berprestij. Sebanyak 48 anugerah diterima dari dalam negara manakala 41 anugerah diterima di peringkat antarabangsa.

Antara penerima anugerah dan pengiktirafan adalah Profesor Dr. Masjuki Hj Hassan dari Fakulti Kejuruteraan, penerima *2017 Merdeka Award for Outstanding Scholastic Achievement Category* untuk pencapaian beliau dalam *Development of biofuel and other sources of efficient energy and automotive engines*. Profesor Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan dari Fakulti Kejuruteraan pula merupakan penerima bagi anugerah 2017 Malaysia Toray Science Foundation (MTSF), Science & Technology Award. Tahun 2017 juga menyaksikan Datin Prof. Dr. Raihanah Abdullah menerima Anugerah Maulidur Rasul peringkat Kebangsaan pada 30 November 2017.

Profesor Madya Dr. Sarinder Kaur Kashmir Singh dari Fakulti Sains, penerima Hind Rattan Award (Jewel of India) 2017 yang dianugerahkan oleh Nri Welfare Society of India. Hasil penyelidikan yang bertajuk *Physiochemical properties and cellular toxicity of oil plant seeds available in Tasik Chini Biosphere Reserve as an alternative for conventional natural oils with regards to nutraceutical and food industry,* telah melayakkan Dr. Adeeb Hayyan dari Akademi Pengajian Islam, menerima anugerah 2017 UNESCO Man and the Biosphere (MAB) Young Scientists Awards. Manakala Profesor Dr. Ling Tau Chuan dari Fakulti Sains pula menerima hadiah Young Asian Biotechnologist Prize 2017 bagi penyelidikan bertajuk *Recovery of biotechnological products using aqueous two phase systems*.

Profesor Dr. Phang Siew Moi dari Institute of Ocean and Earth Sciences (IOES) pula merupakan penerima Newton Prize 2017 di bawah Newton-Ungku Omar Fund Programme bagi projek penyelidikan bertajuk *Integrating Algal Biophotovoltaics for Bioelectricity Production with Agro-Industrial Wastewater Remediation using Tropical Algae*. Selain itu, Prof. Ir. Dr. Masjuki Hassan dan Prof. Madya Dr. Md. Abul Kalam dari Fakulti Kejuruteraan pula telah dinobatkan sebagai *2017 Highly Cited Researcher oleh Clarivate Analytics.*

Status Current Research in Malaysia (CREAM), yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi membolehkan 3 jurnal UM menerima status CREAM iaitu *Malaysian Journal of Library & Information Science dan International Journal of Mechanical and Materials Engineering* bagi kategori Jurnal Berprestasi Tinggi Diindeks dalam Web of Science (WOS) dan *Malaysian Journal of Computer Science* bagi kategori Jurnal Berprestasi Tinggi Diindeks dalam Scopus.

Melalui inisiatif dalaman, bagi mengiktiraf sumbangan warga Universiti dalam bidang masing-masing, UM telah memperkenalkan Anugerah Cemerlang Universiti Malaya sejak tahun 2009. Pada tahun 2017, majlis Anugerah Cemerlang Universiti Malaya 2017 yang merupakan edisi kelapan telah disempurnakan oleh DYMM Tuanku Canselor. Pada kali ini, seramai 47 penerima telah dipilih untuk 26 kategori utama anugerah, di mana penilaian adalah berdasarkan pencapaian cemerlang mereka dalam tahun 2016. Inisiatif ini adalah sejajar dengan Lonjakan 2 dalam PPPM (PT) iaitu Kecemerlangan Bakat.

### 1.1.7 Penutup

Kejayaan demi kejayaan yang diraih pada tahun 2017 merupakan sumbangan berterusan seluruh warga Universiti yang bersandarkan kepada nilai murni yang menjadi teras kepada UM. Penghargaan tidak terhingga diberikan kepada semua warga Universiti tanpa mengira jawatan ataupun peranan, di atas semua jasa dan sumbangan kepada UM. Pastinya perancangan Universiti tidak akan dapat dilaksanakan tanpa sokongan pelbagai pihak. Sekalung penghargaan juga diberikan kepada Lembaga Pengarah Universiti, agensi kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi dan pemegang taruh yang lain termasuk rakan industri, mahasiswa dan staf yang telah membantu UM dalam menjayakan agendanya.

Bagi merealisasikan hasrat dan impian Universiti dalam mendokong kepada aspirasi negara, UM akan terus komited melaksanakan pelbagai agenda yang telah dirancang khususnya dalam usaha menjulang kedudukan 100 terbaik dunia pada tahun 2020. Pengurusan UM percaya komitmen dan semangat juang yang tinggi dalam kalangan warganya merupakan elemen penting untuk mencapai hasrat tersebut.

## 1.2 Penunjuk Kecekapan dan Keberkesanan

**Jadual 1.1: Penunjuk kecekapan dan keberkesanan berdasarkan *Ministry Key Performance Indicator* (MKPI) 2017**

| Perkara | Penunjuk kecekapan | | Penunjuk Keberkesanan (Keseluruhan) |
|---|---|---|---|
| | Tahun Sebelum (2016) | Tahun Semasa (2017) | |
| Peratusan graduan yang berstatus bekerja semasa konvokesyen.<br>*Nota: Berdasarkan Tracer Study* | 77.4% | 78.15% | 94.2% |
| Nisbah penerbitan oleh universiti dalam jurnal berindeks dan prosiding | 2.31 | 2.44 | 116.2% |
| Nisbah sitasi kumulatif oleh universiti | 60.9 | 75.72 | 137.7% (termasuk *self-citation*) |
| Peratus penjanaan pendapatan daripada jumlah perbelanjaan mengurus UA | 12% | 24.83% | 99.3% |
| Kadar keciciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di Universiti Awam | | | |
| • Sarjana Muda | 9% | 10% | 70% |
| • Sarjana | 32% | 26% | 69.2% |
| • PhD | 29% | 26% | 73.4% |
| Peratusan pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGOT) | | | |
| • Sarjana Muda | 75% | 75% | 88.2% |
| • Sarjana | 26% | 27% | 54% |
| • PhD | 30% | 32% | 80% |
| Peratusan enrolmen pelajar dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di IPTA | Tidak berkaitan | | |
| Kedudukan Universiti Awam di bawah penarafan QS Global Ranking | | | |
| • Bilangan bidang di universiti yang berada pada kedudukan 50 teratas berdasarkan QS World University Rankings by Subject. | 2 | 5 | 250% |
| • Bilangan bidang di universiti yang berada pada kedudukan 51 – 200 teratas berdasarkan QS World University Rankings by Subject. | 23 | 25 | 100% |
| Menjuarai Sebagai Jenama Pendidikan Malaysia di Peringkat Antarabangsa | | | |
| • Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa | 3830 | 3886 | 97.2% |
| • Bilangan enrolmen pelajar antarabangsa pascasiswazah | 2429 | 2909 | 73.6% |

# 1.3 Laporan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dan Jaminan Kualiti Akademik Pusat Pengurusan dan Penambahbaikan Kualiti (QMEC)

## 1.3.1 Audit Kualiti Dalaman

Bermula pada tahun 2017, pelaksanaan audit kualiti dalaman dijalankan dengan menggunakan pendekatan mengikut Proses Teras universiti. Dapatan audit yang telah dijalankan terhadap UM adalah lebih berfokus dan senang untuk menjalankan penambahbaikan.

**Jadual 1.2: Dapatan Audit Kualiti Dalaman UM (2015-2017)**

| Tahun | Ketakakuran / *Non - Compliance (NC)* |
|---|---|
| 2015 | 269 |
| 2016 | 220 |
| 2017 | 123 |

## 1.3.2 Audit oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

**Jadual 1.3: Dapatan audit (2015-2017)**

| Tahun | Ketakakuran / *Non - Compliance (NC)* | Peluang Penambahbaikan / *Opportunity for Improvement (OFI)* |
|---|---|---|
| 2015 | 4 | 21 |
| 2016 | 4 | 8 |
| 2017 | 1 | 14 |

Pada umumnya, Sistem Pengurusan Kualiti UM telah dilaksanakan dan dikekalkan dengan secukupnya mengikut keperluan MS ISO 9001:2015. Keberkesanan SPK, Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti telah dikaji setiap tahun di Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) dengan mematuhi keperluan pengawalseliaan dan statutori yang berkaitan mematuhi keperluan standard.

Pelaksanaan Sistem Pengurusan kualiti dipantau melalui audit dalaman yang dilaksanakan pada setiap tahun dan juga menunjukkan peningkatan komitmen pengurusan yang ditunjukkan sepanjang audit. Secara keseluruhan, pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti adalah memuaskan.

## 1.3.3 Pencapaian Jaminan Kualiti Akademik dan Akreditasi

**Jadual 1.4: Bilangan program yang telah diakreditasi.**

| Tahun | 2015 | | 2016 | | 2017 | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| *Self Accreditation* | | | | | | |
| | **Permohonan** | Diluluskan | Permohonan | Diluluskan | Permohonan | Diluluskan |
| *Provisional accreditation* | 4 | 4 | 6 | 6 | 15 | 5 |
| *Full Accreditation* | 8 | 10 | 11 | 4 | 3 | 11 |
| *Reaccreditation* | - | - | - | - | 70 | 70 |

## 1.4 Pusat Peningkatan Institusi

Sepanjang tahun 2017, Pusat Peningkatan Institusi (IAC) telah berjaya mengumpul dana sebanyak RM2,612,540.00 melalui program penjanaan dana yang melibatkan sokongan daripada alumni, sektor korporat dan lain-lain. Antara syarikat korporat utama yang terlibat adalah AVON Malaysia Sdn. Bhd., Jasarama Sdn. Bhd dan Meranti Delima Sdn. Bhd.

**Jadual 1.5: Dana yang dikumpul oleh Pusat Peningkatan Institusi pada tahun 2017.**

| Bil. | Sumber Pendapatan | Jumlah Pendapatan (RM) |
|---|---|---|
| 1. | Alumni | 7,510.00 |
| 2. | Yayasan | 50,000.00 |
| 3. | Individu | 301,030.00 |
| 4. | Syarikat/Korporat | 2,252,000.00 |
| 5. | PTj (Dalaman) | 1,000.00 |
| 6. | *In-kind* | 1,000.00 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **RM2,612,540.00** |

Pada Oktober 2017, IAC juga telah melaksanakan penjenamaan semula *UM Giving* kepada *Giving2UM* platform menyumbang atas talian yang lebih mesra pelanggan dan cekap. Kemudahan ini diharap dapat menarik minat lebih ramai alumni, syarikat korparat dan individu untuk menyumbang kepada UM untuk disalurkan bagi insiatif di bawah:

(a) Biasiswa dan Bantuan Kewangan *(Scholarship and Bursaries);*

(b) Kebajikan Pelajar *(Welfare and Hardship Provision);*

(c) Kemudahan Pembelajaran dan Pengajaran *(Learning and Teaching Facilities);* dan

(d) Kemudahan Penyelidikan *(Research Facilities).*

Pada tahun 2017 juga, IAC telah menerima sumbangan berjumlah RM7,000.00 daripada Persatuan Alumni India Universiti Malaya (PANI UM). Sumbangan tersebut telah disalurkan kepada semua pelajar baru (Semester I) berbangsa India yang kurang berkemampuan yang sedang mengikuti pengajian di peringkat ijazah pertama, sesi 2017/2018. Bantuan kewangan tersebut diharap dapat membantu meringankan beban kewangan yang dihadapi pelajar untuk menampung perbelanjaan permulaan di kampus sebelum pinjaman PTPTN diperolehi. IAC berharap projek yang dirintis oleh PANI UM akan menjadi ikutan persatuan-persatuan alumni yang lain untuk memberi sumbangan kepada *alma mater*.

IAC turut terlibat dalam mendapatkan dana bagi Kempen Kesedaran Kanser Payu Dara yang dianjurkan oleh Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) pada sepanjang bulan Oktober 2017. Antara sumbangan yang diterima adalah sebanyak RM1,000 dari UM Cares dan sumbangan *in-kind* bernilai RM1,000 dari Jabatan Penerbit.

Selain itu, IAC juga sedang mengusahakan beberapa projek penjanaan dana untuk penyelidikan seperti berikut:

(a) Pengubahsuaian Aras 3, Fakulti Perubatan bagi menyediakan kemudahan perundingan dan percetakan 3D yang baharu untuk Jabatan Ortopedik;

*(b) A Centre of Astronomy and Astrophysics: Community Learning Club and Camp;*

(c) Menyediakan khidmat rawatan *intra operative radiotherapy technics* kepada pesakit kanser payudara yang dalam kategori berpendapatan rendah; dan

(d) Menyediakan khidmat rawatan *deep brain stimulation* kepada pesakit yang mengalami *Parkinson Disease* yang dalam kategori berpendapatan rendah.

## 1.5 Jabatan Penerbitan

Fungsi utama Jabatan Penerbitan adalah untuk menerbitkan buku karya asli berbentuk ilmiah dan karya penyelidikan yang mencerminkan kesarjanaan dan prestasi UM. Jabatan Penerbitan juga diberi tanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan percetakan yang profesional kepada warga kampus UM.

Jabatan berjaya mengekalkan prestasi baik walaupun menghadapi cabaran akibat daripada pemotongan bajet perbelanjaan Universiti. Perolehan keseluruhan menurun sebanyak 2% dari tahun 2016 iaitu daripada RM2.98 juta kepada RM2.92 juta pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, keuntungan keseluruhan meningkat kepada RM533,790.68.

Sebanyak 44 judul diterbitkan pada 2017 dengan 24 judul dalam Bahasa Melayu dan 20 judul dalam Bahasa Inggeris. Judul 'Perspektif Bersepadu Sejagat dalam Pendidikan Matematik', oleh Prof. Dr. Nik Azis Nik Pa telah memenangi dua (2) anugerah iaitu, Angerah Buku Terbaik PERSAMA 2017 untuk Karya Asli Terbaik; dan Anugerah Buku Negara 2017 Kategori Buku Matematik Terbaik yang dianugerahkan oleh Yayasan Pembangunan Buku Negara.

Dalam masa yang sama, jumlah *e-book* yang dimuat naik untuk jualan telah mencapai 142 judul. Jualan *e-book* telah mula meningkat pada tahun 2017 dan Jabatan akan meneruskan lagi usaha memperkembangkan perniagaan *e-book* melalui pasaran digital.

Aktiviti pemasaran buku juga bertambah dengan penyertaan dalam 27 pesta dan karnival buku tempatan serta jualan di beberapa seminar di dalam dan luar kampus. Tiga (3) *roadshow* telah diadakan untuk memperkenalkan Jabatan Penerbitan kepada warga kampus UM yang berhasrat menerbitkan buku dengan Jabatan Penerbitan.

Kejayaan Penerbit UM juga meliputi usaha mengeratkan hubungan dengan penerbit-penerbit IPTA lain dan organisasi luar kampus dalam industri perbukuan di dalam dan luar negara.

# 02

# AKADEMIK & ANTARABANGSA

# 2.1 Laporan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)



**Dato' Profesor Dr.**
**Awg Bulgiba Awg Mahmud**



## Peranan utama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dalam melaksanakan aktiviti ini adalah menyediakan hala tuju dan kepimpinan dalam mencapai matlamat strategik universiti. Pelan Strategik Akademik Universiti Malaya 2016-2020 dan Pelan Strategik Antarabangsa Universiti Malaya 2016-2020 masih lagi dijadikan panduan utama portfolio ini dalam menggerakkan transformasi sekaligus memacu kejayaan bagi tempoh berkenaan.

Sepanjang tahun 2017, pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh portfolio Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). Aktiviti utama adalah meliputi aspek pemantapan tadbir urus akademik, pembangunan akademik, pengantarabangsaan, penjenamaan dan pemasaran.

## 2.2 Pemantapan Tadbir Urus Portfolio Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

### 2.2.1 Pelan Strategik Akademik 2016-2020

Pelan Strategik Akademik Universiti Malaya 2016-2020 adalah berlandaskan wawasan untuk menjadi universiti pilihan staf dan pelajar. Empat (4) matlamat utama telah digariskan dalam pelan ini iaitu:

(a) Pengalaman pengajaran dan pembelajaran cemerlang melalui program akademik yang dimantapkan oleh teknologi;
(b) Pengambilan pelajar yang berkualiti tinggi;
(c) Graduan berkualiti tinggi dengan ciri-ciri holisitik, berpengaruh global, keusahawanan dan seimbang; dan
(d) Persekitaran kerja yang membina.

Pelan ini turut menggariskan lapan (8) strategi utama dan 12 pelan tindakan dalam bagi mencapai matlamat yang dikenal pasti. Antara strategi tersebut adalah:

(a) Penggabungan teknologi komunikasi dan maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran;
(b) Pengantarabangsaan kurikulum;
(c) Pedagogi yang efektif dalam penyampaian kursus;
(d) Semakan semula dan pemerkasaan program akademik;
(e) Mendapatkan lebih ramai pelajar tempatan dan antarabangsa dengan tajaan;
(f) Melahirkan graduan yang berkualiti tinggi;
(g) Memastikan kesesuaian dan ketampakan graduan UM dalam bidang pekerjaan atau industri; dan
(h) Mempromosikan budaya pengantarabangsaan.

### 2.2.2 Pelan Strategik Antarabangsa 2016-2020

Pelan Strategik Antarabangsa Universiti Malaya 2016-2020 pula adalah berlandaskan wawasan untuk menjadi universiti pilihan dalam kalangan pelajar dan rakan strategik. Lima (5) matlamat utama yang telah digariskan dalam pelan ini adalah:

(a) Visibiliti di peringkat global;
(b) Imej kecemerlangan;
(c) Komunikasi dan keterlibatan yang efektif;
(d) Penyediaan perkhidmatan yang cemerlang; dan
(e) Peningkatan pengambilan/kemasukan pelajar antarabangsa melalui strategi pemasaran yang efisien.

Pelan ini turut menggariskan 6 strategi utama dan 8 pelan tindakan bagi mencapai matlamat yang dikenal pasti. Antara strategi tersebut adalah:

(a) Mengekalkan jaringan dan hubungan aktif dengan rakan strategik;
(b) Peningkatan sokongan dan keterlibatan terhadap komuniti global;
(c) Meningkatkan penglibatan komuniti yang berkesan melalui rakan strategic;
(d) Mengamalkan pengurusan persepsi;
(e) Pembangunan modal insan di kalangan staff dengan memupuk kesedaran mengenai kepelbagaian budaya; dan
(f) Meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa.

### 2.2.3 Pasukan Pengantarabangsaan

Struktur pengantarabangsaan yang lebih teratur dan sistematik dari segi pelaporan telah diperkemaskan di peringkat universiti bermula pada tahun 2016. Inisiatif ini diambil bagi memperkasakan lagi strategi pengantarabangsaan di UM. Pasukan pengantarabangsaan yang diperkenalkan ini adalah terdiri daripada wakil pelbagai PTj Akademik dan PTj Bukan Akademik mengikut skop aktiviti yang ditetapkan.




**Rajah 2.1: Struktur pengantarabangsaan**



### 2.2.4 Penstrukturan Semula Unit di bawah tadbir urus Portfolio Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Berkuat kuasa 1 Ogos 2017, Pejabat Hubungan Antarabangsa dan Korporat telah distruktur semula kepada dua entiti berikut:

(a) Pejabat Komunikasi Korporat atau *Corporate Communications Office (CCO)* yang diletakkan di bawah tadbir urus Naib Canselor.

(b) Pejabat Hubungan Antarabangsa atau *International Relations Office (IRO)* yang diletakkan di bawah tadbir urus Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).

Berkuat kuasa mulai 13 September 2017 pula, tadbir urus Institut Kepimpinan Pendidikan (IKP) telah dipindahkan dari PTj Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) ke Fakulti Pendidikan.

### 2.2.5 Penjenamaan Semula Pusat Penambahbaikan Akademik & Pembangunan Kepimpinan (ADeC) dan Kerangka Latihan yang Berstruktur

UM melalui Pusat Penambahbaikan Akademik dan Pembangunan Kepimpinan (ADeC) telah melaksanakan penjenamaan semula dan kerangka latihan baharu iaitu Kerangka Latihan yang berstruktur. Penjenamaan semula ADeC sebagai Pusat Penambahbaikan Akademik dan Pembangunan Kepimpinan mempunyai elemen pembaharuan seperti berikut:

(a) Empat (4) unit utama – Pengajaran dan Pembelajaran, PdP *(Teaching & Learning, T&L)*, e-Pembelajaran *(e-Learning)*, Penyelidikan & Latihan Pembangunan Penyelidik *(Research and Researcher Development Training)* dan Kepimpinan & Kesejahteraan *(Leadership & Wellbeing)*.

(b) Kerangka Latihan baharu pula terdiri daripada dua (2) program utama - *Essential* dan *Plus*.

(c) Program *Essential* disusun dalam 4 tahap iaitu *Aspire, Emerald*, *Inspire* & *Leader*. Setiap tahap mengandungi modul latihan dalam aspek PdP, Penyeliaan, Penyelidikan dan Kepimpinan & Kesejahteraan.

## 2.2.6 Perasmian Pejabat Baharu Pusat Pemasaran dan Pengambilan

Sejak ia ditubuhkan pada 4 Julai 2012, struktur Pusat Pemasaran dan Pengambilan atau *Marketing & Recruitment Centre* (MRC), yang dahulunya dikenali sebagai Unit Promosi Program Akademik (UPPA) adalah pada asalnya diletakkan di bawah tadbir urus Bahagian Akademik, Pejabat Pendaftar.

Pada 22 Disember 2015, Jawatankuasa Pengurusan bersetuju meluluskan penjenamaan semula UPPA kepada MRC dan diletakkan di bawah tadbir urus Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). MRC secara rasminya diletakkan di bawah seliaan Penolong Naib Canselor (Antarabangsa), PTj Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) bermula 1 Februari 2016. Objektif utama penjenamaan semula MRC adalah antara lain bagi membantu UM dalam mencapai matlamat untuk mengukuhkan kedudukannya dalam *ranking* terbaik dunia melalui pengurusan publisiti dan promosi program akademik yang sistematik terutamanya di peringkat antarabangsa. MRC juga berfungsi untuk mewujudkan ekosistem yang baik dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi dan pemasaran berkaitan program akademik agar lebih efektif, fokus dan berkesan serta meningkatkan pengetahuan dan kepakaran personel yang terlibat dalam urusan pemasaran program akademik di peringkat pendidikan tinggi sebagai sumber rujukan terbaik oleh semua pihak di UM.

Sebelum dipindahkan ke pejabat baharu di Kompleks Perdanasiswa, MRC telah beroperasi secara sementara di Kompleks Pengurusan Penyelidikan & Inovasi sementara menunggu kerja-kerja renovasi bagi ruang pejabat baharu MRC selesai pada Jun 2017. MRC telah dirasmikan pada 20 Oktober 2017 oleh YBhg. Dato' Profesor Dr. Awg Bulgiba Awg Mahmud, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) yang turut menjalankan fungsi sebagai Naib Canselor pada ketika itu.

MRC kini menjadi pusat sehenti dan tumpuan utama para pelajar dan staf Universiti dalam menjalankan pelbagai aktiviti berkaitan pemasaran dan penjenamaan UM. Bilangan pengunjung dari luar Universiti Malaya sama ada pengunjung tempatan ataupun antarabangsa yang datang ke MRC semakin meningkat dari semasa ke semasa bagi mendapatkan pelbagai bentuk maklumat mengenai penawaran program akademik dan lain-lain perkhidmatan yang ditawarkan di UM.









# 2.3 Pembangunan Akademik

## 2.3.1 Sistem Permohonan Kemasukan Pelajar Ijazah Dasar

UM telah diberikan status autonomi bagi melaksanakan pengambilan pelajar Ijazah Dasar sendiri pada tahun 2015. Selaras dengan perkembangan ini, satu sistem permohonan kemasukan baharu telah diwujudkan di Universiti Malaya.

Sistem ini diuruskan sepenuhnya oleh UM secara berasingan daripada sistem yang diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (UPU), Kementerian Pengajian Tinggi. Sistem ini digunakan selama dua (2) tahun iaitu pada 2015 dan 2016. Penggunaan sistem ini memberikan kelebihan kepada UM untuk memilih calon-calon yang terbaik. Bermula tahun 2017, Kementerian Pengajian Tinggi telah memutuskan agar UM dan Universiti Sains Malaysia (USM) kembali menggunakan sistem UPU.

## 2.3.2 Pengambilan Pelajar

Jumlah kemasukan pelajar dalam pelbagai bidang pengajian bagi tahun 2017 adalah seramai 7,494 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 4,282 orang pelajar mengikuti kursus di peringkat Ijazah Dasar dan 3,212 orang pelajar di peringkat Ijazah Tinggi.

**Jadual 2.1: Perbandingan jumlah pengambilan pelajar mengikut peringkat pengajian bagi tahun 2016 dan 2017**

| Peringkat Pengajian | Tahun 2016 | Tahun 2017 |
|---|---|---|
| Ijazah Dasar | 3,104 | 4,282 |
| Ijazah Tinggi | 3,063 | 3,212 |
| **Jumlah** | **6,167** | **7,494** |

## 2.3.3 Enrolmen Pelajar

Jumlah keseluruhan enrolmen pelajar bagi tahun 2017 adalah seramai 28,304 orang, yang terdiri daripada 14,584 pelajar Ijazah Dasar dan 13,720 palajar Ijazah Tinggi.

**Jadual 2.2: Perbandingan jumlah enrolmen pelajar mengikut peringkat pengajian dan tahap kewarganegaraan bagi tahun 2016 dan 2017**

| Kategori Pelajar | Tahun 2016 | | Tahun 2017 | |
|---|---|---|---|---|
| | Ijazah Dasar | Ijazah Tinggi | Ijazah Dasar | Ijazah Tinggi |
| Pelajar Warganegara | 12,319 (96.8%) | 10,778 (78.2%) | 14,008 (96.1%) | 10,736 (78.3%) |
| Pelajar Antarabangsa* (Bukan Warganegara) *Lebih daripada 70 buah negara | 411 (3.2%) | 3,010 (21.8%) | 576 (3.9%) | 2,984 (21.7%) |
| **Jumlah** | **12,730** | **13,788** | **14,584** | **13,720** |

## 2.3.4 Graduan

Jumlah graduan pada tahun 2017 adalah seramai 4,867 orang (2,427 graduan Ijazah Sarjana Muda, 1,795 graduan Ijazah Sarjana dan 645 graduan Ijazah Kedoktoran).

Bilangan graduan Ijazah Kedoktoran yang tertinggi telah dicatatkan oleh UM pada tahun ini dan bilangan ini juga adalah kedua tertinggi yang telah direkodkan dalam kalangan universiti-universiti awam di Malaysia.

UM juga telah merekodkan kejayaan dengan menghasilkan seorang graduan Ijazah Kedoktoran melalui program kerjasama *Dual PhD* dengan *Institute National Polytechnique of Toulouse* (INPT), Perancis dan seorang graduan Sarjana melalui program kerjasama dwi sarjana dengan Kyoto University, Jepun.

**Jadual 2.3: Perbandingan jumlah graduan bagi tahun 2016 dan 2017**

| Graduan | Tahun 2016 | Tahun 2017 |
|---|---|---|
| Ijazah Sarjana Muda | 2,836 | 2,427 |
| Ijazah Sarjana | 1,733 | 1,795 |
| Ijazah Kedoktoran | 504 | 645 |
| **Jumlah** | **5,073** | **4,867** |

## 2.3.5 Pembangunan Kurikulum dan Program Akademik

Kesemua program Ijazah Dasar dan Ijazah Tinggi selesai menjalani proses semakan kurikulum pada tahun 2016 dan 2017 secara berperingkat. Semakan ini amat penting dalam memastikan program-program yang ditawarkan oleh UM sentiasa terkini, memenuhi permintaan pasaran serta relevan dengan keperluan industri dan negara.

Hasil semakan kurikulum berkenaan, sebanyak 99 program Ijazah Dasar telah ditawarkan pada tahun 2017 manakala 10 program Ijazah Sarjana Muda telah dijumudkan. Jumlah keseluruhan penawaran program Ijazah Dasar pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

- 1 Rancangan Pengajian Khas Jepun (RPKJ)
- 4 Program Asasi
- 94 Program Ijazah Sarjana Muda

Bagi Ijazah Tinggi pula, sebanyak 156 program Ijazah Sarjana telah ditawarkan pada tahun 2017 manakala 21 program Sarjana telah dijumudkan. Jumlah keseluruhan penawaran program Ijazah Tinggi pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

- 1 Diploma Pascasiswazah
- 149 Program Sarjana
- 6 Program PhD/Ijazah Kedoktoran

Antara program Ijazah Sarjana baharu yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Saringan Awal pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

- Sarjana Pengajaran
- Sarjana Pengajian Tionghoa
- Sarjana Tari
- Sarjana Parasitologi Perubatan dan Entomologi

## 2.3.6 Inisiatif Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA)

Dalam merealisasikan Lonjakan 1: Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) – PPPM (PT). Inisiatif Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) telah dirangka sebagai satu mekanisme pentaksiran dan pelaporan pencapaian pelajar. Inisiatif ini telah mula diperkenalkan oleh KPT pada tahun 2015, dan sehingga kini telah mencatatkan penglibatan sebanyak 20 universiti awam (UA) di mana UM adalah salah satu daripadanya.

iCGPA adalah satu mekanisme bersepadu pentaksiran, pelaporan pencapaian dan pembangunan pelajar yang mengambil kira peningkatan adab, keilmuan dan keupayaan mereka. Pelaporan ini memperlihatkan pencapaian atribut yang dihasratkan melalui enam aspirasi pelajar dalam PPPM (PT) dan lapan domain hasil pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia.

Ia merupakan sistem pentaksiran bersepadu yang bertujuan untuk membantu pelbagai pihak berkepentingan membuat keputusan atau merancang langkah penambaikan. Mekanisme ini bertujuan untuk memacu pembangunan dan penjajaran dalam reka bentuk, penyampaian dan pentaksiran kurikulum di peringkat program dan peringkat kursus agar menfokuskan pengalaman pembelajaran pelajar ke arah pembangunan insan yang holistik dan seimbang.

Sejak mula diperkenalkan, sebanyak dua (2) program akademik dari dua (2) fakulti terlibat dengan pelaksanaan iCGPA iaitu Sarjana Muda Perakaunan, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan serta Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan dengan mencatatkan penglibatan seramai 387 pelajar bagi sesi 2016/2017.

Sehingga tahun 2017, terdapat penambahan penglibatan sebanyak dua (2) lagi program akademik daripada Fakulti Sains dan Fakulti Sastera dan Sains Sosial.

## 2.3.7 *Massive Open On-line Courses* (MOOCs)

Sebagai usaha menyokong Lonjakan 3: Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Lonjakan 9: Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global PPPM (PT), ADeC telah mengkoordinasi pembangunan kursus *Massive Open On-line Courses* (MOOCs). Pembangunan kursus MOOCs yang menggunakan platform *openlearning* dan *futurelearn* ini memberikan peluang kepada pelbagai lapisan masyarakat dari serata dunia untuk mengikuti kursus dengan universiti terbaik Malaysia ini di mana-mana sahaja tanpa perlu mendaftar sebagai pelajar UM.

**Jadual 2.4: Kursus-kursus MOOCs yang telah dibangunkan dengan bantuan daripada staf teknikal Pusat Teknologi Maklumat**

| Bil. | Tajuk Kursus | Pensyarah |
|---|---|---|
| 1. | *Essentials in Public Health* | • Prof. Dr. Maznah Dahlui (Ketua)<br>• YBhg. Dato' Prof. Dr. Awg Bulgiba Awg Mahmud<br>• Prof. Madya Dr. Victor Hoe Chee Wai Abdullah<br>• Prof. Madya Dr. Ng Chiu Wan<br>• Prof. Madya Dr. Mas Ayu Said<br>• Prof. Madya Dr. Farizah Hairi<br>• Prof. Madya Dr. Claire Choo Wan Yuen<br>• Prof. Madya Dr. Hazreen Abdul Majid<br>• Puan Sri Dr. Noorlaili Abdul Aziz<br>• Dr. Nasrin Aghamohammadi<br>• Dr. Marzuki Isahak<br>• Dr. Rafdzah Ahmad Zaki<br>• Dr. Maslinor Ismail |
| 2. | *Introduction to Research for Healthcare Professionals* | • Prof. Dr. Chirk-Jenn Ng (Ketua)<br>• Prof. Madya Dr. Liew Su May<br>• Prof. Madya Dr. Pauline Siew Mei Lai<br>• Dr. Lee Yew Kong |
| 3. | *Malaysian Taxation* | Dr. Anna Azriati |
| 4. | *Introduction to Malay Language* | Prof. Madya Dr. Ab Razak Ab Karim |
| 5. | *Introduction to Islamic Calligraphy* | Dr. Nor Azlin Hamidon |
| 6. | *Terrorism, Jihad and Islam*<br>Nota: Dalam peringkat akhir pembangunan | Prof. Madya Dr. Mohd Roslan Mohd Nor |

## 2.3.8 Pembangunan ruang pembelajaran yang moden dan terkini *(Geran Interactive Learning Space)*

UM telah memulakan inisiatif membangunkan ruang pembelajaran interaktif (*learning space* atau *smart classroom*) sejak tahun 2012 di beberapa fakulti di mana *Learning Space* Project ini telah dinamakan sebagai *The CUBES*.

Kerja-kerja menaik taraf bilik kuliah atau bilik seminar konvensional kepada *Interactive Learning Space* adalah amat penting sebagai salah satu usaha tranformasi penyampaian pengajaran dan pembelajaran (PdP). Ruang dan keadaan yang kondusif dapat merangsang minda pelajar dan mencapai matlamat PdP yang lebih efektif selain membuka peluang untuk pelaksanaan PdP melalui kaedah *flipped classrooms* dan *blended learning* dengan lebih berkesan. Pada tahun 2016, geran *Interactive Learning Space* berjumlah RM500,000 telah diperuntukkan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) bagi menyokong inisiaif ini. Geran ini telah dianugerahkan kepada 10 PTj Akademik yang layak mengikut kriteria pemilihan tertentu di bawah geran *Interactive Learning Space* bagi menyelenggara dan menambah baik ruang pembelajaran sedia ada di PTj masing-masing.

Sebagai inisiatif awal, ADeC turut menganjurkan Seminar *Learning Space* untuk berkongsi idea tentang konsep baharu ini serta berkongsi amalan terbaik tentang pembangunan *learning space* yang telah wujud dalam kalangan universiti tempatan. Pada tahun 2017, sebanyak sembilan (9) daripada 10 *Learning Space Project* yang memperolehi bantuan kewangan daripada pihak Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) telah berjaya disempurnakan dan mula diguna pakai bagi tujuan pembelajaran.





## 2.3.9 Minggu e-Pembelajaran 2017 *(e-Learning Week 2017)*

Minggu e-Pembelajaran UM kali kedua telah diadakan pada 10 hingga 15 April 2017. Dalam edisi ini, sebanyak lapan (8) PTj tmengambil bahagian dalam melaksanakan sepenuhnya kelas atas talian (e-pembelajaran), iaitu seperti berikut:

- Akademi Pengajian Melayu
- Akademi Pengajian Islam
- Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran
- Fakulti Perniagaan dan Perakaunan
- Pusat Sukan
- Fakulti Bahasa dan Linguistik
- Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
- Fakulti Pendidikan

Pengajaran yang diperoleh dari aktiviti atau latihan ini adalah tentang kesediaan kakitangan, pelajar dan kemudahan serta kelengkapan universiti untuk menyokong mod e-pembelajaran. Selain itu, ia dapat menguji tahap kesediaan universiti untuk melaksanakan e-pembelajaran ketika berlakunya keadaan darurat dan bencana yang mendesak pembelajaran dilakukan secara atas talian dari jauh untuk meneruskan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

## 2.3.10 *On-the-Spot Admission*

Pada tahun 2017, UM buat pertama kalinya memperkenalkan *on-the-spot admission* (*OTSA*) sebagai salah satu strategi promosi dan pemasaran untuk meningkatkan lagi jumlah permohonan calon pelajar dalam dan luar negara di peringkat Ijazah Dasar (pelajar antarabangsa sahaja) dan pelajar Ijazah Tinggi (pelajar tempatan dan antarabangsa) untuk mengikuti pelbagai program pengajian di UM.

Di bawah inisiatif ini, calon pelajar yang memenuhi syarat kelayakan bagi program Ijazah Dasar (pelajar antarabangsa sahaja) dan Ijazah Tinggi (Peringkat Sarjana secara mod kursus atau mod campuran) boleh memohon dan diberi surat tawaran secara terus melalui penyertaan UM dalam pelbagai aktiviti promosi dan pemasaran di dalam dan luar negara.



**Jadual 2.5: Aktiviti-aktiviti promosi dan pemasaran di dalam dan luar negara**

| Bil. | Acara/Pameran | Tarikh | Lokasi |
|---|---|---|---|
| 1 | UM Educarnival 2017 | 17-18 Mac 2017 | Bangunan Peperiksaan, UM |
| 2 | The International Exhibition & Conference on Higher Education (IECHE) 2017 | 12-15 Apr 2017 | Riyadh, Arab Saudi |
| 3 | World Postgraduate Expo (WEE) 2017 | 20-21 Mei 2017 | Jakarta, Indonesia |
| 4 | YES2MALAYSIA Education Expo | 1-7 Jun 2017 | Abu Dhabi & Dubai, UEA |
| 5 | Education Malaysia Fair | 17-27 Jul 2017 | Egypt |
| 6 | 18th Study Malaysia Expo | 29 Jul-5 Ogos 2017 | Pakistan |
| 7 | Mega Career & Study Fair, KL Convention Centre | 5-6 Ogos 2017 | Kuala Lumpur, Malaysia |
| 8 | Education Malaysia Sumatra Tour | 6-12 Ogos 2017 | Sumatera, Indonesia |
| 9 | World Education Expo | 15-16 Sep 2017 | Jakarta, Indonesia |

PTj Akademik dengan kerjasama Pusat Pelajar Antarabangsa (ISC) turut sama membantu MRC dalam memperkenalkan dan menjayakan inisiaif ini. Melalui inisiatif ini juga, UM telah berjaya mengambil pelajar antarabangsa dari beberapa buah negara secara terus seperti United Arab Emirates (UAE), Indonesia dan Arab Saudi melalui penglibatan dalam aktiviti pameran dan expo yang diadakan didalam dan luar negara.

## 2.3.11 Penganjuran Acara Tahunan UM EduCarnival 2017

UM telah menganjurkan acara tahunan UM EduCarnival 2017 kali ke-7 (dahulunya dikenali sebagai Karnival Jom Masuk UM) buat pertama kalinya di Bangunan Peperiksaan pada 17-18 Mac 2017. Majlis perasmiannya telah disempurnakan oleh YBhg. Professor Emeritus Tan Sri Dr. Zakri Abdul Hamid, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

UM EduCarnival 2017 adalah merupakan platform untuk mempromosikan program-program akademik yang ditawarkan oleh Universiti selain medium untuk masyarakat dan orang awam berkunjung dan berinteraksi dengan warga kampus.

UM EduCarnival 2017 telah merekodkan penyertaan dan penglibatan pelbagai pihak seperti berikut:

(a) 30 *booth*/pameran oleh PTj Akademik dan PTj Bukan Akademik bagi aktiviti promosi dan pemasaran program akademik dan perkhidmatan yang ditawarkan di UM.
(b) 12 penyertaan oleh rakan korporat dan strategik UM atau penaja bersama, antaranya termasuk Proton Berhad, Telekom Malaysia, Education Malaysia Global Services (EMGS), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Bank Islam Malaysia Berhad, UBER dan banyak lagi.
(c) 16 penyertaan oleh peniaga gerai jualan dan *food truck* yang sebahagiannya terdiri daripada pelajar dan kakitangan UM.
(d) lebih daripada 1,000 pelawat telah membuat pra pendaftaran melalui sistem yang disediakan.
(e) hampir 5,000 pengunjung berdaftar sepanjang 2 hari program dijalankan.
(f) lebih 150 staf dari pelbagai jabatan dan PTj telah dilantik sebagai Jawatankuasa Utama (Sekretariat) dan ahli Jawatankuasa Kecil di samping penglibatan lebih 50 pelajar Universiti Malaya sebagai krew dan pembantu pelajar.

UM EduCarnival 2017 juga turut mengorak langkah dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif baru bagi menarik lebih ramai pengunjung untuk hadir ke program 2 hari ini. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah:

*(a) UM Campus Tour*
*(b) Meet the UM Olympian & National Athletes*
(c) Persembahan kebudayaan oleh pelajar Universiti Malaya
*(d) Residential Colleges Cheers & Mascot Showcases*
*(e) On-the-spot Admission*
*(f) Talk by the UM Strategic Partners*
(g) Cabutan bertuah untuk pengunjung UM EduCarnival 2017
(h) Anugerah '*People's Choice*' bagi khidmat mesra pelanggan yang ditunjukkan oleh Pempamer *(Exhibitor)* yang menyertai UM EduCarnival 2017








## 2.3.12 *Project Integrated Student Information System*

Project Integrated Student Information System atau lebih dikenali sebagai PrInTIS merupakan inisiatif UM untuk menggantikan sistem pengurusan pelajar – Student Information System (ISIS) dan juga Student Accounting System (SAS) yang telah digunakan sejak tahun 1996. Pembangunan dan penggunaan PrInTIS bermatlamatkan pengurusan pelajar secara komprehensif yang mampu menyokong aktiviti pelajar dan juga staf dalam kepelbagaian bidang dan tugasan. Selain itu, PrInTIS juga diharapkan dapat menyediakan UM untuk menghadapi cabaran masa hadapan secara efisien, meningkatkan kecekapan, mengurangkan kos, menyokong usaha pembangunan yang melibatkan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan

UM telah memilih produk yang ditawarkan oleh syarikat TRIBAL iaitu Strategic Information Technology System (SITS). SITS yang telah direka khas untuk pengurusan pelajar institusi pengajian tinggi telah digunakan secara meluas oleh beberapa institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara. Sehingga Disember 2017, perkembangan dan pelaksanaan PrInTIS berada pada landasan yang betul dan mengikut perancangan yang disusun rapi sejak awal lagi. Jawatankuasa-jawatankuasa yang telah dibentuk telah menyumbang saran idea dan analisis sebagai tindakan susulan untuk konfigurasi sistem agar dapat menepati kehendak dan keperluan UM. Berapa siri mesyuarat, perbincangan, bengkel dan latihan melibatkan pelbagai peringkat dan golongan komuniti UM telah dijalankan dalam memastikan PrInTIS dapat mula digunakan sekitar suku akhir tahun 2018 dan dipertingkat kemampuannya secara berperingkat-peringkat sehingga fasa terakhir yang dijadualkan pada Mei 2019.

## 2.3.13 Pusat Agrosains Universiti Malaya

Satu lagi inisiatif besar yang masih lagi dilaksanakan oleh portfolio Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) bersama-sama Fakulti Sains adalah penubuhan Pusat Agrosains Universiti Malaya di Gemas, Negeri Sembilan.

Penubuhan pusat ini dapat memberikan peluang kepada UM untuk memperluaskan kepakaran sedia ada bagi membangunkan sektor pertanian negara. Program akademik di peringkat sarjana dan PhD yang baru berkaitan agrosains dapat diperkenalkan oleh universiti bagi melahirkan lebih ramai graduan Sarjana dan PhD sejajar dengan dasar pengajian tinggi negara untuk melahirkan modal insan yang berkebolehan dan berpengetahuan tinggi. Selain itu, penyelidikan berkaitan agrosains dapat dijalankan dengan lebih baik menggunakan tanah seluas 200 ekar. Penerbitan universiti dalam bidang agrosains turut dapat dipertingkatkan sekaligus membantu universiti mencapai kedudukan 100 Universiti terbaik dunia. Pusat ini juga dijangka menjana pendapatan dalam tempoh masa panjang melalui aktiviti-aktiviti berkaitan pertanian.

Fasa pertama projek ini yang melibatkan pembersihan kawasan hutan, pembinaan kolam takungan air, pembinaan pagar perimeter dan penyediaan tapak semaian telah pun bermula pada pertengahan tahun 2016 dan selesai dijalankan pada tahun 2017. UM kini sedang giat mengenal pasti pemberi dana yang berpotensi bagi fasa dua projek yang melibatkan pembinaan infrastruktur serta kemudahan seperti bangunan, jalan masuk, utiliti dan sebagainya yang dijangka bermula pada tahun 2018. Fasa 1b adalah merupakan kerja pembersihan tanah seluas 190 ekar, pemasangan pagar dan pembinaan kolam.



## 2.4 Pembangunan Staf Akademik

### 2.4.1 Trek Laluan Kerjaya

Trek Laluan Kerjaya Staf Akademik adalah merupakan salah satu inisiatif yang telah diperkenalkan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dengan pihak Bahagian Sumber Manusia (BSM) bermula 2015. Pengwujudan trek ini adalah selari dengan *University Transformation Programme Orange Book* yang diperkenalkan di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi.

Trek ini mempunyai 3 laluan kerjaya untuk Staf Akademik iaitu *Standard, Research* dan *Teaching.* Trek ini mengiktiraf sumbangan dan pencapaian para akademik secara lebih menyeluruh, telus dan adil dan dapat meningkatkan semangat para akademik untuk terus menyumbang kepada kecemerlangan UM dalam bidang masing-masing.

Beberapa siri bengkel telah diadakan sepanjang tahun 2015 dengan turut mengambil kira maklumbalas yang diterima melalui emel, sesi *town hall*, pandangan daripada Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya (PKAUM) dan maklum balas individu sebelum trek ini dimuktamadkan. Jawatankuasa Pengurusan Universiti telah meluluskan Trek Laluan Kerjaya Staf Akademik pada 5 Januari 2016 dan seterusnya ia turut diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam mesyuaratnya pada 18 Februari 2016.

Trek ini juga turut diperkenalkan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dengan pihak Bahagian Sumber Manusia (BSM). Ini merupakan salah satu inisiatif UM untuk mendapatkan kepakaran dan perkhidmatan daripada ahli-ahli profesional yang mempunyai pengalaman yang luas dan pencapaian yang cemerlang dalam bidang kepakaran masing-masing bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan di Universiti memenuhi kehendak pasaran dan industri. Pengwujudan trek ini dapat menarik minat para pengamal industri dan memberi peluang kepada individu yang berminat untuk menyertai Universiti Malaya sebagai staf akademik pada kadar gaji dan pangkat yang munasabah.

Sebagai permulaan, beberapa PTj yang mempunyai afiliasi yang rapat dengan pihak industri telah dikenalpasti untuk melaksanakan trek ini.  Antara PTj yang terlibat adalah Fakulti Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan,  Fakulti Pendidikan, Fakulti Undang-Undang dan Pusat Kebudayaan. Selain wakil daripada PTj yang terlibat, trek ini turut mengambil input para pemain industri agar lebih sesuai dan berdaya saing dalam siri bengkel yang telah diadakan pada 8 Mei 2017 dan 22 Ogos 2017.

Jawatankuasa Pengurusan Universiti pada 11 Oktober 2017 dan 15 November 2017 telah meluluskan Trek Laluan Kerjaya Pengamal Profesional dan seterusnya ia akan dibentangkan dalam mesyuarat  LPU untuk kelulusan pelaksanaannya pda tahun 2018.

### 2.4.2 Program *Research Methodology and Statistical Help*

Research Methodology and Statistical Help (ReSH) merupakan perkhidmatan yang diberikan oleh ADeC khusus untuk ahli akademik dan pelajar ijazah tinggi UM bertujuan bagi membantu mereka dalam menyelesaikan masalah berhubung kait dengan Kaedah Penyelidikan dan Analisis Statistik. Program ini melibatkan perjumpaan bersemuka di antara pelanggan dengan Felo Penyelidik Kanan ADeC. Program ReSH juga dapat menyumbang kepada penjanaan pendapatan oleh ADeC.

### 2.4.3 *Action Research Turn to University of Malaya Learning Innovation and Teaching Enhancement Research Conference 2017*

ADeC telah menganjurkan persidangan *University of Malaya Learning Innovation and Teaching Enhancement Research Conference 2017* (UM-LiTeR) pada 15-16 Mac 2017 bertempat di Pullman Hotel, Bangsar, Kuala Lumpur. Seramai 47 orang peserta dari pelbagai institusi pengajian tinggi tempatan telah menghadiri persidangan ini.

Persidangan ini memberi *platform* kepada para ahli akademik di seluruh Malaysia untuk berkongsi dan menyebarkan pengetahuan mengenai *Scholarship of Teaching and Learning (SoTL) and Action Research*. Persidangan ini juga turut menjadi platform bagi ahli akademik untuk menjalankan penyelidikan mengenai amalan pengajaran dan pembelajaran masing-masing sekaligus meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di peringkat pendidikan tinggi di Malaysia. Antara aktiviti yang dijalankan dalam persidangan tersebut termasuk pembentangan hasil dapatan penyelidikan *Action Research* oleh para peserta yang terlibat.

### 2.4.4 *Redesigning Assessment for Holistic Learning* (RAHoLE) 2017

ADeC telah bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) dalam penganjuran persidangan bertajuk *'Redesigning Assessment for Holistic Learning (RAHoLE) 2017'* pada 20-21 November bertempat di Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya. Tujuan persidangan ini dianjurkan adalah untuk menyatukan penyelidik dan pengamal penilaian inovatif dan alternatif di kalangan ahli akademik dalam sektor pendidikan tinggi di Malaysia.

Persidangan ini juga mensasarkan beberapa objektif tertentu termasuk:

(a) menyediakan *platform* untuk jalinan hubungan antarabangsa dalam kalangan ahli akademik, pendidik, penyelidik dan pengamal pendidikan yang terlibat dalam penilaian holistik.

(b) menyediakan peluang bagi penerbitan buku panduan untuk penilaian dalam pendidikan tinggi.

(c) menyediakan peluang untuk bertemu dengan penceramah utama dan i*novator* terkemuka dunia dalam bidang pendidikan.

(d) memberi persekitaran yang kondusif untuk para peserta berkongsi pengalaman masing-masing dalam amalan penilaian.

(e) mencetuskan idea dan pemikiran dalam kalangan peserta yang terlibat.







(f) Persidangan ini juga turut mensasarkan *output* bagi penerbitan buku panduan mengenai penilaian alternatif untuk Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

## 2.5 Pembangunan Kemahiran Pelajar

### 2.5.1 CELCOM AXIATA *Leadership Entrepreneur Accelerated Program*

Pusat Pencetus Bakat dan Latihan Industri (CITra) dengan kerjasama Celcom Axiata telah melancarkan program *Leadership Entrepreneur Accelerated Program* (L.E.A.P.) pada 15 Mac 2017 sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat CELCOM AXIATA. Program ini yang bertujuan membantu pembangunan kemahiran keusahawanan pelajar di samping meningkatkan kemahiran insaniah mereka agar lebih bersedia menghadapi dunia pekejaan kelak.

Seramai 50 pelajar Fakulti Kejuruteraan yang telah mendaftar Kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) dipilih menjadi peserta program ini di mana ia juga merupakan sebahagian daripada komponen kursus APK. Sepanjang tempoh kursus 14 minggu, para peserta telah diberikan tugasan menyediakan pelan pemasaran dan rancangan perniagaan bagi produk Celcom. Pelajar telah ditempatkan di beberapa pusat latihan dan juga di Business Unit Celcom bagi mendapatkan pengalaman sebenar di samping dapat mempelajari lebih mendalam produk Celcom. Pada akhir program, para peserta telah dikehendaki untuk membentangkan kertas cadangan pemasaran mereka kepada wakil korporat Celcom yang terdiri daripada Encik Azmi Ujang (*Chief Human Capital*), YBhg. Dato' Ken Lee See Hu (*Small and Medium Business*) dan Encik Kevin Ng Yan Wai (*SMB Customer Lifecycle Management*).

Majlis Graduasi Peserta L.E.A.P telah diadakan pada 24 Mei, 2017. Kesemua peserta telah diberikan sijil penghargaan atas kejayaan mereka melengkapkan program ini. Setiap peserta juga telah disediakan dengan testimoni dan perakuan CELXOM AXIATA yang telah mencatat potensi positif peserta sebagai aset kepada negara dan masyarakat.

### 2.5.2 SunnyCha Business Challenge 2017

SunnyCha, sebuah syarikat yang menyediakan produk "Fusion Tea" telah bekerjasama dengan Pusat Pencetus Bakat dan Latihan Industri (CITra) untuk menjadi mentor industri kepada pelajar dalam Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) Semester 1 Sesi 2017/2018. Melalui program ini, pihak SunnyCha telah memberikan pengalaman sebenar kepada para pelajar tentang dunia pemasaran masa kini. Kerjasama ini telah dimulakan pada 18 September 2017 dengan penglibatan seramai 146 orang pelajar yang terdiri daripada gabungan pelajar aliran sains dan sastera.

Pada akhir latihan, para pelajar dalam pasukan masing-masing dikehendaki mengemukakan kertas cadangan pemasaran kepada pasukan SunnyCha di bawah tema "SunnyCha Business Challenge 2017" di mana hanya satu pasukan akan dipilih sebagai pemenang. Pasukan pelajar yang dipilih sebagai pemenang telah membentangkan cadangan pemasaran unik iaitu "Truly Care Concept – The tea that cares". Pasukan ini telah menerima sijil penghargaan beserta hadiah wang tunai berjumlah RM1,000 semasa Majlis Penutupan yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Henry Lee, Ketua Pegawai Eksekutif SunnyCha (M) Sdn. Bhd.

Pada majlis berkenaan, YBhg. Dato' Henry Lee telah mengumumkan bahawa pasukan pelajar yang memenangi cabaran ini diberi peluang menjalankan perniagaan kiosk SunnyCha di dalam kampus UM berdasarkan cadangan pemasaran yang dibentangkan. Para pemenang yang terdiri daripada pelajar dari Fakulti Perniagaan dan Perakaunan serta Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran berkenaan turut ditawarkan peluang menjalani latihan industri di syarikat berkenaan selepas tamat pengajian masing-masing.

## 2.6 Aktiviti Pengantarabangsaan

### 2.6.1 Jaringan Kolaborasi dan Hubungan Luar

Dalam usaha meningkatkan visibiliti UM di peringkat antarabangsa, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi meningkatkan dan mengukuhkan lagi hubungan kerjasama dengan pelbagai institusi antarabangsa melalui Memorandum Perjanjian (MoA) dan Memorandum Persefahaman (MoU) serta lain-lain dokumen perjanjian.

**Jadual 2.6: Perjanjian baharu yang telah ditandatangani dengan pelbagai institusi antarabangsa dan industri pada tahun 2016 dan 2017**

| Kategori Dokumen | Tahun 2016 | Tahun 2017 |
|---|---|---|
| Memorandum Perjanjian (MoA) | 66 | 73 |
| Memorandum Persefahaman (MoU) | 55 | 101 |
| Lain-lain | 6 | 3 |
| **Jumlah** | **127** | **177** |

Bermula tahun 2017, IRO juga telah menyelaraskan urusan pengemaskinian kesemua rekod perjanjian yang telah ditandatangani pada tahun 2017 dengan semua institusi tempatan dan antarabangsa yang bertapak di Malaysia.

**Jadual 2.7: Statistik jaringan kolaborasi dan hubungan luar yang ditandatangani dengan pelbagai institusi tempatan termasuk pihak industri pada tahun 2017.**

| Kategori Dokumen | Bilangan |
|---|---|
| Memorandum Perjanjian (MoA) | 56 |
| Memorandum Persefahaman (MoU) | 22 |
| Lain-lain | 3 |
| **Jumlah** | **81** |

Pada tahun 2017, UM telah merekodkan sebanyak 355 lawatan rasmi ke luar negara (meliputi 44 negara) yang telah dihadiri oleh staf di pelbagai peringkat. Fokus utama lawatan ini adalah bertujuan bagi mengukuhkan lagi jaringan kolaborasi dan hubungan dua hala di antara pihak UM dan rakan strategik di seluruh dunia.

**Jadual 2.8: Statistik lawatan rasmi mengikut negara yang telah dihadiri oleh staf UM di pelbagai peringkat pada tahun 2017.**

| Bil. | Negara | Bilangan Lawatan |
|---|---|---|
| 1 | Indonesia | 65 |
| 2 | Thailand | 42 |
| 3 | China | 33 |
| 4 | Jepun | 27 |
| 5 | United Kingdom | 23 |
| 6 | Korea Selatan | 21 |
| 7 | Singapura | 20 |
| 8 | Vietnam | 15 |
| 9 | Taiwan | 10 |
| 10 | Filipina | 8 |
| 11 | Maldives | 8 |
| 12 | Brunei | 7 |

| Bil. | Negara | Bilangan Lawatan |
|---|---|---|
| 13 | Kemboja | 7 |
| 14 | Jerman | 6 |
| 15 | Amerika Syarikat | 6 |
| 16 | Myanmar | 5 |
| 17 | India | 4 |
| 18 | Australia | 3 |
| 19 | Perancis | 3 |
| 20 | Itali | 3 |
| 21 | Mesir | 3 |
| 22 | Sepanyol | 3 |
| 23 | United Arab Emirates | 3 |
| 24 | Lain-lain (dari 21 negara) | 30 |
| **Jumlah** | | **355** |

Sebanyak 145 lawatan antarabangsa dari 39 negara ke UM pula telah direkodkan pada tahun 2017. Delegasi lawatan ini adalah terdiri daripada ahli pengurusan universiti, pengarah atau dekan, pegawai dan pengurusan daripada insitusi luar negara dan pelbagai wakil daripada kedutaan luar negara di Malaysia.

**Jadual 2.9: Statistik lawatan rasmi mengikut negara ke UM pada tahun 2017.**

| Bil. | Negara | Bilangan Lawatan |
|---|---|---|
| 1 | China | 24 |
| 2 | United Kingdom | 22 |
| 3 | Indonesia | 18 |
| 4 | Jepun | 7 |
| 5 | Korea Selatan | 7 |
| 6 | Taiwan | 7 |
| 7 | Turki | 7 |
| 8 | India | 6 |
| 9 | Amerika Syarikat | 5 |
| 10 | Thailand | 4 |
| 11 | Sudan | 3 |
| 12 | Arab Saudi | 3 |
| 13 | Australia | 2 |
| 14 | Perancis | 2 |
| 15 | Qatar | 2 |
| 16 | Sepanyol | 2 |
| 17 | Hong Kong | 2 |
| 18 | Lain-lain (dari 22 negara dan kedutaan) | 22 |
| **Jumlah** | | **145** |

## 2.6.2 Pengambilan Staf Akademik Antarabangsa

Bagi membantu meningkatkan kedudukan UM dalam sistem penarafan dunia melalui QS World University Rankings dan lain-lain, UM turut meningkatkan pengambilan staf akademik antarabangsa pada tahun 2017. Seramai 337 orang staf akademik antarabangsa dari 47 negara telah direkodkan pada tahun 2017, iaitu 16.5% daripada jumlah keseluruhan staf akademik UM.

**Jadual 2.10: Statistik staf akademik antarabangsa mengikut negara yang direkodkan pada tahun 2017.**

| Bil. | Negara | Bilangan Staf |
|---|---|---|
| 1 | Iran | 49 |
| 2 | Jepun | 48 |
| 3 | India | 42 |
| 4 | Bangladesh | 26 |
| 5 | China | 25 |
| 6 | Iraq | 18 |
| 7 | Indonesia | 15 |
| 8 | Yemen | 12 |
| 9 | United Kingdom | 10 |
| 10 | Pakistan | 8 |
| 11 | Myanmar | 7 |
| 12 | Korea Selatan | 7 |
| 13 | Jerman | 6 |
| 14 | Thailand | 5 |
| 15 | Amerika Syarikat | 4 |
| 16 | Itali | 4 |
| 17 | Syria | 3 |
| 18 | Singapura | 3 |
| 19 | Filipina | 3 |
| 20 | Nigeria | 3 |
| 21 | Jordan | 3 |
| 22 | Mesir | 3 |
| 23 | Kanada | 3 |
| 24 | Algeria | 3 |
| 25 | Lain-lain (dari 22 negara) | 27 |
| **Jumlah** | | **337** |

## 2.6.3 Enrolmen Pelajar Antarabangsa

Pada tahun 2017, UM telah merekodkan bilangan keseluruhan enrolmen pelajar antarabangsa seramai 3,560 orang dari 89 negara (12.6% daripada jumlah keseluruhan enrolmen pelajar). Daripada jumlah ini, enrolmen pelajar Ijazah Dasar adalah seramai 576 orang (16.2%) manakala di peringkat Ijazah Tinggi pula adalah seramai 2,984 orang (83.8%).

**Jadual 2.11: 10 negara dengan jumlah enrolmen pelajar antarabangsa tertinggi.**

| Bil | Ijazah Dasar | Ijazah Tinggi |
|---|---|---|
| 1. | Bangladesh | Iran |
| 2. | Indonesia | China |
| 3. | China | Indonesia |
| 4. | Singapura | Pakistan |
| 5. | Mesir | Bangladesh |
| 6. | Yemen | Nigeria |
| 7. | Iran | Yemen |
| 8. | Thailand | Iraq |
| 9. | Pakistan | Palestin |
| 10. | Syria | Arab Saudi |

## 2.6.4 Program Mobiliti Pelajar

Seramai 2,182 orang pelajar dari 46 negara juga telah direkodkan melalui penglibatan dalam program pertukaran pelajar di UM *(inbound)* untuk kedua-dua program pertukaran jangka pendek dan jangka panjang.

**Jadual 2.12: Statistik pelajar antarabangsa mengikut negara yang direkodkan pada tahun 2017 bagi program pertukaran pelajar di UM *(Inbound).***

| Bil. | Negara | Bilangan Pelajar |
|---|---|---|
| 1 | Korea Selatan | 518 |
| 2 | China | 423 |
| 3 | Jepun | 267 |
| 4 | Thailand | 231 |
| 5 | Indonesia | 239 |
| 6 | Taiwan | 101 |
| 7 | Jerman | 54 |
| 8 | Brunei Darussalam | 29 |
| 9 | United Kingdom | 26 |
| 10 | Filipina | 25 |
| 11 | India | 24 |
| 12 | Morocco | 20 |
| 13 | Perancis | 18 |
| 14 | Pakistan | 19 |
| 15 | Turki | 18 |
| 16 | Kazakhstan | 17 |
| 17 | Republik Czech | 13 |
| 18 | Mexico | 13 |
| 19 | Denmark | 10 |
| 20 | Belgium | 8 |
| 21 | Switzerland | 8 |
| 22 | Australia | 10 |
| 23 | Iran | 7 |
| 24 | Amerika Syarikat | 7 |
| 25 | Mesir | 6 |
| 26 | Sepanyol | 6 |
| 27 | Kanada | 5 |
| 28 | Hong Kong | 5 |
| 29 | Itali | 5 |
| 30 | Lain-lain (dari 17 negara) | 50 |
| **Jumlah** | | **2,182** |

Sepanjang tahun 2017 juga, UM juga turut menerima 57 pelajar pemerhati di bawah beberapa program tajaan biasiswa dan program *Government to Government* (G to G).

**Jadual 2.13: Jumlah pelajar pemerhati di bawah program tajaan biasiswa dan program Government to Government.**

| No. | Program | Bilangan Pelajar |
|---|---|---|
| 1. | ASEAN University Network (AUN) | 7 |
| 2. | ASEAN International Mobility for Students (AIMS) | 45 |
| 3. | New Colombo Plan | 1 |
| 4. | Mevlana | 4 |
| **Jumlah** | | **57** |

Seramai 1,907 pelajar tempatan dan antarabangsa sepenuh masa UM di pelbagai peringkat pengajian, iaitu 6.7% daripada jumlah enrolmen pelajar, telah menjalani pelbagai program pertukaran pelajar ke universiti di luar negara *(outbound)* termasuk pertukaran pelajar jangka panjang, jangka pendek, latihan industri, penempatan elektif, persidangan, mesyuarat, bengkel, latihan dan sebagainya.

**Jadual 2.14: Statistik penglibatan pelajar UM melalui program pertukaran pelajar ke luar negara (*Outbound*) bagi tahun 2017.**

| Bil. | Negara | Bilangan Pelajar |
|---|---|---|
| 1 | Thailand | 289 |
| 2 | Indonesia | 268 |
| 3 | Korea Selatan | 258 |
| 4 | Singapura | 194 |
| 5 | Jepun | 191 |
| 6 | China | 154 |
| 7 | Taiwan | 110 |
| 8 | United Kingdom | 55 |
| 9 | India | 53 |
| 10 | Kemboja | 48 |
| 11 | Brunei Darussalam | 38 |
| 12 | Vietnam | 35 |
| 13 | Australia | 23 |
| 14 | Filipina | 18 |
| 15 | Jerman | 16 |
| 16 | Mesir | 16 |
| 17 | Maldives | 12 |
| 18 | Jordan | 12 |
| 19 | Hong Kong | 12 |
| 20 | Perancis | 12 |
| 21 | Sepanyol | 10 |
| 22 | Lain-lain (dari 28 negara) | 83 |
| **Jumlah** | | **1,907** |

Daripada 1,907 pelajar yang mengikuti program pertukaran pelajar ke luar negara (*outbound*) yang melibatkan 49 buah negara pada tahun 2017, seramai 76 pelajar telah menerima biasiswa dan tajaan daripada pelbagai institusi dari dalam dan luar negara.

**Jadual 2.15: Statistik pelajar UM yang menerima biasiswa dan tajaan di bawah program pertukaran pelajar ke luar negara (*outbound*).**

| No. | Program | Bilangan Pelajar |
|---|---|---|
| 1 | AMERTA Scholarship, Universitas Airlangga, Indonesia | 11 |
| 2 | ASEAN International Mobility for Students (AIMS) | 26 |
| 3 | TF Learn Programme, Temasek Foundation Scholarship (NUS/NTU Singapore) | 8 |
| 4 | Global Korea Scholarship (GKS) | 5 |
| 5 | GKS for Asean Countries Science and Engineering Students (Summer Programme) | 14 |
| 6 | Heiwa Nakajima Foundation Scholarship, Japan | 1 |
| 7 | Soka University Scholarship, Japan | 2 |
| 8 | Japanese Government Scholarship (MEXT), Japan | 2 |
| 9 | JASSO Scholarship, Japan | 2 |
| 10 | Sato Yo International Scholarship Foundation (SISF), Japan | 1 |
| 11 | YONEDA Scholarship, Kanagawa University, Japan | 1 |
| 12 | Erasmus Mundus Scholarship | 3 |
| **Jumlah** | | **76** |

ISC memainkan peranan penting dalam agenda pengantarabangsaan di UM di mana program pertukaran pelajar (*inbound dan outbound*) berjaya menyumbang sebanyak 5% daripada keseluruhan markah dalam indikator *QS University Rankings:* Asia 2018. Pada tahun 2017, UM berjaya memperolehi kedudukan ke-5 bagi kategori *Inbound* dan kedudukan ke-9 bagi kategori *Outbound*.

Sebagai pelengkap kepada program pertukaran pelajar dan pengajian pelajar luar negara yang mengikuti program ini di UM, aktiviti kebudayaan dan pendedahan dalam bentuk *homestay* dan *field trip* turut dianjurkan oleh ISC bertujuan untuk memantapkan lagi proses pembelajaran dan pendedahan pelajar pertukaran antarabangsa di Malaysia.

Pada tahun 2017, UM telah merekodkan penglibatan seramai 619 pelajar antarabangsa dalam program *field trip* di pelbagai tempat menarik dan bersejarah di seluruh Malaysia. Melalui program ini, kesemua pelajar antarabangsa yang terlibat dapat menghayati dan membentuk pemahaman yang lebih baik mengenai keunikan masyarakat majmuk dan kepelbagaian budaya di Malaysia. Bagi program *homestay* pula, seramai 233 pelajar antarabangsa telah memperolehi faedah melalui penglibatan dalam program selama 2 hari 1 malam ke pelbagai destinasi inap desa (*homestay*). Objektif utama program *homestay* ini adalah bagi mendedahkan pelajar antarabangsa kepada budaya tempatan termasuk keunikan dari segi makanan tradisional, aktiviti dan ekonomi tempatan dan tradisi setempat.

## 2.6.5 POSCO *Asia Fellowship 2017*

Majlis penganugerahan POSCO *Asia Fellowship* telah diadakan pada 26 Mei 2017 di Galeri Seni, UM. Majlis yang dihadiri oleh Duta Korea Selatan ke Malaysia, Encik Yu Hyun Seok telah merekodkan seramai 15 orang pelajar Ijazah Dasar dari pelbagai fakulti menerima anugerah berupa biasiswa sebanyak USD1,000 daripada POSCO TJ Park Foundation, Korea. Pelajar yang menerima anugerah ini perlu mengikuti Program Pertukaran Pelajar selama satu (1) semester di Korea Selatan. ISC merupakan Penyelaras dalam membantu pelajar yang terpilih menguruskan penempatan masing-masing di Korea.

## 2.6.6 Pencapaian UM di Arena Antarabangsa

UM juga terus menempa nama di arena antarabangsa pada tahun 2017 melalui beberapa aktiviti pengantarabangsaan berikut:

(a) Sekretariat AUN-Disability Public Policy Network (AUN-DPPnet) yang dihoskan oleh Fakulti Alam Bina telah menerima dana daripada pihak The Nippon Foundation (TNF) sebanyak RM4.8 juta untuk tempoh 3 tahun (2016-2019).

(b) Staf akademik UM dari pelbagai PTj turut menempa kejayaan cemerlang dengan penganugerahan lima (5) geran antarabangsa melalui program Erasmus+ daripada pihak European Union (EU), salah sebuah agensi antarabangsa yang berprestij. Jumlah keseluruhan projek yang dibiayai oleh EU di bawah Erasmus+ adalah sebanyak 12 projek (7 projek dianugerahkan pada 2016 manakala 5 projek lagi dianugerahkan pada tahun 2017).

(c) Video *Future is Now* yang memaparkan kisah benar mengenai aspirasi dan inspirasi dua (2) orang pelajar UM iaitu Jerry Song Zhi Liang (Malaysia), Fakulti Perubatan dan Michael John Maackara (Sudan Selatan), Fakulti Sains dalam mengejar cita-cita dan impian masing-masing telah berjaya merangkul Anugerah Emas bagi kategori Video Institusi Korporat Paling Kreatif dalam Anugerah Kreatif QS APPLE yang telah dianjurkan bersempena Persidangan dan Pameran QS-APPLE (Asia-Pasific Professional Leaders in Education) ke-13 pada 22–24 November 2017 di Taichung, Taiwan. Video ini telah diterbitkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dengan kerjasama MRC.

## 2.6.7 Pembangunan Sistem Atas Talian bagi Pengurusan Data Aktiviti Pengantarabangsaan

Portfolio Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) juga telah meneruskan inisiatif lain bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan penjenamaan UM dengan menyempurnakan pembangunan peringkat akhir bagi projek *online system* yang melibatkan pelbagai PTj di UM. Projek ini diketuai oleh Profesor Dr. Abdullah Gani, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM). Ringkasan sistem yang dibangunkan di bawah projek perundingan yang dikendalikan oleh Unit Perundingan Universiti Malaya (UPUM) ini adalah seperti berikut:

(a) Penambahbaikan sistem *e-visit* bagi lawatan rasmi yang dihadiri oleh pihak UM di peringkat antarabangsa. Ini adalah penambahbaikan kepada sistem e-lawatan UM bagi lawatan delegasi antarabangsa ke UM;

(b) Penambahbaikan sistem *e-MoU/MoA*;

(c) Sistem *e-membership* bagi pengurusan maklumat keahlian dan aktiviti jaringan kerjasama pihak Universiti Malaya dengan institusi antarabangsa; dan

(d) Penambahbaikan sistem *e-visa* (staf)

## 2.6.8 Aktiviti Pemasaran dan Pengambilan Pelajar

Sepanjang 2017, MRC terlibat dalam pelbagai aktiviti promosi sama ada di dalam atau di luar negara bagi menyebarluaskan maklumat dan memasarkan program akademik UM yang ditawarkan di pelbagai peringkat pengajian.

**Jadual 2.16: Statistik penglibatan MRC dalam program pameran pendidikan dalam negara pada tahun 2017.**

| Bil. | Program | Jumlah | Lokasi |
|---|---|---|---|
UMCoE menjalankan penyelidikan mengikut bidang pengkhususan dan kepakaran setiap pusat penyelidikan dan mendapat sumber dana daripada dalam dan luar universiti. Sumber dalaman adalah daripada geran penyelidikan yang bernilai RM7,285,000.00. UMCoE juga berjaya mendapatkan sumber luaran sama ada daripada agensi kerajaan, swasta dan antarabangsa dengan anggaran jumlah sebanyak RM13,545,000.00.

Sumber dana yang diperolehi dimanfaatkan sebaiknya oleh lebih kurang 43 orang staf akademik dan 40 staf penyelidik yang bekerjasama menghasilkan output penyelidikan yang berimpak tinggi. Dengan jumlah tenaga kerja berkemahiran tersebut, UMCoE telah berjaya menghasilkan 435 penerbitan sepanjang tahun 2017. Antara penyelidikan berimpak tinggi tersebut adalah seperti berikut:

(a) Chung, K. F., Seiffert, J., Chen, S., Theodorou, I. G., Goode, A. E., Leo, B. F., McGilvery, C. M., Hussain, F., Wiegman, C., Rossios, C., et al. (2017). Inactivation, Clearance, and Functional Effects of Lung-Instilled Short and Long Silver Nanowires in Rats. *Acs Nano, 11*(3), 2652-2664. Impact Factor: 13.942.

(b) Oh, T. H., Hasanuzzaman, M., Selvaraj, J., Teo, S. C., & Chua, S. C. (2017). Energy policy and alternative energy in Malaysia: Issues and challenges for sustainable growth - an update. *Renewable and Sustainable Energy Reviews*, doi:10.1016/j.rser.2017.06.112. IF:8.05

(c) Iqtiyanillham, N., Hasanuzzaman, M., & Hosenuzzaman, M. (2017). European smart grid prospects, policies, and challenges. *Renewable and Sustainable Energy Reviews, 67,* 776-790. doi:10.1016/j.rser.2016.09.014 IF:8.05

(d) Shakeel Ahmad, M., Pandey, A. K., & Abd Rahim, N. (2017). Advancements in the development of TiO2 photoanodes and its fabrication methods for dye sensitized solar cell (DSSC) applications. A review. *Renewable and Sustainable Energy Reviews, 77*, 89-108. doi:10.1016/j.rser.2017.03.129 . IF:8.05

Penemuan terbaharu hasil penyelidikan oleh penyelidik UMCoE adalah seperti berikut:

(a) *Halymenia johorensis* P.L.Tan oleh P.E. Lim, S.M. Lin & S.M. Phang

(b) *Mesospora lombokensis* oleh S.W. Poong, P.E. Lim & S.M. Phang

(c) *Mesospora indopacifica oleh* S.W. Poong, P.E. Lim & S.M. Phang

(d) *Bacusphaeria Norlailatul* oleh Alias et Suetrong

(e) *Bacusphaeria nypae* Norlailatul oleh Alias et Suetrong

(f) *Dactylospora vrijm*oediae oleh K.L. Pang, S.Y. Guo, Alias,Hafellner et E.B.G. Jones

(g) Sejenis *Novel black fly* dinamakan sebagai *Simulium vanluni* sempena nama salah seorang penyelidik Dr. Low Van Lun

(h) Beberapa spesies *novel black fly* lain seperti *S. pairoti (Peninsular Malaysia), S. kalimantanense (Indonesia), S. paserense (Indonesia), S. lemborense (Indonesia), S. rangatense (Indonesia), S. sunarpii (Indonesia)*

(i) *Novel genus/species of filarial parasite* di Malaysia

Kepakaran dan kemahiran yang ada dikongsi bersama dengan menganjurkan program yang melibatkan pihak antarabangsa, agensi kerajaan dan swasta serta komuniti setempat. Kerjasama dengan pelbagai pihak telah dijalinkan melibatkan 42 Memorandum Persefahaman (MoA) dan Memorandum Perjanjian (MoU) di peringkat antarabangsa dan 22 MoA dan MoU di peringkat kebangsaan telah ditandatangani setakat ini.

UMCoE juga berjaya merangkul pelbagai anugerah penyelidikan di peringkat kebangsaan dan global.

**Jadual 3.11: Anugerah Penyelidikan oleh UMCoE**

| Penerima | Anugerah | Tarikh Terima |
|---|---|---|
| Subha Bhassu | *Award of Distinguished Women in Science.* | 1 Mac 2017 |
| Jennifer Ann Harikrishna dan Teo Chee How | *Best Public Sector Agency Award for Abdul Aziz Mirani* | 6 Sep 2017 |
| Juan Joon Ching | *Malaysia's Research Star Award* | 5 Okt 2017 |
| Sazaly Bin Abu Bakar | *Malaysia's Research Star Award 2007 – Outstanding National Research in Infectious Diseases* | 5 Okt 2017 |
| Nasrudin Abd Rahim | *Certificate of Appreciation in recognition and appreciation of valued services and contribution as the EPU consultant (Transport Energy Use) for "A Preliminary Study on Demand Side Management" Project (2016-2017)* | 30 Okt 2017 |
| Phang Siew Moi | *Outstanding Researcher-Distinguished Researcher Award, University of Malaya Excellence Awards 2017* | Nov 2017 |
| Phang Siew Moi | *Fellow, Marine Biological Association, United Kingdom.* | 2 Nov 2017 |
| TIDREC | *Research Grant, BBR Scheme: "GCRF-BBR: The Tick Cell Biobank: Outposts in Asia, Africa and South America.* | 2017 |



# 3.6 Inovasi dan Pengkomersilan

## 3.6.1 Pengurusan dan Perlindungan Harta Intelek

UM melalui Pusat Inovasi dan Pengkomersilan UM (UMCIC) terus komited dalam usaha melindungi harta intelek yang bernilai hasil daripada aktiviti penyelidikan dan pengajaran warga universiti serta penterjemahan harta intelek yang dilindungi kepada impak sosioekonomi yang bermanfaat kepada masyarakat. Peningkatan kriteria nilai komersil dan potensi impak sosial yang diguna pakai serta pengurusan aset intelektual yang proaktif dapat membantu usaha pemulangan pelaburan hasil dana penyelidikan dalam menjamin kelestarian kitar penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan.

Mengenai pengurusan proaktif dan usaha berterusan universiti dalam pengukuhan kualiti dan kebolehpasaran harta intelek, Universiti Malaya merupakan universiti awam pertama yang telah mengambil inisitiatif menjalankan kerjasama strategik dengan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan bersama Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dalam program penentuan nilai harta intelek. Sebanyak 10 paten mewakili spektrum teknologi yang berbeza telah dipilih untuk program kerjasama ini yang bakal dijadikan rujukan bukan sahaja kepada Universiti Malaya tetapi juga kepada semua institusi pengajian tinggi dan organisasi penyelidikan awam di Malaysia dalam menentukan nilai harta intelek untuk tujuan pengukuhan nilai harta intelek, pengkomersilan, pengurusan aset serta sebagai salah satu instrumen cagaran kewangan.

UMCIC juga sentiasa menerima kunjungan rujukan dan penandaarasan dari pelbagai pihak termasuk IPT, agensi awam dan universiti luar negara seperti Universitas Indonesia (UI) dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada tahun 2017. Usaha berterusan Universiti dalam perlindungan dan pengkomersilan harta intelek juga telah mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan melalui Anugerah Harta Intelek Negara (AHIN) 2017 di mana UM telah memenangi pingat perak bagi Pengurusan Harta Intelek Terbaik (Kategori Organisasi). Pengiktirafan ini menjadi insentif kepada UM untuk terus mengorak langkah sebagai pelopor pengurusan harta intelek yang proaktif.

**Jadual 3.12: Bilangan harta intelek (IPR) Universiti Malaya 2017**

| Harta Intelek | Bilangan |
|---|---|
| Bilangan paten dianugerah pada tahun semasa (kebangsaan dan antarabangsa) | 13 |
| Bilangan paten difailkan (kebangsaan) | 25 |
| Bilangan paten PCT/antarabangsa difailkan pada tahun semasa | 8 |
| Bilangan harta intelek selain dari paten (tidak termasuk buku) seperti hak cipta, cap dagangan, reka bentuk industri dan petunjuk geografi | 210 |

### 3.6.2 Pemacuan Pengkomersilan hasil penyelidikan melalui Ekosistem Inovasi dan Keusahawanan

UMCIC terus komited dalam usaha penyediaan ekosistem inovasi yang kondusif kepada warga UM untuk kolaborasi multidisiplin, merealisasikan cetusan idea dan penterjemahan dan pembangunan konsep serta produk penyelidikan mereka agar boleh dikomersilkan. Pelbagai pelantar aktiviti dan program telah dilaksanakan termasuk program pembangunan prototaip, pembangunan model pengkomersilan, medan pemasaran teknologi, pembangunan kepakaran dan pengetahuan telah dijalankan secara kendiri atau dengan kerjasama rakan industri sepanjang tahun 2017 untuk faedah warga universiti antaranya termasuklah *UM Social Innovation Business BootCamp T3*, *UM LifeScience LaunchPad*, *MIDA Funding Opportunities Mini-Seminar*, TechPlan Malaysia dan *CREST R&D Grant Cycle Session*. UMCIC juga aktif dalam usaha mengetengahkan aset intelektual dan teknologi UM melalui pelbagai ekspo dan persidangan teknologi tempatan serta antarabangsa, antaranya *BioMalaysia & Asia Pacific Bioeconomy* 2017, PECIPTA 2017, IGEM 2017 dan SMIDEX 2017. Teknologi yang dipamerkan telah dipilih supaya sesuai dengan tema sesuatu ekspo selain bahan-bahan promosi teknologi yang lain. Selain penerokaan pasaran baharu untuk teknologi UM melalui *Innovfest Unbound* di Singapura, penyertaan dalam *Malaysia-China Entrepreneur Conference (MCEC)* buat kali pertama. Pertemuan dan interaksi melalui semua medan ini telah membawa kepada kolaborasi antara warga UM dan industri bagi tujuan pengkomersilan teknologi serta mengetengahkan teknologi UM ke pasaran luar.

**Jadual 3.13: Bilangan teknologi terpilih yang dipamerkan pada 2017**

| Nama Ekspo atau Persidangan | Bilangan Teknologi Terpilih yang dipamerkan |
|---|---|
| Innovfest Unbound @ Singapore | 6 |
| BioMalaysia and Asia Pacific Bioeconomy | 6 |
| PECIPTA | 21 |
| IGEM (International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia) | 11 |
| Impact4Humanity | 4 |
| Malaysia Commercialisation Year (MCY) | 5 |
| National Innovation and Creative Economy Expo (NICE) | 11 |
| Malaysia-China Entrepreneur Conference (MCEC) | 20 |
| SMIDEX (SME Annual Showcase & Conference) | 21 |
| Global Entrepreneurship Community (GEC) Summit | 7 |

Antara aset intelektual mengikut domain teknologi yang diketengahkan semasa ekspo dan menjana minat industri untuk pengkomersilan termasuklah:

(a) Peranti Perubatan: ScolioS2- *Portable Device for Preliminary Diagnosis of Scoliosis and Shoulder Symmetricity Assessment* (Pemenang Most Innovative Product Silver Medal – BioMalaysia 2017 dan Pingat Emas PECIPTA 2017);

(b) Inovasi Sosial: *System and Method for Authenticating Quranic content and Hadith* (Anugerah Khas dan Pingat Emas PECIPTA 2017);

(c) Perubatan dan Kesihatan: *Automated Methadone Dispenser for Drug Addiction Treatment Program* (Pingat Emas PECIPTA 2017);

(d) Teknologi Pembuatan dan Mekanisasi: *Portable modular Electrical Discharge Machine (PEDM) for Green Manufacturing* (Pingat Perak PECIPTA 2017);

(e) Farmaseutikal dan Kesihatan: *Alpha-Tocopherol Loaded Lipid Nanoparticles in Thermoresponsive Gel for Tropical Application* (Pingat Gangsa PECIPTA 2017); dan

(f) Teknologi Hijau: EcoBio® Mulch Film for Agriculture.

Pada tahun 2017, nilai pengkomersilan teknologi dan produk UM direkodkan melebihi RM 8.5 juta. Perlesenan teknologi dan pengkomersilan produk hasil daripada aktiviti penyelidikan dan pembangunan merangkumi pelbagai domain teknologi termasuklah peranti perubatan, perubatan, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan bioperubatan, bioteknologi, teknologi agro dan tenaga boleh diperbaharui. Usaha pengkomersilan teknologi dicapai melalui perlesenan kepada pihak industri, penjualan produk, pemindahan teknologi melalui perlesenan pengetahuan dan inkubasi syarikat terbitan atau unit perniagaan dan perkhidmatan (Business and Service Pods) berteknologi tinggi melalui program Teknopreneuer Universiti Malaya. Antara impak pengkomersilan adalah meningkatkan daya saing industri melalui pemindahan teknologi dan inovasi terkini, membuka peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dalam bidang termaju serta memangkin peningkatan hasil pendapatan industri.

### Jadual 3.14: Jumlah teknologi atau produk yang dikomersilkan

| Teknologi / Produk / Unit Perniagaan/ Syarikat Terbitan | Bilangan Teknologi/ Produk Komersil |
|---|---|
| Bilangan produk/ teknologi baru yang dikomersilkan melalui perlesenan, penjualan terus dan pemindahan teknologi *'Know-how'* | 24 |
| Bilangan syarikat terbitan/unit perniagaan dan perkhidmatan (*Business and Service Pods*) semasa di bawah Program Teknoprenuer UM | 16 |

Inisiatif inkubasi pengkomersilan melalui pod perniagaan dan perkhidmatan (*Business and Service Pods*) syarikat pemacuan inovasi UM Innovations Sdn. Bhd. (UMI) telah mencapai pendapatan kasar melebihi dari RM0.5 juta dalam tempoh lapan (8) bulan pertama beroperasi dan prestasi dijangka terus meningkat untuk tahun 2018. Unit perniagaan atau perkhidmatan tersebut disasar untuk diterjemahkan sebagai syarikat terbitan yang berdaya saing. UM telah pun berjaya menghasilkan syarikat terbitan berasaskan teknologi tinggi dalam bidang fotonik (Flexilicate), pencetakan 3D biomodel surgeri (CBMTI), Orthothics (BioApps), Biobanking (Cytus), pemesinan termaju (Zecttron), benih kultur tisu (Granatech) dan penjagaan kesihatan elektronik dan digital (UM Connected Healthcare).

Pada tahun 2017 pemindahan teknologi UM turut memberi impak terus kepada masyarakat. Sebagai contoh teknologi penapisan air bertenaga solar dari Fakulti Kejuruteraan berjaya membawa faedah kepada masyarakat setempat termasuk yang terkini di Pahang dengan kerjasama Samsung Malaysia Electronics Sdn. Bhd., selepas kejayaan di Kelantan, Perak dan Sarawak melalui kerjasama bersama Bahagian Hubungan Industri (BHI) KPT dan NBOS pada tahun 2016. Antara kejayaan lain, UM juga menjalinkan kerjasama dengan Celcom Axiata dan Victorian Cytology Services (VCS) Australia dalam mewujudkan program komprehensif pencegahan kanser serviks melalui kolaborasi sistem saringan awal kanser serviks di Malaysia. Kesinambungan semua aktiviti ini mengetengahkan kejayaan berterusan UM dalam usaha pemindahan pelbagai teknologi atau produk UM terus kepada masyarakat.

Kompleks Inkubator Inovasi (I2U) di UM terus berkembang dalam mewujudkan infrastruktur dan suasana yang kondusif serta mesra industri untuk program penterjemahan teknologi yang mampu memacu pembangunan produk dan pengkomersilan teknologi dalam bidang terpilih dan termaju termasuk diagnostik in-vitro, peranti perubatan, teknologi LED, IOT, nanoteknologi serta teknologi minyak dan gas. Salah satu dari

lima ruang Industri dalam Kampus (Industry-on-campus) yang terdapat di UM ini berhasrat mencetuskan perkongsian industri-akademia dalam membina ekosistem inovasi negara. Lebih dari 13 syarikat telah dan dalam proses untuk mula beroperasi di Kompleks Accelerator UM, termasuklah Quandatics (M) Sdn. Bhd., My Conceptual Robotics Sdn. Bhd. (MyCRO), CJBio Sdn Bhd dan Digital Artisan Sdn. Bhd. Selain I2U ini program usaha sama industri akademia juga menyerlah di Pusat inovasi Industri Blok C (eUM-IIC) Fakulti Kejuruteraan di mana lima (5) syarikat antarabangsa sudah mempunyai makmal kerjasama termasuk Syarikat Rohde & Schwarz, Proton, Motorola dan Daikin.

Secara keseluruhan pada tahun 2017, UMCIC telah menjayakan lebih daripada 50 sesi pembangunan kapasiti, kolaborasi dan suamuka industri (*industry engagement)* berkaitan proses pengkomersilan termasuk, klinik harta intelek dan pengkomersilan (IP&C *Clinic*), program Emerald bersama ADeC, program IP Enabling Environment dengan kerjasama Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan World Intellectual Property Organization (WIPO), penerangan mengenai proses perlesenan dan proses pembentukan syarikat terbitan atau unit perniagaan dan perkhidmatan (*Business and Service Pods*) serta sesi pemasaran teknologi UM. Selain itu juga UMCIC menjalankan program kerjasama dengan agensi pemacu inovasi seperti Cradle Fund Sdn. Bhd., PlatCOM Ventures Sdn. Bhd., Bioeconomy Corporation., MaGIC, Agensi Inovasi Malaysia, Yayasan Harapan dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dalam usaha pemacuan pengkomersilan hasil penyelidikan dan pembangunan UM. UMCIC juga terlibat dalam menjayakan *Give Back to UM Day* (GB2UM) 2017 iaitu program penghargaan penyumbang rakan industri yang telah memberikan sumbangan kepada kelestarian kewangan aktiviti penyelidikan dan inovasi di bawah portfolio TNC (P&I). GB2UM 2017 adalah program yang julung-julung kalinya diadakan di UM untuk menghargai 12 penyumbang yang telah memberikan sumbangan sebanyak RM16 juta kepada UM. UM juga sentiasa menghargai hubungan rapat dengan rakan industri. Oleon Sdn. Bhd. dan Lembaga Tabung Haji Malaysia merupakan pemenang Anugerah Cemerlang Universiti Malaya (ACUM) 2017 bagi kategori Rakan Korporat sebagai pengiktirafan kerjasama yang terjalin. Oleon Sdn. Bhd. terlibat dengan program penyelidikan serta pembangunan modal insan dalam bidang nanoteknologi bersama UM melalui NANOCAT manakala Lembaga Tabung Haji pula bekerjasama rapat dengan UM melalui TIDREC dalam penyelidikan dan pemantauan penyakit *Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus* (MERS-CoV).

Pelaksanaan 10 makmal dengan spektrum fokus melibatkan bidang percetakan 3D sehingga realiti maya dan farmaseutikal, adalah satu titik mula seterusnya loncatan untuk mengadakan pelbagai pelantar dan program pemacuan teknologi serta pengkomersilan. Antaranya ialah SupeReka iaitu pelantar penghasilan prototaip dengan pembangunan ekosistem inovasi dan penghasilan protototaip berasaskan konsep "*Monozukuri*" yang diamalkan oleh komuniti "*Superfactory Japan*" di kejiranan Sumida, Tokyo, Jepun. Pelantar ini adalah kerjasama antara UM, SIRIM, GEM, Hamano Products (Japan) dan Leave A Nest.

## 3.6.3 Program CEO @ Fakulti (CFP) KPT dan CEO Tech Talk 2017

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan dalam siri program ini dan keberkesananya semakin meningkat dan berimpak selari dengan objektif utama program supaya CEO menjadi ikon kepada pelajar dan meningkatkan kurikulum sedia ada melalui perkongsian pengetahuan, pengalaman dan amalan terbaik dengan tagline "*Learn from the Pros*".

Antara aktiviti tersebut adalah:

(a) Forum Industri-Akademia Pelajar Sains dan Kejuruteraan: Di manakah Kita di Kaca Mata Industri bersama YBhg. Tan Sri Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa, Ketua Pegawai Kumpulan dan Pengarah Urusan, Telekom Malaysia Berhad;

(b) CEO TechTalk bertajuk "*Embracing Industry 4.0-Will Universities Make the Difference for Malaysia"* oleh YBhg. Datuk Shahril Ridza Ridzuan, Ketua Pegawai Eksekutif, KWSP;

(c) CEO TechTalk bertajuk "*Enhancing Effectiveness of Business Sustainability for Startups*" oleh Encik Eddie Hu, Pengarah Urusan, Elegant Hallmark Sdn. Bhd. dan Chief Representative for Malaysia, Credit China Fintech Holdings Limited;

(d) CEO TechTalk bertajuk "*How University Startups Can Make University More Relevant and Closer to the Industry*" oleh Encik Brian Koh, Pengarah NUS Enterprise, National University of Singapore;

(e) Santai with SKY: Outlook for Energy: Journey to 2040 oleh Encik See Kok Yew, Pengerusi, ExxonMobil Subsidiaries in Malaysia; dan

*(f) Special Dialogue Session with Rekha Pai Kamath, Board Member at Fast Forward, New Business Incubation at Juniper Networks*.

## 3.7 Komuniti dan Kelestarian

Pusat Komuniti dan Kelestarian Universiti Malaya (UMCares) telah diperuntukkan sebanyak RM500,000.00 bagi fasa pertama untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan yang diketuai oleh penyelidik UM.

Tahun 2017 menyaksikan UMCares berjaya melaksanakan pelbagai program bagi menyokong misinya iaitu memberi inspirasi dan memacu UM ke arah sebuah universiti yang inklusif dalam aktiviti jaringan masyarakat melalui pemindahan ilmu dan teknologi serta memperkukuh aspek kelestarian. Antara kejayaan bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:

### Jadual 3.15: Kejayaan dan Pencapaian UMCares pada 2017

| Projek | Maklumat |
|---|---|
| **Kerjasama dengan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)** | Program SCORE merupakan antara program berimpak tinggi yang berjaya dilaksanakan di bawah program jaringan masyarakat UMCares. Program perkhidmatan rehabilitasi dan terapi untuk pesakit strok ini diketuai oleh Profesor Dr Lydia Abdul Latif dari Fakulti Perubatan. Kejayaan program ini terbukti apabila dijemput untuk membuat pembentangan semasa National Blue Ocean Strategy (NBOS) Summit 2017 oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (Unit NBOS). |
| **Kerjasama dengan Pusat Zakat Selangor** | Program ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan secara kerjasama di antara Universiti Malaya, Lembaga Zakat Selangor dan Kolej Komuniti Selayang. Projek ini dijalankan untuk menangani masalah berkomunikasi dalam kalangan golongan asnaf daerah Gombak dan dalam masa yang sama menyelesaikan isu peningkatan kos sara hidup yang dihadapi oleh mereka dengan meningkatkan pendapatan isi rumah peserta projek melalui perniagaan kecil. Program yang diketuai oleh Dr. Rozita Che Omar ini melibatkan seramai 50 orang asnaf dan telah menerima sumbangan daripada Pusat Zakat Selangor sebanyak RM10, 000.00. Faktor kerjasama, kesamaan status dan penerimaan matlamat bersama turut dititikberatkan dalam projek ini. |
| **Kerjasama dengan industri – Mr DIY Sdn. Bhd.** | Program Kelab Sahabat UM atau program sekolah angkat telah mencapai satu tahap baru dengan penglibatan industri di dalam menggerakkan program Kelab Sahabat UM. Program pertandingan DIY – *"Made Simple and Decorate"* telah mendapat tajaan daripada Mr DIY. Sdn. Bhd. sebanyak RM50,370.00. Sebanyak tujuh (7) buah sekolah dan tujuh (7) buah rumah kebajikan telah terlibat di dalam program ini. |
| **Kerjasama dengan industri – TESCO Malaysia.** | Program jaringan masyarakat di kawasan penduduk orang asli Pos Pantos Pahang ini bermula dengan pengajaran Bahasa Inggeris kepada pada pelajar Sekolah Kebangsaan Lanai Kuala Lipis, Pahang.Bagaimanapun, isu kawasan tadahan air hujan telah dibangkitkan oleh pihak sekolah dan para penduduk di sini. Menerusi bantuan daripada UMCares, permasalahan ini disampaikan kepada pihak TESCO Malaysia. Hasilnya, kawasan tadahan air bersih telah dibina dengan anggaran kos sebanyak RM 80,000.00 |
| **Kerjasama dengan industri – AEON Environmental Foundation** | Program Asian Student Environmental Platform (ASEP) merupakan sebuah program tajaan sepenuhnya di bawah kelolaan AEON Environmental Foundation. UM merupakan satu-satunya universiti di Malaysia yang dipelawa untuk mengikuti program berkenaan bermula pada tahun 2014. Para pelajar didedahkan dengan pelbagai seminar dan juga lawatan mengenai kesedaran alam sekitar. |
| **Pengiktirafan** | Program Kedai Jalanan di bawah seliaan Dr. Rusaslina Idrus dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial telah menerima anugerah The Star-Gamuda Inspiration Award pada tahun 2017. Kedai Jalanan adalah sebuah program yang menyediakan pakaian dan keperluan asas termasuk barangan mandian atau penjagaan diri secara percuma kepada komuniti sasaran (gelandangan) dalam bentuk ala kedai dalam suasana gedung membeli-belah. Kedai jalanan ini dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar UM untuk memberi peluang dan kesempatan interaksi di antara pelajar dan gelandangan. |
| **Penjanaan Pendapatan** | Program UM Tropical Camp pada tahun 2017 telah mencatat jumlah pendapatan kasar sebanyak RM100,062.80 dengan penyertaan sebanyak 10 kumpulan yang terdiri daripada pelbagai organisasi dari dalam dan luar negara. UMCares juga ada menerima sumbangan komputer riba dan alat tulis bernilai hampir RM 15,000.00 daripada syarikat persendirian dan disalurkan kepada dua program iaitu Program New Leaf & Mobile Spa Taman Medan (Penyelidik: Dr. Zuraidah Abdullah) dan Program Pemuliharaan Topeng Mahmeri (Penyelidik: Profesor Madya Dr. Faridah Noor). |
| **Persidangan Akademia Komuniti Universiti Malaya dan Anugerah Jalinan Masyarakat** | Selaras dengan usaha untuk menggalakkan peningkatan projek komuniti di UM, pihak UMCares telah berjaya mengadakan Persidangan Akademia Komuniti Universiti Malaya dan Anugerah Jalinan Masyarakat. Program ini melibatkan kira-kira 150 penyelidik UM dan membuktikan bahawa Projek Komuniti bukan sekadar projek picisan tetapi ianya telah diangkat sebagai sebahagian daripada projek berimpak tinggi. Ini dapat dibuktikan dengan sumbangan kepada data MyRA dan data SETARA yang membolehkan UM mendapat pengiktirafan enam bintang. |
| **Publisiti** | Keterlihatan fungsi dan program jalinan masyarakat UM kepada umum dijalankan melalui melalui liputan dalam media elektronik dan media cetak. Dalam tahun ini, beberapa projek komuniti di bawah UMCares telah mendapat liputan media elektronik melalui program TV seperti Selamat Pagi Malaysia, Star Online dan Utusan Online manakala liputan media cetak merangkumi akhbar Bahasa Melayu (Utusan Malaysia, Berita Harian, Kosmo dan Sinar Harian), akhbar Bahasa Inggeris (The Star dan New Straits Times) dan juga akhbar Bahasa Cina (Sin Chew Daily). |

04

# HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI

# 4.1 Laporan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)



**Datuk Profesor Dr. Rohana Yusof**



## Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni atau singkatannya HEPA berperanan untuk membangunkan pelajar secara holistik melalui aktiviti/program yang dianjurkan untuk pelajar serta memberi perkhidmatan dari segi infrastruktur, kemudahan, nasihat kewangan dan kebajikan pelajar.

Sepanjang tahun 2017, portfolio HEPA telah menjalankan pelbagai aktiviti/progam yang dirangka untuk mempertingkatkan potensi pelajar secara menyeluruh dan bersepadu ke arah melahirkan pelajar yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani.

Antara aktiviti/program yang dijalankan dengan jayanya pada tahun 2017 adalah:

**(a) Pelantikan Duta Alumni Universiti Malaya**

Bagi mempromosi UM di pelbagai peringkat, pihak universiti telah melantik Duta Alumni yang terdiri dalam kalangan personaliti terkenal *(public figure)*. Hal ini kerana, golongan ini lebih mudah didekati dan dikenali oleh masyarakat setempat. Rasional pelantikan duta dalam kalangan alumni adalah kerana alumni merupakan individu yang bersesuaian untuk menjadi ejen jurucakap atau penghubung komunikasi berkaitan universiti berdasarkan pengalaman alumni yang pernah bergelar pelajar di universiti ini. Pelantikan ini juga bertujuan untuk menyuntik semangat para pelajar dalam mencapai impian dan berjaya seperti tokoh-tokoh alumni yang lain.

Duta Alumni yang dilantik adalah seperti berikut :

- **Dato' Dr. Haji Mohd Fadzilah Kamsah**

  Dilahirkan pada 16 Julai 1951 di Sungai Pinang, Klang. Beliau mendapat ijazah pertama di Universiti Malaya pada tahun 1975 dalam bidang Sains Pertanian dan kemudiannya menyambung pengajian Sarjana dan PhD di Wisconsin University, Amerika Syarikat. Beliau juga merupakan Pengarah Urusan Excel Training & Consultancy (M) Sdn. Bhd dan Ketua Pengarah ETC Communications Sdn. Bhd. Mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang komunikasi, motivasi, keibubapaan, keusahawanan dan banyak lagi malah sering muncul di kaca televisyen dan juga radio-radio tempatan.

- **Datuk Aznil Haji Nawawi**

  Dilahirkan pada 06 November 1962 di Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur. Beliau mendapat ijazah pertama di Universiti Malaya pada tahun 1985 dalam bidang Ekonomi. Kerjaya beliau bermula pada tahun 1990 di stesen penyiaran TV3 sebagai pengacara dan wartawan. Beliau kemudiannya menyertai Astro dan menjadi pengacara program realiti terkemuka iaitu Akademi Fantasia malah beliau mempunyai rancangan sendiri yang diberi nama "Macam-macam Aznil" dan pelbagai lagi rancangan yang berjaya mendapat rating tertinggi di siaran televisyen. Sehingga kini beliau masih lagi aktif dalam bidang penyiaran dan pengacaraan dan telah berjaya memenangi pelbagai anugerah dalam industri hiburan tanah air.

- **Encik Charles Mohan**

  Dilahirkan di Klang, Selangor dan mendapat ijazah Sarjana Muda Sastera (Pengajian Media) di Universiti Malaya pada tahun 1999. Beliau pernah bertugas sebagai pembaca berita di NTV7 serta pernah berkhidmat di TV3 dan Bernama. Beliau gemar mengisi masa lapang dengan membuat aktiviti kesukarelawanan bersama anak-anak yatim di Good Samaritan Hope, Klang. Komitmen yang tinggi terhadap aktiviti kesukarewanan membuatkan beliau mampu menerajui dan bergiat aktif dalam *Non-Governmental Organization* (NGO) iaitu Institut Onn Jaafar (IOJ) yang mula diperkenalkan pada tahun 2014. Kini beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Onn Jaafar (IOJ) dan melaksanakan pelbagai bentuk program kemasyarakatan dan kempen bagi membantu golongan kurang berkemampuan di dalam dan luar negara.

Peranan dan bidang tugas Duta Alumni termasuklah:

- Bertindak sebagai ikon dan *role-model* kepada para pelajar, alumni dan masyarakat luar;
- Bertindak sebagai jurucakap bagi program-program yang dianjurkan oleh UM terutamanya program anjuran Pejabat Pentadbiran Alumni;
- Menjadi jurucakap atau penghubung komunikasi bagi mempromosikan UM meliputi pelbagai aspek; dan
- Menyokong setiap aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak UM dari semasa ke semasa.






**(b) Pelancaran Prosedur Piawaian Pengendalian Tatacara Pengajaran dan Pembelajaran Siswa Orang Kurang Upaya (OKU) Universiti Malaya**

Prosedur ini telah dilancarkan semasa perasmian Karnival Varsiti Inklusif UM pada 12 Disember 2017 oleh Dato' Suriani Binti Dato' Ahmad Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Buat masa ini, bilangan siswa OKU yang berdaftar untuk program Ijazah Dasar dan Ijazah Tinggi di UM adalah seramai 59 orang.

Objektif Prosedur Piawaian Pengendalian Tatacara Pengajaran Dan Pembelajaran Siswa Orang Kurang Upaya (OKU) Universiti Malaya adalah seperti berikut:

- Mewujudkan satu garis panduan yang jelas tentang proses pengajaran & pembelajaran yang melibatkan semua kategori siswa OKU;
- Menjadi asas kepada para pensyarah tentang teknik yang sesuai bagi proses pengajaran dan pembelajaran siswa OKU di UM; dan
- Menjadi medium rujukan para pensyarah dan pihak pentadbir Universiti jika berhadapan dengan masalah yang melibatkan pengurusan pengajaran & pembelajaran siswa OKU di UM.

## 4.2 Kemudahan Pelajar

### 4.2.1 Penginapan

UM mempunyai 12 buah kolej kediaman di dalam kawasan kampus dan sebuah kolej kediaman di kampus UM Nilam Puri, Kelantan. Jumlah kapasiti bilik di 13 buah kolej kediaman ini adalah sebanyak 13,368 dan seramai 13,337 orang pelajar yang menginap di kolej kediaman pada tahun 2017. Jumlah keseluruhan ini terbahagi kepada 1,416 orang pelajar Pusat Asasi Sains (10.6%), 11,426 orang pelajar ijazah dasar (sarjana muda) (85.7%) dan 495 orang pelajar ijazah tinggi (sarjana dan kedoktoran) (3.7%).

**Jadual 4.1: Kapasiti pelajar mengikut kolej kediaman.**

| Senarai Kolej Kediaman | Kapasiti Pelajar | Peratusan (100%) |
|---|---|---|
| Kolej Kediaman Pertama (Tunku Abdul Rahman) | 828 | 6.2 |
| Kolej Kediaman Kedua (Tuanku Bahiyah) | 794 | 5.9 |
| Kolej Kediaman Ketiga (Tunku Kurshiah) | 728 | 5.4 |
| Kolej Kediaman Keempat (Bestari) | 675 | 5.0 |
| Kolej Kediaman Kelima (Dayasari) | 845 | 6.3 |
| Kolej Kediaman Keenam (Ibnu Sina) | 938 | 7.0 |
| Kolej Kediaman Ketujuh (Za'ba) | 845 | 6.3 |
| Kolej Kediaman Kelapan (Kinabalu) | 896 | 6.7 |
| Kolej Kediaman Kesembilan (Tun Syed Zahiruddin) | 1,025 | 7.7 |
| Kolej Kediaman Kesepuluh (Tun Ahmad Zaidi) | 685 | 5.1 |
| Kolej Kediaman Kesebelas (Ungku Aziz) | 1,336 | 10.0 |
| Kolej Kediaman Keduabelas (Raja Dr. Nazrin Shah) | 2,990 | 22.4 |
| Kolej Kediaman Nilam Puri | 783 | 5.9 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **13,368** | **100%** |

Pelajar Ijazah Tinggi juga diberi peluang untuk menginap di kolej-kolej kediaman dengan kadar bayaran RM15.00 sehari bagi setiap pelajar. Kemudahan tersebut adalah untuk dua (2) orang sebilik. Walau bagaimanapun, penempatan pelajar-pelajar Ijazah Tinggi di kolej kediaman adalah tertakluk kepada kekosongan tempat. Yuran asas bagi pelajar Ijazah Dasar adalah RM6.50 sehari. Caj yuran tambahan akan dikenakan kepada pelajar sekiranya pelajar membawa barangan elektrik seperti seterika, pencetak dan lain-lain.

Unit Penginapan diterajui oleh seorang Pegawai dan dua (2) orang staf. Pengurusan Kolej Kediaman ini bertanggungjawab dalam merancang, menyelaras dan melaksanakan dasar-dasar penginapan yang ditetapkan oleh Universiti dengan kerjasama kolej-kolej kediaman.

Antara fungsi dan bidang tugas Pengurusan Kolej Kediaman:

(a) Mengurus dan menyelaras penempatan di kolej kediaman untuk pelajar baru Ijazah Pertama.

(b) Mengurus dan menyelaras hal ehwal belanjawan dan kewangan kolej-kolej kediaman.

(c) Mengurus dan menyelaras projek pembangunan, penambahbaikan serta penyelenggaraan kolej-kolej kediaman.

(d) Mengurus hal ehwal pelantikan Felo dan Pembantu Felo kolej kediaman.

(e) Bertanggungjawab kepada Jawatankuasa/ Mesyuarat berikut:
    - Mesyuarat Dewan Asrama-Asrama
    - Jawatankuasa Pengetua Kolej Kediaman
    - Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelenggaraan Konsortium Kolej Kediaman

Setiap kolej kediaman diketuai oleh seorang Pengetua dan dibantu oleh beberapa orang Penyelia dan kakitangan pentadbiran. Terdapat tiga (3) jawatankuasa yang merangka, melaksana dan menyelaras fungsi kegiatan pelajar di Kolej Kediaman. Jawatankuasa tersebut terdiri daripada: Jawatankuasa Induk Kolej Kolej Kediaman (JIK), Jawatankuasa Tindakan Kolej Kolej Kediaman (JTK) dan Jawatankuasa Kerja Perkembangan (JKP).

### 4.2.2 Pengangkutan

Urusan Pengangkutan (UP), Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni beroperasi sejak 1970-an lagi dalam menyediakan perkhidmatan pengangkutan kepada pelajar dan kakitangan. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah:

(a) Perkhidmatan Bas Ulang-Alik *(Shuttle)*;
(b) Pengajaran dan Penyelidikan;
(c) Persatuan Badan Pelajar;
(d) Program Fakulti dan PTj;
(e) Program-program Kementerian Pendidikan Malaysia
(f) Program-program Agensi Kerajaan; dan
(g) Kebajikan pelajar dan staf (perkahwinan/ sakit/kematian)

Perkhidmatan yang disediakan tidak terhad kepada perkhidmatan sokongan di dalam kampus sahaja, UP turut bertanggungjawab memberikan bantuan sokongan terhadap agensi kerajaan dan kementerian yang berkaitan. Namun begitu, fokus utama perkhidmatan yang disediakan oleh UP adalah menyediakan perkhidmatan *shuttle bus* bagi kegunaan pelajar. Perkhidmatan ini disediakan secara percuma tanpa had penggunaan kepada semua pelajar mulai Semester I, Sesi 2013/2014. Pelajar hanya perlu mempamerkan kad matrik pelajar semasa menggunakan perkhidmatan ini.

UP mempunyai 21 buah bas pelbagai jenis dan disokong oleh 10 buah bas yang diperolehi dari sewaan dari syarikat luar (Nadi Putra) yang menjadikan keseluruhan bas UP berjumlah 31 buah. Staf UP terdiri daripada seorang pegawai, seorang pembantu tadbir dan 25 pemandu. Sebarang tempahan bas untuk tujuan aktiviti atau kajian luar kawasan boleh dilakukan melalui laman sesawang UM (www.vmis.um.edu.my). Penambahbaikan juga sering dijalankan seiring dengan keperluan pelajar dan universiti dari semasa ke semasa.

### 4.2.3 Pengurusan Pelajar Luar Kampus dan Kesukarelawanan

Unit Pengurusan Pelajar Luar Kampus dan Kesukarelawanan (ULK) telah ditubuhkan bertujuan untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan pelajar UM yang tinggal di luar kampus dan menggalakkan program pembangunan sahsiah mereka, selain menggalakkan program pembudayaan kesukarelawanan kepada pelajar UM. Unit ini turut menyelaras latihan program kesukarelawanan dan program jemputan peringkat Universiti, Kebangsaan dan antarbangsa.

Jumlah pelajar luar kampus adalah kira-kira seramai 5,500 orang pelajar (Ijazah Dasar) iaitu dianggarkan sebanyak 35% daripada jumlah keseluruhan (Ijazah Dasar) pada tahun 2017. Unit ini telah membuat penambahbaikan pada Sistem ISIS bagi memudahkan capaian data pelajar luar kampus. Pembahagian penginapan pelajar dibahagikan kepada 12 zon utama merangkumi kawasan Apartment Pantai Permai, Apartment Bukit Angkasa, Kondo Rakyat, Pantai Hill Park, Pantai Dalam, Kerinchi, Bangsar, Seksyen 12, 14, 16 dan 17 Petaling Jaya, Bangsar, dan Kawasan SS2 Petaling Jaya serta kawasan-kawasan lain.

UM telah memperuntukkan seorang Penolong Pendaftar Kanan sebagai Ketua Unit ini dan pada bulan Januari 2017 seorang Penolong Pegawai Tadbir telah dilantik ke jawatan tetap. Ini bertujuan bagi membantu dalam urusan pemantauan kegiatan pelajar luar kampus dan program pembangunan sahsiah pelajar semasa waktu pejabat dan di luar waktu pejabat di samping tugasan lain yang penting. Unit ini juga dibantu oleh seorang Pembantu Tadbir bagi menguruskan aktiviti kesukarelawanan yang diadakan di peringkat universiti, komuniti, kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, Unit ini telah melantik tiga (3) orang Felo Luar Kampus bagi menjaga zon sekitar tempat tinggal pelajar luar kampus dan membantu dalam urusan kegiatan pelajar luar kampus merangkumi sukan, kesenian, kerohanian, akademik, hubungan antarabangsa dan perpaduan. Selain itu, unit ini telah melantik agensi luar iaitu Hostel Hunting Sdn. Bhd. bagi membantu UM menyediakan perkhidmatan mencari penginapan di luar kampus untuk pelajar UM.

Unit ini juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pelajar Luar Kampus (JPLK) yang dianggotai seramai 22 orang pelajar luar kampus (2017) dan telah berusia lima (5) tahun penubuhan sejak 2012. Unit ini juga menyelia dan menasihati aktiviti Sekretariat Sukarelawan Universiti Malaya (SEKRUM) yang dianggotai seramai 22 ahli majlis eksekutif. Dalam tempoh ini, kegiatan pelajar luar kampus dan program kesukarelawanan sangat aktif melalui penganjuran pelbagai aktiviti dan penglibatan dalam aktiviti di peringkat universiti, komuniti, kebangsaan mahupun antarabangsa.

Unit ini berjaya melahirkan pemimpin pelajar dalam bidang kesukarelawanan. Pada tahun 2017, seramai tujuh (7) orang pelajar UM telah terpilih sebagai Duta Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ke tujuh (7) lokasi berasingan bagi melaksanakan program kesukarelawanan yang mengambil masa selama dua (2) minggu hingga sebulan:

(a) Sdr. Muhammad Irsyad Zaini ke Beafort, Sabah
(b) Sdr. Mohd Madhi Budiman ke Sipitang, Sabah
(c) Sdri. Nor Farahayu Mustafa ke Sipitang, Sabah
(d) Sdr. Muhammad Rasid Guliling ke Thanh Loc Ward, Ho Chi Minh City, Vietnam
(e) Sdri. Afiqah Rosi ke Nhuan Duc Commune, Ho Chi Minh City, Vietnam
(f) Sdr. Alex Lim Swee Yong ke Kg, Thanasa Santhong District, Vientiane, Laos
(g) Sdri. Noor Fazliyana Binti Mohamad Fadzil ke Kg. Paktone Santhong District, Vientiane, Laos

Unit ini juga bersama Sukarelawan UM di bawah SEKRUM juga diberi kepercayaan untuk melaksanakan program International Association Volunteers Effort Asia Pasific Regional Conference 2017 (IAVEAP 2017) sebagai rakan strategik bersama Yayasan SALAM Malaysia dan beberapa NGO lain pada 22 hingga 26 November 2017. Ini adalah satu pengiktirafan kepada UM. TNC HEPA dan Pegawai ULK sendiri turut membentangkan kertas kerja dalam konferen antarabangsa ini.

Selain itu juga, Unit turut menyelaras Misi Bantuan Banjir UM ke Kelantan dan Pahang pada Januari 2017. Seramai 120 sukarelawan telah membantu mangsa banjir dan menyampaikan sumbangan hasil kutipan warga kampus. Pada Oktober 2017 pula, kami mengadakan Misi Bantuan Banjir UM ke Pulau Pinang bagi membantu mangsa banjir di sana. Tahun 2017 juga memaparkan kejayaan penganjuran Misi Kemanusiaan Antabangsa Kemboja 3.0 di Silhanuokville Kemboja. Misi telah berjaya membina asrama pelajar wanita dan membina rumah jahitan buat warga Kemboja dan meneruskan program pendidikan, fardhu ain dan pemeriksaan kesihatan kepada penduduk di sana. Program ini dijalankan dengan kerjasama HEPA, SEKRUM, Fakulti Alam Bina dan Fakulti Pendidikan UM.

Unit juga berjaya menggalakkan penyertaan pelajar luar kampus dalam aktiviti pembangunan sahsiah mereka dalam pelbagai aktiviti seperti sukan, kesenian, latihan kepimpinan, kemasyarakatan, kerohanian dan perpaduan. Ini semua membantu dalam kebolehpasaran pelajar dalam dunia pekerjaan.



Fungsi dan peranan Unit ini sangat penting bagi memperkasa pelajar luar kampus agar mereka terus aktif dengan program pembangunan sahsiah Universiti. Sepanjang tahun 2017, HEPA telah berjaya menggalakkan hampir 3,000 pelajar terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan dan melahirkan ramai pemimpin kesukarelawanan. Beberapa pelajar UM telah tercalon ke peringkat akhir dalam pemilihan Tokoh Siswa 2017 anjuran KPT dalam bidang kesukarelawanan.

**Jadual 4.2: Senarai aktiviti pelajar luar kampus dan kesukarelawanan anjuran unit dan dengan kerjasama JPLK dan SEKRUM sepanjang tahun 2017.**

| Bil. | Tarikh | Nama Program | Tempat |
|---|---|---|---|
| 1 | 12-14 Jan 2017 | Misi Bantuan Banjir Pantai Timur 2017 | Kelantan |
| 2 | 7-8 Feb 2017 | Misi Bantuan Banjir Pantai Timur 2017 2.0 | Pahang |
| 3 | 20 Feb2017 | Persembahan Karviter – Pasukan ULK | Panggung Eksperimen |
| 4 | 25-26 Feb 2017 | Bengkel Halatuju SEKRUM | KPS |
| 5 | 8-26 Feb 2017 | Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN 2017 | Sabah |
| 6 | 3-5 Mac 2017 | Survival Luar Kampus 10 | Kela Camp Raub Pahang |
| 7 | 19 Mac 2017 | VOC Day / Hari Keluarga ULK | Kalumpang Resort |
| 8 | 16-31 Mac 2017 | Festival Seni Pasukan ULK | Dewan Tunku Canselor |
| 9 | 16 Apr 2017 | Roadshow Luar Kampus 7.0 | Zon Petaling Jaya |
| 10 | 21-23 Apr 2017 | Kursus Asas Sukarelawan 9 | Ulu Langat, Selangor |
| 11 | 2 Mei 2017 | Temuduga JPLK dan Pelantikan | HEPA UM |

| Bil. | Tarikh | Nama Program | Tempat |
|---|---|---|---|
| 12 | 6-7 Mei 2017 | Temuduga YSS | KPT, Putrajaya |
| 13 | 10 Mei 2017 | Program Jemputan Gotong Royong Bersama Komuniti Taman Bukit Angkasa Pantai Dalam | Taman Bukit Angkasa, Pantai Dalam |
| 14 | 13 Mei 2017 | Kursus Umum Sukarelawan Sukan Sea Kuala Lumpur 2017 | Universiti Malaya |
| 15 | 19 Mei 2017 | Malam Anugerah ULK | Space Seven, Setia Alam, Shah Alam |
| 16 | 7 Jun 2017 | Iftar ULK & JPLK serta Penghargaan staf | Dewan Perdana 3, KPS |
| 17 | 14 Jun 2017 | Ziarah Mesra ke Unit Luar Kampus UPSI | UPSI, Tanjung Malim |
| 18 | 1-7 Jul 2017 | Misi Kemanusiaan Antarabangsa Kemboja 3.0 | Kemboja |
| 19 | 6-23 Jul 2017 | Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN 2017 | Sipitang |
| 20 | 6-23 Jul 2017 | Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN 2017 | Sipitang |
| 21 | 6- 23 Jul 2017 | Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN 2017 | Beaufort |
| 22 | 12 Julai - 16 Ogos 2017 | Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN 2017 | Thanh Loc Ward, Ho Chi Minh City, Vietnam |
| 23 | 12 Julai - 16 Ogos 2017 | Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN 2017 | Nhuan Duc Commune, ho Chi Minh City, Vietnam |
| 24 | 5- 30 Ogos 2017 | Sukarelawan Sukan Sea Kuala Lumpur 2017 | Kuala Lumpur |
| 25 | 18-21 Ogos 2017 | Global Outreach Education and Charity Programme | Padang Indonesia |
| 26 | 8-10 Sep 2017 | Bengkel Halatuju dan Perancangan Strategik JPLK | Suria Beach Resort, Pangkor |
| 27 | 15 Sep 2017 | Hari Induksi Luar Kampus | Pejabat ULK, KPS |
| 28 | 12 Sep - 30 Sep 2017 | Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN 2017 | Ban Thanasa, Laos |
| 29 | 12 Sep - 30 Sep 2017 | Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN 2017 | Ban Paktone, Laos |
| 30 | 13-15 Sep 2017 | Booth Hostel Hunting untuk pelajar mencari rumah sewa | Garden HEPA |
| 31 | 30 Sep 2017 | Roadshow Luar Kampus 8.0 | Zon Pantai Dalam |
| 32 | 14-15 Nov 2017 | Misi Bantuan Banjir Utara 2017 | Pulau Pinang |
| 33 | 13-15 Okt 2017 | Kursus Asas Sukarelawan 10 | Nur Laman Bestari Resort, Ulu Yam |
| 34 | 20-22 Okt 2017 | Survival Luar Kampus Siri 11 | Kela Camp Raub |
| 35 | 10 Nov 2017 | Temuduga Jawatankuasa Pelajar Luar Kampus (JPLK) 2017/18 | Pejabat ULK |
| 36 | 11 Nov-12 Dis 2017 | Sukmum Pasukan Luar Kampus | UM |
| 37 | 18 Nov 2017 | Malaysian United Run | Litar Antarabangsa Sepang, Sepang, Selangor |
| 38 | 10 Dis 2017 | Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot | Bentong, Pahang |
| 39 | 16-17 Dis 2017 | Temuduga YSS | KPT, Putrajaya |
| 40 | 30 Dis 2017 | Gotong Royong Komuniti 1Malaysia | Apartment Putra Ria, Bangsar |



## 4.3 Pembangunan Rohani dan Penajaan

### 4.3.1 Bantuan Kewangan Pelajar

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 77 penaja dari pihak kerajaan dan pelbagai agensi kerajaan, swasta serta orang perseorangan telah menawarkan biasiswa, pinjaman dan dermasiswa kepada 10,672 orang pelajar UM. Antara penyumbang utama bantuan kewangan adalah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

**Jadual 4.3: Senarai penaja dan bilangan penerima bagi biasiswa dan dermasiswa untuk tahun 2017.**

| Penaja | Bilangan Pelajar | Jumlah (RM) |
|---|---|---|
| Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) | 969 | 157,475.00 |
| Yayasan KUOK | 55 | 365,500.00 |
| Majlis Agama Islam Negeri-Negeri | 70 | 2,76,930.80 |
| Tun Tan Cheng Lock | 73 | 505,000.00 |
| Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) | 86 | 397,863.04 |
| Kumpulan Wang Pelajaran Tinggi Raja-Raja dan Gabenor | 13 | 142,125.00 |
| Petronas | 17 | 45,992.50 |
| Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) | 9 | 9,370.00 |
| Kementerian Belia & Sukan | 52 | 245,092.30 |
| Renong Group Scholarship | 37 | 115,526.20 |
| Overseas Chinese Banking Corporation | 9 | 51,782.80 |
| Yayasan Khazanah Scholarship | 10 | 18,800.00 |
| Sime Darby Berhad | 15 | 31,193.20 |
| Bantuan Pelajaran Tunku Abdul Rahman | 30 | 90,000.00 |
| Majlis Agama Negeri Selangor | 38 | 141,749.90 |
| Lain-lain | 140 | 1,650,872.85 |
| **Jumlah** | **1,623 orang** | **3,968,342.79** |

**Jadual 4.4: Senarai dan jumlah pinjaman untuk tahun 2017.**

| Penaja | Bilangan Pelajar | Jumlah (RM) |
|---|---|---|
| Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) | 5494 | 12,941,236.96 |
| Kerajaan Negeri | 77 | 1,136,454.30 |
| Yayasan | 26 | 92,250.00 |
| Tabung Pinjaman Pelajar Universiti Malaya (Pinjaman Penuntut) | 16 | 30,000.00 |
| Pinjaman Kementerian Pendidikan (KP) | 1633 | 3,253,683.30 |
| Lain-lain | 1 | 5,000.00 |
| **Jumlah** | **7,247 orang** | **17,458,624.56** |

## 4.3.2 Insurans Pelajar

Dengan bayaran serendah RM12 setahun, pelajar-pelajar UM berwarganegara Malaysia yang berdaftar (Ijazah Dasar, Ijazah Tinggi dan Asasi) adalah dilindungi di bawah Pelan Takaful Keluarga Berkelompok.

**Jadual 4.5: Skop dan amaun perlindungan.**

| Bil. | Skop Perlindungan | Amaun Perlindungan (RM) |
|---|---|---|
| 1. | Kematian (Sakit) | 10,000 |
| 2. | Kematian (Akibat Kemalangan) | 25,000 |
| 3. | Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan (Sakit) | 10,000 |
| 4. | Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan (Akibat Kemalangan) | 25,000 |
| 5. | Keilatan Separa Kekal (Akibat Kemalangan) | 25,000 |
| 6. | Perbelanjaan Perubatan (Akibat Kemalangan) | 1,500 |
| 7. | Perbelanjaan Pengkebumian | 1,000 |
| 8. | Manfaat Wad Hospital (Akibat Kemalangan) | 1,500 |
| 9. | Kos Penghantaran Pulang (Akibat Kemalangan) | 1,000 |

## 4.3.3 Bantuan Zakat Pelajar

Sepanjang sesi akademik 2016/2017, seramai 634 orang pelajar yang berkelayakan telah menerima bantuan zakat. Jumlah agihan yang telah disalurkan adalah sebanyak RM498,650.

**Jadual 4.6: Agihan tabung zakat pendidikan bagi sesi akademik 2016/2017 (September 2016 – Ogos 2017).**

| Semester | Bilangan Penerima | Jumlah Agihan (RM) |
|---|---|---|
| Semester I | 309 | 272,250 |
| Semester II | 325 | 226,400 |
| **Jumlah** | **634** | **498,650** |

## 4.3.4 Aktiviti Kerohanian

Sepanjang sesi akademik 2016/2017, sebanyak 351 program atau aktiviti kerohanian yang telah diadakan termasuklah program-program anjuran Unit Pembangunan Rohani dan Penajaan (IDeAS), Persatuan Pelajar Islam dan Surau Kolej-Kolej Kediaman UM.

**Jadual 4.7: Program atau aktiviti kerohanian yang telah dianjurkan sepanjang sesi akademik 2016/2017.**

| Bil. | Anjuran | Bilangan Program |
|---|---|---|
| 1. | Unit Pembangunan Rohani dan Penajaan (IDeAS) | 6 |
| 2. | Persatuan Pelajar Islam | 149 |
| 3. | Surau Kolej-Kolej Kediaman Universiti Malaya | 196 |
| **Jumlah** | | **351** |

## 4.4 Hal Ehwal Perundangan Pelajar

Pada tahun 2017 Urusan Tatatertib dan Disiplin Pelajar telah menguruskan beberapa kes pembicaraan tatatertib pelajar dan rayuan tatatertib pelajar menurut peruntukan di bawah kaedah-kaedah UM (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 dan Akta Kolej Universiti 1971.

**Jadual 4.8: Prosiding dan rayuan tatatertib pelajar.**

| Bil. | Kes | Kaedah Tatatertib | Laporan Kes | Bersalah | Tidak Bersalah | Rayuan Kes |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Larangan am (gangguan seksual) | 3(a)(i), 3(a)(ii), 3(h) | 2 | 2 | - | - |
| 2. | Kelakuan semasa peperiksaan | 8(a), 8(d) | 5 | 5 | - | 4 |
| 3. | Larangan am<br>(mengubah objek)<br>(melanggar arahan) | 3(g), 3(j) | 1 | 1 | - | - |
| 4. | Mempamerkan plakad | 11 | 4 | 4 | - | 4 |
| **Jumlah** | | **-** | **12** | **12** | **-** | **8** |





## 4.5 Aktiviti Badan-badan Pelajar

Keseluruhan aktiviti yang telah dijalankan oleh badan-badan pelajar berdaftar pada tahun 2017 adalah sebanyak 352. Aktiviti tersebut telah dianjurkan oleh 73 badan pelajar berdaftar yang bergerak aktif termasuk sekretariat, badan beruniform dan Majlis Perwakilan Pelajar, UM (MPPUM) daripada jumlah keseluruhan badan pelajar iaitu sebanyak 102 buah. Aktiviti yang dijalankan meliputi aspek akademik, kemasyarakatan/kebajikan, sosial, sukan, keagamaan/kerohanian, latihan, kebudayaan/kesenian, keusahawanan dan hobi/rekreasi.

Kebanyakan badan pelajar lebih cenderung mengadakan aktiviti yang bercorak akademik, kemasyarakatan/kebajikan, sosial dan keagamaan/kerohanian dan jumlahnya lebih tinggi berbanding aktiviti-aktiviti lain. Selain daripada itu, aktiviti seperti seminar, konvensyen, lawatan sambil belajar dan kelas-kelas akademik menjadi program pilihan kebanyakan badan-badan pelajar. Aktiviti bercorak sosial pula adalah seperti majlis pertemuan, interaksi, lawatan sosial dan makan malam turut menjadi program tahunan bagi setiap badan pelajar.

**Jadual 4.9: Pecahan kategori aktiviti anjuran badan-badan pelajar.**

| Kategori | Bilangan Aktiviti | Peratusan(%) |
|---|---|---|
| Akademik | 89 | 25.3 |
| Kemasyarakatan / Kebajikan | 59 | 16.8 |
| Sosial | 55 | 15.6 |
| Keagamaan / Kerohanian | 47 | 13.4 |
| Sukan | 34 | 9.7 |
| Hobi / Rekreasi | 21 | 6.0 |
| Kesenian / Kebudayaan | 20 | 5.7 |
| Latihan | 18 | 5.1 |
| Keusahawanan | 9 | 2.6 |
| **Jumlah** | **352** | **100%** |

Minggu Promosi Badan Pelajar yang lebih dikenali sebagai PROMO masih diteruskan pada tahun 2017 bagi kali-15. Program tradisi ini masih diteruskan sejak dianjurkan pada 2003. PROMO adalah acara tahunan HEPA yang bertujuan memperkenalkan, menggalakkan & menanam minat seluruh pelajar Universiti Malaya bagi menganggotai badan-badan pelajar berdaftar. Program tersebut telah diadakan pada 23-25 Oktober 2017, bertempat di Dataran Gazebo, Kompleks Perdanasiswa, UM. Sebanyak 35 buah badan pelajar & sekretariat telah menjayakan program pada kali ini.

Sempena PROMO 2017, HEPA mengadakan pertandingan *booth* pameran terbaik bagi memberi saingan yang sihat di antara badan-badan pelajar yang terlibat untuk mempromosikan badan pelajar masing-masing serta memaklumkan akiviti-aktiviti yang bakal dan telah dijalankan kepada warga kampus. Program ini telah mendapat sambutan yang baik dalam kalangan ahli badan-badan pelajar yang terlibat serta dapat menggalakkan penyertaan mahasiswa dan mahasiswi UM untuk menyertai badan-badan pelajar tersebut sebagai ahli, seterusnya bergiat aktif dalam aktiviti berpersatuan. PROMO 2017 telah bergabung dengan Festival Konvokesyen Universiti Malaya 2017 di mana ia telah dijadikan sebahagian daripada tarikan dalam festival ini dan secara tidak langsung menarik minat pelajar terutamanya pelajar tahun pertama untuk terlibat dalam acara yang dianjurkan.

Seminar Tadbir Urus Kegiatan Pemimpin Pelajar UM juga telah diadakan pada 24-25 November 2017 di Auditorium Kompleks Perdanasiswa, UM. Seminar ini bertujuan untuk membangunkan potensi kepimpinan, kemahiran kemanusiaan dan peribadi pelajar melalui program pengurusan serta latihan berstruktur. Seminar ini juga membentuk satu kumpulan pelajar pengurusan dan pentadbiran sebagai pusat aktiviti HEPA yang menyokong hasrat dan aspirasi Universiti untuk membantu masyarakat pelajar. Badan pelajar yang terlibat dalam seminar kali ini adalah telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan bagi sesi 2017/2018 dan penyertaan hanya dibuka kepada Majlis Eksekutif sahaja. Seramai 80 orang pemimpin badan pelajar telah hadir ke seminar tersebut.

## 4.6 Pembangunan Pelajar

### 4.6.1 Pengurusan Latihan Pelajar

Pengurusan Latihan Pelajar HEPA dibentuk atas dasar untuk menyediakan dan memantapkan tahap latihan mahasiswa UM. Latihan yang disediakan adalah sebagai program sokongan kepada pembelajaran yang diperolehi di akademi, fakulti dan pusat pengajian akademik.

Berdasarkan kepada keperluan pembangunan mahasiswa terutamanya dalam pembentukan kemahiran kepimpinan yang seimbang dan menyeluruh, Urusan Latihan Pelajar telah merangka beberapa program untuk memenuhi keperluan mahasiswa UM. Program yang ditawarkan akan dimaklumkan secara berkala melalui notis-notis yang ditampalkan di seluruh kampus universiti ataupun dimaklumkan kepada pihak pengetua kolej-kolej kediaman dan juga kerjasama secara langsung dengan badan pelajar berdaftar atau kumpulan pemimpin pelajar sedia ada di kampus.

Pada tahun 2017, Urusan Latihan Pelajar telah melaksanakan sebanyak 21 program berbentuk kursus/bengkel/seminar dan taklimat untuk pelajar-pelajar UM sesi 2016/2017 dan sesi 2017/2018. Antara program tersebut adalah:

(a) Program Suaikenal Pelajar Baharu sesi 2017/2018 pada 27-28 Februari 2017;
(b) Program Lead 1-"Transformasi Nilai, Minda dan Fizikal" Sekretariat MAKLUM pada 31 Mac–4 April 2017;
(c) Kem Kepimpinan Nilai, Minda dan Fizikal Bakal Calon Pemudahcara Mahasiswa anjuran Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dengan kerjasama Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri Siri 1-2 pada 1–6 April 2017;
(d) Taklimat Ancaman Keselamatan Negara dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia pada 17 April 2017;
(e) Kursus Pemudahcara Mahasiswa UM sesi 2017/2018 pada 1–4 Ogos 2017; dan
(f) Seminar Tadbir Urus Kegiatan Pemimpin Pelajar UM 2017 pada 24–25 November 2017.

### 4.6.2 Kaunseling dan Kerjaya

Seksyen Kaunseling dan Kerjaya turut menganjurkan sebanyak 37 program sepanjang tahun 2017, antaranya termasuklah yang berikut:

(a) Perbincangan Pelan Strategik SKK 2017 pada 10 Januari 2017
(b) Program Diskusi Siswa OKU pada 24 Februari 2017
(c) CP17 Roadshow pada 15–25 Mac 2017
(d) Pesta Kerjaya 2017 pada 12–13 April 2017
(e) Pertandingan Motivator Ikon Inspirasi Varsiti 2017 pada 29 April 2017
(f) On Campus Interview 2017 (OCI17) pada 1-19 Mei 2017
(g) Sesi Saringan *Depression, Anxiety and Stress* Untuk Pelajar Baharu Sesi 2017/2018 pada September 2017

(h) Bengkel Art Drawing (House-Tree-Person) pada 27 Oktober 2017
(i) Pertandingan Motivator Ikon OKU Intervasiti (MOKUV) 2017 pada 8 November 2017
(j) Karnival Varsiti Inklusif (UMVIC) 2017 pada 12-13 Disember 2017

## 4.7 Alumni

Sepanjang tahun 2017, Pejabat Pentadbiran Alumni (PPA) telah berjaya mengadakan program-program yang berobjektifkan jalinan hubungan untuk menyemai semangat kekitaan dan kebersamaan alumni dan warga UM. Program jalinan hubungan yang dilaksanakan ini telah mengukuhkan hubungan sesama kami agar lebih padu berlandaskan fungsi alumni UM demi kelestarian kecemerlangan UM.

Terdapat empat (4) fungsi PPA yang memastikan hala tuju kami tercapai iaitu:

(a) Memberi perkhidmatan kepada alumni
(b) Mengurus pentadbiran dan kewangan PPA
(c) Mengurus publisiti dan komunikasi PPA
(d) Menjalankan program jalinan hubungan

PPA memberikan perkhidmatan kepada alumni dengan menyediakan:

(a) *Alumni Lounge* di Tingkat 1, Blok E, Kompleks Perdanasiswa. PPA menawarkan ruang santai untuk alumni berkumpul dan mengadakan perbincangan bersama yang berkaitan dengan program alumni.
(b) Kiosk Alumni di Tingkat 1, Blok A, Kompleks Perdanasiswa. PPA menyediakan pelbagai barangan cenderamata alumni seperti t-shirt, jaket, topi, buku, mug, jersi dan sebagainya.
(c) PPA mempromosikan konsep pembelajaran dan perhubungan sepanjang hayat melalui program-program yang dianjurkan oleh PPA.

PPA bertangggungjawab untuk memastikan pejabat ini mampu mencapai setiap fungsi yang telah ditetapkan. Ini termasuklah

(a) memastikan urus tadbir dilaksanakan dengan berkesan agar dapat menggerakkan program yang telah dirancang;
(b) menguruskan perbelanjaan kewangan Tabung Alumni dan Tabung UMPA agar kekal di tahap yang memuaskan sehingga program-program berkaitan alumni berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2017;
(c) memastikan dokumentasi program-program sepanjang tahun berjalan lancar; dan
(d) memastikan pencapaian dan kecemerlangan alumni UM mendapat hebahan secara meluas. Strategi pemasaran yang berkesan ini dilaksanakan melalui Duta Alumni peringkat UM, UMPortal, (UM portal), media sosial, e-mel dan penerbitan *(e-newsletter)*.

PPA menguruskan aktiviti dan program alumni bersama fakulti, akademi, pusat dan kolej, bersama warga UM dan juga pelajar.

PPA telah mengklasifikasikan alumni di Malaysia kepada zon masing-masing mengikut negeri, yang dinamakan sebagai Chapter Dalam Negara. Terdapat empat (4) Chapter Dalam Negara iaitu Chapter Melaka, Chapter Selangor, Kuala Lumpur dan Orang Kurang Upaya (OKU), Chapter Kelantan dan Chapter Pro tem Sabah.

Bagi alumni di luar negara, mereka diklasifikasikan mengikut negara, yang dinamakan sebagai Chapter Luar Negara. Terdapat enam (6) Chapter Luar Negara iaitu Chapter Indonesia (Jakarta), Chapter Timur Tengah, Chapter China, Chapter Korea, Chapter Brunei dan Chapter Singapura.

Selain itu, PPA berhubung semula dengan persatuan dan kelab yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM atau ROS) yang membawa nama UM untuk mengajak mereka melibatkan diri dan bekerjasama dengan PPA. PPA juga berhubung semula dengan persatuan dan kelab yang tidak berdaftar tetapi bergiat aktif dalam kumpulan masing-masing untuk bekerjasama dengan PPA.

Statistik terkini maklumat alumni sehingga tahun 2017 mencatat seramai 193,408 orang iaitu kira-kira 30.32% alumni yang dapat dihubungi. Pangkalan data diwujudkan agar pihak UM dapat mengumpul maklumat terkini alumni seterusnya data tersebut boleh dimanfaatkan untuk kegunaan dan aktiviti melibatkan alumni. PPA bertanggungjawab mendapatkan maklumat data alumni agar maklumat tersebut dapat dikemas kini oleh pihak berkenaan. Maklumat alumni yang terkini diperolehi melalui program-program jalinan hubungan yang dilaksanakan oleh PPA yang melibatkan alumni sepanjang tahun 2017.

Antara pencapaian PPA pada tahun 2017:

(a) PPA melantik tiga (3) orang Duta Alumni di peringkat UM. Pelantikan ini telah memberi impak tinggi dari segi publisiti keterlihatan PPA dan program yang dilaksanakan. Duta Alumni yang telah dilantik adalah Dato' Dr. Hj Mohd Fadzilah Kamsah, Datuk Aznil Bin Haji Nawawi dan Encik Charlers Mohan.

(b) PPA berjaya menjejaki sebanyak 30 persatuan-persatuan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM atau ROS) dan juga beberapa persatuan dan kelab yang aktif tetapi tidak berdaftar.

(c) PPA bertindak sebagai pemudah cara melalui program-program yang dianjurkan bersama dengan fakulti, akademi, pusat dan kolej. PPA menyokong penuh program yang dianjurkan bersama dengan memberikan sepenuh komitmen terhadap program kerjasama ini dan membuat hebahan secara meluas melalui media sosial dan penerbitan.

(d) PPA berjaya mengumpulkan sumbangan untuk pelajar daripada dermawan alumni.

(e) PPA telah membantu komuniti yang kurang bernasib baik melalui program yang dijalankan pada bulan puasa.

(f) PPA mendapat peluang bekerjasama dengan Alumni Hebat (*Prominent Alumni*) untuk memberikan *sharing session* yang sangat bermanfaat kepada pelajar.

(g) Penerbitan *E-Newsletter* melalui emel sebanyak 10 isu sepanjang tahun 2017 yang dapat membantu menyebarkan maklumat mengenai aktiviti alumni, pelajar dan tentang Universiti secara umum.

(h) PPA berjaya membuat penghargaan kepada kejayaan, kehebatan dan kecemerlangan alumni melalui ucapan tahniah serta membuat tanda penghormatan berkaitan berita kematian alumni melalui ucapan takziah. Ucapan ini dibuat menerusi kemaskini dalam *Facebook* PPA.

# 05

# PEMBANGUNAN

# 5.1 Laporan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)



**Profesor Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan**



## Bagi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), tahun 2017 merupakan kesinambungan pencapaian daripada tahun sebelumnya di mana banyak kejayaan yang berjaya diraih oleh pasukan dalam meneruskan sokongan operasi Universiti Malaya (UM). Tahun 2017 memberikan kesan yang berimpak besar kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) bersama pasukan iaitu Jabatan Pembangunan Harta Benda (JPPHB) dan Pusat Teknologi Maklumat (PTM).

Usaha budaya inovatif juga diteruskan dengan melakarkan kejayaan bagi tiga tahun berturut-turut pejabat ini menerima Anugerah Cemerlang Universiti Malaya (ACUM) menerusi projek '*Mr. Thimble*' yang dijayakan oleh pasukan *Water Warriors* dan JPPHB bagi tujuan penjimatan air di dalam kampus. Selain itu, fokus utama yang menjadi agenda pasukan adalah meneruskan usaha menjana pendapatan kepada universiti, melaksanakan komitmen bagi menyumbang kepada penjimatan universiti, dan lain-lain usaha yang boleh menyokong kepada penjanaan dan penjimatan kepada universiti dengan menjadikannya sebagai *Key Performance Indicator* (KPI) jabatan. Cabaran ini disahut oleh pasukan JPPHB dan PTM dengan

usaha yang berterusan dalam menjamin usaha ini direalisasikan secara berterusan. Usaha sama berserta bantuan kepakaran dan sumbangan peruntukan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) melibatkan pasukan lain seperti Water Warriors, projek Rimba dan UM Zero Waste Campaign diteruskan bagi program melestarikan persekitaran kampus dengan mewujudkan kemudahan dan perkhidmatan yang menjuruskan ke arah kelestarian kampus seperti mewujudkan Intelligent Recycle Centre yang bertempat di Pusat Asasi Sains, mengadakan projek penanaman pokok di dalam kampus dan projek menjaga dan merawat air di tasik bagi memastikan tahap kebersihan air tasik berada pada tahap yang boleh dibanggakan serta menjamin aktiviti riadah yang sihat kepada warga kampus. Hasil daripada usaha sama ini telah meletakkan UM di tangga ke-34 pada 2017 berbanding tangga ke-68 pada 2016 dalam UI Greenmetric World University Rankings yang diwakili oleh 619 buah universiti seluruh dunia. Antara anugerah lain yang membanggakan warga kampus adalah di mana Bangunan Baru Azman Hashim telah merangkul pingat emas dalam PAM Awards 2017 bagi Kategori Pendidikan oleh Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) baru-baru ini.

Rancangan pembangunan yang bersistematik diteruskan bagi memastikan ianya dapat dicapai dan direalisasikan menjelang 2050. Agenda rancangan ini melibatkan rancangan pembangunan secara berfasa di mana perancangannya dirangka dengan mewujudkan pelan induk kampus yang bertepatan dan sejajar dengan kedudukan universiti yang berada di tengah-tengah Kuala Lumpur. Fasa pertama rancangan pembangunan pelan induk telah selesai dan pada masa ini disusuli dengan usaha fasa kedua yang sedang dikaji secara mendalam, dirangka dan seterusnya untuk direalisasikan. Fasa ini membabitkan usaha oleh pasukan yang terdiri daripada Fakulti Alam Bina, JPPHB, PTM dan dibantu oleh fakulti atau PTj lain dalam memberikan sumbangan idea dan penambahbaikan. Perancangan ini dipantau oleh Jawatankuasa Pemandu Pelan Induk yang berperanan memastikan setiap rangka yang diatur bersesuaian dengan keadaan fizikal semasa kampus dan seterusnya memastikan agenda ini dilaksanakan pada ketetapan yang bersesuaian sehingga direalisasikan sepenuhnya. Perancangan pembangunan ini amat penting bagi memastikan keupayaan kampus untuk menampung segala operasi, penempatan pelajar, menyediakan pusat pendidikan yang lebih sistematik, sistem trafik dalam kampus yang lancar dan dapat menampung aliran keluar masuk kenderaan awam yang menggunakan laluan kampus. Kajian ini juga sejajar dengan cadangan penempatan stesen Mass Rapid Transit (MRT) di dalam kampus bagi menyokong kemudahan perkhidmatan awam terutamanya mengambil kira keutamaan kemudahan pengangkutan awam kepada warga kampus. Di samping itu, usaha sama dijalinkan dengan syarikat luar bagi menaik taraf fasiliti sukan universiti menggunakan konsep *Build-Operate-Transfer-Revenue* (BOTR) tanpa melibatkan perbelanjaan peruntukan universiti bahkan pada masa yang sama kerjasama ini memberikan pulangan yang menguntungkan universiti daripada sewaan tapak yang diterima seperti padang bola sintetik yang terletak bertentangan dengan Fakulti Undang-Undang dan Kolej Kediaman Pertama.

Dalam usaha melaksanakan penaiktarafan dan penambahbaikan fasiliti kampus, projek melibatkan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) dan peruntukan pembangunan serta penyelenggaraan meliputi aspek teknologi lestari dan renovasi strategik yang menyumbang kepada penjimatan dan penjanaan kepada universiti. Budaya kerja ini sememangnya akan berterusan sehingga fasiliti kampus mencapai ke satu tahap yang boleh dibanggakan dan memenuhi piawaian dan kehendak warga kampus terutamanya kemudahan ruang yang lebih selesa. Mengambil kira aspek penjimatan yang ditumpukan, bagi tahun 2017, JPPHB telah berjaya melaksanakan penjimatan ke atas penggunaan utiliti kampus dan pengurangan cukai taksiran Stesen Penyelidikan Marin Bachok dengan keseluruhan penjimatan berjumlah RM3,117,940.76. Bagi penjanaan pendapatan yang disumbangkan kepada universiti yang melibatkan JPPHB dan PTM pula, jumlah keseluruhan yang berjaya dijana adalah sebanyak RM7,600,834.85 menerusi penggunaan sumber dan kepakaran tenaga kerja sedia ada. Jumlah ini merupakan jumlah yang sangat besar yang disumbangkan dalam menyokong operasi universiti. Bagi merancakkan lagi penjimatan ke atas permintaan penggunaan elektrik kampus, satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan bagi mengkaji kaedah konsesi dengan melantik syarikat luar yang mempunyai kemampuan dan kepakaran dalam menumpukan penjimatan tenaga ke atas sistem penyaman udara berpusat, papan suis elektrik dan penggantian sistem lampu kepada sistem LED sedang giat dirancang.

## 5.2 Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda

Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB) merupakan salah satu jabatan yang menyumbang fungsi terbesar kepada UM dari segi penyelenggaraan dan infrastruktur. JPPHB mempunyai lapan (8) bahagian yang diketuai oleh Pejabat Pengarah Pembangunan. Bahagian-bahagian di JPPHB adalah seperti berikut:

(a) Bahagian Pentadbiran
(b) Bahagian Kejuruteraan Awam

(c) Bahagian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
(d) Bahagian Kejuruteraan Mekanikal
(e) Bahagian Pengurusan Harta
(f) Bahagian Kontrak & Ukur Bahan
(g) Bahagian Perancangan & Seni Bina
(h) Bahagian Kewangan

Kesemua bahagian ini saling bekerjasama antara satu sama lain dalam memastikan fungsi jabatan terhadap pengurusan infrastruktur kampus lebih efisian dan berkesan. JPPHB merupakan salah sebuah jabatan yang mempunyai staf teramai di UM, iaitu berjumlah 282 orang. Berikut adalah laporan aktiviti dan fungsi setiap bahagian di bawah JPPHB.

## 5.2.1 Unit Pembangunan, Pejabat Pengarah Pembangunan

Unit Pembangunan yang terletak di bawah Pejabat Pengarah Pembangunan, berfungsi sebagai unit yang memantau dan menyelia projek pembangunan untuk Rancangan Malaysia dan peruntukan dalaman di UM.

Untuk projek di bawah RMK11, siling peruntukan yang telah diluluskan bagi membiayai projek RMK11 adalah sebanyak RM60.8 Juta. Justeru itu, bagi 2017, UM telah menerima peruntukan sebanyak RM8 juta melalui Rolling Plan Kedua (RP2) 2017. Berdasarkan Laporan Bulanan Prestasi Perbelanjaan mengikut projek sehingga dari 31 Disember 2017, jumlah perbelanjaan RMK11 (RP1 dan RP2) adalah sebanyak RM40 juta, iaitu bersamaan 65.8% daripada keseluruhan peruntukan dan RM7.7 juta (96.4%) daripada peruntukan RP2 yang telah diberikan kepada UM.

### Jadual 5.1: Perbelanjaan Peruntukan Rolling Plan Kedua (RP2) 2017 sebanyak RM7.7 Juta

| Bil. | Tajuk Projek | Kos Siling RP (2016-2017) (RM) | Perbelanjaan/ Commitment (RM) | Kategori | Status |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Kemudahan Infrastruktur | 23,000,000.00 | 22,442,553.97 | Infrastruktur | Dalam Pelaksanaan |
| 2. | High Impact Research (HIR) | 17,600,000.00 | 50,000,000.00 | Peralatan | Siap |



### Jadual 5.2: Projek-projek yang telah siap sepenuhnya dan dalam pembinaan.

| Projek | Kontraktor Utama | Peruntukan (RM) | Tarikh Mula | Tarikh Siap Asal | Kos Kontrak (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| **PROJEK YANG TELAH SIAP SEPENUHNYA** | | | | | |
| Pembinaan Pencawang Elektrik 33kV/11kV ke-2 (RMK10) | Kejuruteraan Letrik KB Sdn Bhd | 24,500,000.00 | 19 Mac 2015 | 18 Mac 2016 | 21,912,806.68 |
| Menaiktaraf Sistem Bekalan Air - Fasa 2 (RMK10) | Laksamana Cemerlang Sdn Bhd | 15,000,000.00 | 16 Mac 2015 | 16 Mac 2016 | 9,634,987.58 |
| Bangunan Pusat Teknologi Maklumat | Mizura Sdn Bhd | 10,140,000.00 | 29 Apr 2014 | 28 Apr 2015 | 8,998,300.00 |
| Bangunan Azman Hashim, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan | Dasacon Sdn Bhd | 27,000,000.00 | 15 Nov 2013 | 14 Jul 2015 | 19,290,334.50 |
| Bangunan Kompleks Inkubator Inovasi Universiti - $I^2U$ | Cendekia Teknik Sdn Bhd | 22,000,000.00 | 16 Jan 2014 | 15 Jul 2015 | 12,497,933.05 |
| Bangunan Stesen Penyelidikan Marin Fasa 2, Bachok | Kelcare Engineering Sdn Bhd | 5,995,856.00 | 17 Feb 2014 | 16 Ogos 2014 | 5,016,000.00 |
| **PROJEK DALAM PEMBINAAN** | | | | | |
| Bangunan Makmal Hub Penyelidikan Pascasiswazah, Fakulti Pendidikan (UM Holdings) | Intelligent Plus (M) Sdn Bhd | 9,997,740.00 | 29 April 2014 | 29 April 2015 | 9,535,335.30 |

## 5.2.2 Bahagian Pentadbiran

Bahagian Pentadbiran JPPHB adalah bahagian yang menguruskan fungsi pentadbiran dan lain-lain fungsi yang bukan teknikal seperti urusan hal ehwal staf dan pentadbiran. Bahagian ini juga diberi tugas besar untuk menguruskan proses melantik tender-tender tahunan syarikat-syarikat pembersihan dan pencucian bangunan seluruh kampus UM termasuk Bangunan Wisma R&D, Rumah Kediaman Universiti (RKU) dan Fakulti Perubatan Hospital Tuanku Ampuan Rahimah, Klang. Pembersihan tersebut melibatkan bahagian dalam bangunan dan luar bangunan. Pada tahun 2017, sebanyak 12 tender baru telah dilantik untuk tempoh dua (2) tahun dan dua (2) tender telah disambung semula bagi kerja pembersihan dan pencucian di seluruh kampus.

Selain fungsi pencucian, Bahagian Pentadbiran JPPHB juga menjalankan fungsi penting lain seperti berikut:

(a) Menguruskan penyediakan Rumah Kediaman Universiti (RKU);

(b) Menguruskan tempahan kenderaan Universiti;

(c) Pembersihan kawasan perkarangan dan longkang seluruh kampus;

(d) Lanskap seperti penanaman pokok besar dan pokok renek serta pembuangan sampah;

(e) Penyediaan peralatan untuk majlis-majlis rasmi Universiti;

(f) Penyediaan hiasan pokok-pokok bunga nurseri; dan

(g) Pelupusan sisa berjadual.

Pada 2017, Bahagian Pentadbiran (Unit Keraian) telah berjaya menguruskan penyediaan peralatan untuk majlis-majlis rasmi anjuran Universiti, PTj dan Persatuan Pelajar sebanyak 419 tempahan. JPPHB juga menerima tempahan daripada organisasi luar. Hasil tempahan peralatan tersebut, JPPHB telah berjaya menjana kewangan berjumlah RM91,279.44. Antara aktiviti-aktiviti tahunan penting Universiti yang diuruskan oleh Unit Keraian ini ialah Istiadat Konvokesyen Tahunan, Minggu Haluansiswa, dan lain-lain majlis penting universiti seperti Konvokesyen Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed) dan Konvokesyen Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Antara acara penting Universiti yang dilakukan persiapannya oleh unit ini ialah Istiadat Konvokesyen Doktor Persuratan Raja Salman, Raja Arab Saudi pada 27 Februari 2017 dan Konvokesyen Khas bersempena Lawatan Putera Mahkota Jepun pada 14 April 2017 di Dewan Tunku Canselor.

Bahagian Pentadbiran juga menguruskan kerja-kerja pembasmian makhluk perosak di seluruh kampus seperti tikus, ular, monyet, anjing liar, anai-anai dan sebagainya. Pada 2017, sebanyak 338 tangkapan dibuat di semua PTj. Fungsi lain Bahagian Pentadbiran adalah mengendalikan tempahan kenderaan untuk kegunaan pelawat-pelawat universiti. Selain itu, bahagian ini telah menguruskan sebanyak 2508 tempahan kenderaan untuk kegunaan rasmi dan pelawat universiti dan 2628 bagi tempahan kerja-kerja rutin.

Bahagian ini juga bertangungjawab dalam pengurusan pembuangan sampah di Pusat Pembuangan Sampah. Pengurusan pembuangan sampah berkenaan diuruskan oleh pihak UM Zero Waste Campaign (ZWC) melibatkan proses pengkomposan, pencernaan anaerobik, pemulihan tenaga dan kitar semula. Sejumlah 17,404.82 kilogram sampah dapat dikumpulkan untuk dikitar semula pada 2017. Sampah berkenaan terbahagi kepada sisa makanan yang dikompos, sisa makanan yang dicerna, sisa tanaman yang dikompos, sisa tekstil yang dikitar semula, sisa kayu untuk penjanaan tenaga dan barangan lain yang boleh dikitar semula.

Unit Landskap telah menanam sebanyak 70 pokok berbagai jenis seperti pokok kemboja *(Plumeria rubra)* di beberapa lokasi di dalam kampus. Acara penanaman pokok jenis Sengkawang (*Shorea sumatrana)* oleh DYMM Raja Salman, Arab Saudi pada 27 Februari 2017 dan pokok jenis Gelam Tikus (*Syzygium antisepticum)* pula dilakukan oleh Putera Mahkota Jepun pada 14 April 2017.



Persiapan Istiadat Konvokesyen Khas Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Arab Saudi pada 27 Februari 2017



Persiapan  Konvokesyen Khas sempena lawatan Putera Mahkota Jepun pada 14 April 2017

## 5.2.3 Bahagian Kejuruteraan Awam

Bahagian Kejuruteraan Awam menyediakan sokongan infrastruktur dan kejuruteraan, sokongan alam sekitar, perumahan, penyelenggaraan aset dan kakitangan mahir untuk mereka bentuk kerja-kerja pengubahsuaian/ peningkatan kemudahan, membina dan menyenggara kemudahan untuk Universiti Malaya dan memastikan semua infrastruktur utiliti berada dalam keadaan operasi yang baik dan selamat. Antara skop tugas Bahagian Kejuruteraan Awam adalah seperti berikut:

(a) Struktur utama bangunan;
(b) Sistem bekalan air utama;
(c) Sistem pembentungan dan rawatan kumbahan;
(d) Penyelenggaraan infrastruktur seperti jalan raya, cerun dan sebagainya;
(e) Perabot, kemasan dan kelengkapan ruang bangunan; dan
(f) Kerja-kerja pengubahsuaian dan renovasi.

Penyelenggaraan Kejuruteraan Awam dibahagikan kepada tiga (3) iaitu senggaraan pemulihan, senggaraan pencegahan dan senggaraan kecemasan.

Bahagian Kejuruteraan Awam juga berperanan sebagai sebahagian daripada pasukan konsultasi teknikal JPPHB bagi projek-projek yang dijalankan secara *in house* bagi pihak jabatan mahupun pihak lain di Universiti Malaya. Di samping itu, staf-staf di unit ini turut menjadi pengurus projek bagi projek RMK10 dan RMK11.

Dalam suasana ekonomi yang tidak menentu, Bahagian Kejuruteraan Awam telah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan kecil menggunakan khidmat pembantu kemahiran dan pembantu operasi. Kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan adalah seperti membaiki kerosakan pertukangan kayu (seperti kerosakan pintu, kunci, *door closer* dan kerosakan perabot, pertukangan paip (seperti kerosakan peralatan tandas, tandas tersumbat, lubang lantai tersumbat dan lain-lain, menampal *cold premix* pada jalan yang berlubang dan mengecat garisan jalan yang telah pudar. Dengan perlaksanaan kerja secara *in house* ini diharap dapat menjimat perbelanjaan universiti berbanding jika menggunakan khidmat kontraktor.



Pada keseluruhannya, Bahagian Kejuruteraan Awam telah berjaya mencapai objektifnya untuk menyediakan kemudahan asas yang mencukupi dan berkualiti sekaligus memberi perkhidmatan dan khidmat sokongan yang diperlukan. Unit ini telah bekerja keras untuk membelanjakan peruntukan yang diberikan bagi menyelenggara serta membaik pulih prasarana demi keselamatan dan keselesaan para pelajar dan orang awam. Usaha-usaha pemuliharaan kualiti fizikal telah berjaya meningkatkan imej kampus dan menampakkan persekitaran kerja yang lebih baik berbanding sebelum ini.

Berikut adalah sebahagian kerja-kerja penyelenggaraan dan projek yang dilakukan pada tahun 2017 oleh Bahagian Kejuruteraan Awam:

| Projek Menggunakan Peruntukan RMK11 | Projek Menggunakan Peruntukan Fakulti |
|---|---|
| • Cadangan kerja-kerja menaik taraf sistem saliran di UM Central dan laluan berbumbung ke Kolej Kediaman Ketiga, Keempat dan Ketujuh.<br>• Cadangan kerja-kerja menaik taraf bumbung Blok G Farmakologi, Fakulti Perubatan.<br>• Cadangan kerja membekal dan memasang subsoil serta kerja berkaitan infra di UM. | • Kerja-kerja memasang bumbung *polycarbonate* di atas *sun shade (metal cladding)* di Fakulti Ekonomi.<br>• Cadangan kerja-kerja mengecat semula dinding bahagian luar serta kerja-kerja berkaitan blok H12, Bangunan Pascasiswazah di Fakulti Ekonomi. |

| Projek *One-Off* Dewan Asrama-Asrama (DAA) | Projek Menggunakan Peruntukan Pembangunan |
|---|---|
| • Kerja membaiki bumbung dan siling dewan makan dan sekitar dewan makan Blok F29 Kolej Kediaman Keenam.<br>• Paip bawah tanah Kolej Kediaman Kesembilan.<br>» Cadangan kerja memasang kekunci *resilient seated gate valve* baru dan kerja audit tekanan air pada laluan paip sedia ada bagi mengelak gangguan bekalan air.<br>» Kerja menyemak dengan menggunakan alat detection bagi menentukan laluan paip utama serta menyediakan lukisan terbina laluan paip.<br>» Cadangan menggantikan paip bekalan di Blok Seroja.<br>• Cadangan kerja menaik taraf serta menggantikan *stopcork* sistem perpaipan, menyenggara tangki serta paip yang uzur di Blok A, B, C dan D serta Blok Pentadbiran Kolej Kediaman Ungku Aziz. (KK11). | • Kerja kontrak menyemak paip pembetungan dalam pembinaan Bangunan Dewan Peperiksaan/Dewan Kuliah 2 tingkat serta kerja berkaitan bagi tujuan mendapat kelulusan surat sokongan dari pihak Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.<br>• Mencari, memastikan kedudukan serta menyenggara paip kumbahan dan *manhole* utama untuk persediaan sebelum pemeriksaan pihak Indah Water Konsortium ke atas pembinaan Bangunan Peperiksaan UM. |

## 5.2.4 Bahagian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

Bahagian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (BKEE) bertanggungjawab bagi menyediakan perkhidmatan dan memberikan sokongan dalam bidang Kejuruteraan Elektrik, Elektronik, Sistem Audio Visual dan Telekomunikasi kepada Universiti Malaya khasnya warga kampus dan orang awam berdasarkan prosedur yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga, Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

Antara objektif utama BKEE adalah:

(a) Memastikan bekalan elektrik di UM berterusan, efisien dan selamat digunakan;

(b) Memastikan sistem telekomunikasi di UM sentiasa dalam keadaan baik dan efisien; dan

(c) Memastikan perkhidmatan yang diberi menepati objektif JPPHB.

Secara umumnya skop kerja BKEE terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu;

(a) Penyelenggaraan Sistem Pembahagian Elektrik yang bermula dari Pencawang Utama (33KV) hingga ke litar akhir (230V) termasuk Sistem Janakuasa Tunggu Sedia.

(b) Penyelenggaraan Sistem Telekomunikasi yang melibatkan sistem PABX dan *walkie-talkie*.

Sepanjang tahun 2017, untuk penyelenggaraan sistem pembahagian elektrik, BKEE bertanggungjawab untuk kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan yang melibatkan perkakasan dan pemasangan elektrik termasuklah membaik pulih kerosakan yang melibatkan pencawang-pencawang elektrik hingga ke litar akhir elektrik. Begitu juga dengan kerja-kerja telekomunikasi seperti kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan PABX yang ada, pengaktifan PABX baru di beberapa bangunan baru, penambahan dan pendawaian kabel-kabel yang berkaitan akibat kerja-kerja renovasi dan perpindahan pejabat.

BKEE juga bertanggungjawab dan terlibat dalam menyediakan perkhidmatan mereka bentuk, menyediakan tawaran (sebut harga atau tender), menyediakan kontrak dan menyelia kerja-kerja elektrik dan telefon bagi kerja-kerja pengubahsuaian, renovasi dan projek pembangunan di kampus utama dan cawangan atau luar kampus. Ini juga termasuk meneliti dan mengesahkan kerja-kerja kecil pembaikan dan pengubahsuaian pendawaian untuk peralatan elektrik dan telefon serta memantau dan mengesahkan kerja-kerja tersebut yang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik.

Bagi RMK11 RP2 2017, pihak BKEE terlibat dalam beberapa projek berikut:

(a) Kerja-kerja bekalan elektrik bagi sistem penyaman udara di
- Bangunan Lama Geologi, Fakulti Sains.
- Tingkat 1, 2, 3, 4, & 6 Bangunan Kompleks Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (KPPI)
- Kaunter & Ruang Menunggu, Poliklinik A, B & C *(Patient Care)* Fakulti Pergigian.
- iDewan Kuliah 1, 2 dan 3, Fakulti Perubatan

(b) Kerja-kerja pendawaian elektrik untuk soket kuasa dan untuk penyaman udara di Herbarium, Rimba Ilmu, UM.

(c) Kerja-kerja elektrik bagi membekal dan memasang lampu jalan LED di sebahagian laluan utama kampus Universiti Malaya

(d) Kerja-kerja elektrik bagi membekal, memasang dan menjamin set lampu jalan LED di kawasan hadapan Kompleks Perdanasiswa dan Parkir dua tingkat Canseleri, UM.

(e) Kerja-kerja elektrik bagi menyiapkan baki kerja di Kompleks Skuasy di Pusat Sukan

(f) Kerja-kerja elektrik bagi *main frame server* di Tingkat 2 Bangunan PTM Baru

BKEE juga terlibat dalam beberapa projek *one-off* dewan asrama-asrama bagi tahun 2017 seperti berikut:

(a) Kerja-kerja menaik taraf sistem lampu gelanggang Kolej Kediaman Pertama

(b) Kerja-kerja elektrik menaik taraf kafeteria Kolej Kediaman Kedua

(c) Kerja-kerja elektrik bagi membekal dan memasang lampu jalan dan lampu gelanggang serba guna di Kolej Kediaman Keempat, Universiti Malaya.

(d) Kerja-kerja elektrik membekal, memasang, mendawai dan mengganti lampu kalimantang kepada lampu LED di dewan makan asrama Ibnu Sina, Kolej Kediaman Keenam.

(e) Kerja menaik taraf sistem pencegah kilat dan pembumian bangunan untuk Sri Kemboja, Sri Bakawali, Sri Melor, Sri Cempaka, Sri Seroja dan Blok Pentadbiran Kolej Kediaman Tun Syed Zahiruddin Kolej Kediaman Kesembilan.

(f) Menaiktaraf kerja-kerja elektrik keseluruhan kafeteria Kolej Kediaman Ketujuh.

(g) Kerja-kerja elektrik pemasangan tembaga perangkap kilat di Blok A,B,C dan D, Kolej Kediaman Kedua Belas.

(h) Kerja-kerja elektrik mengemas kini dan membaiki kerosakan pendawaian luar bangunan di aras bawah Blok A,B,C dan D, Kolej Kediaman Kedua Belas.

Pada keseluruhannya, BKEE telah berjaya mencapai objektifnya untuk menyediakan kemudahan asas yang mencukupi dan berkualiti sekaligus memberikan perkhidmatan dan khidmat sokongan yang diperlukan. Bahagian ini telah bekerja keras untuk membelanjakan peruntukan yang diberi secara berhemah bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan prasarana demi keselamatan dan kebaikan kepada semua warga kampus dan orang awam.

### 5.2.5 Bahagian Kejuruteraan Mekanikal

Bahagian Kejuruteraan Mekanikal bertanggungjawab bagi menguruskan sebarang aktiviti berkaitan penyelenggaraan dan pembangunan sistem perkhidmatan mekanikal di kesemua bangunan dan premis kepunyaan Universiti Malaya. Bahagian ini juga bertanggunjawab penuh terhadap penyelenggaraan kenderaan rasmi milik Universiti Malaya. Secara amnya, Bahagian Kejuruteraan Mekanikal terbahagi kepada dua (2) unit utama iaitu Unit Penyelenggaraan Sistem Mekanikal dan Unit Penyelenggaraan Kenderaan.

**Jadual 5.3: Dua unit utama di bawah Bahagian Kejuruteraan Mekanikal.**

| Unit Penyelenggaraan Sistem Mekanikal | Unit Penyelenggaraan Kenderaan |
|---|---|
| Skop kerja penyelenggaraan sistem perkhidmatan mekanikal:<br>(a) Sistem penyaman udara<br>• Sistem penyaman udara jenis pusat seperti *water cooled chiller, air cooled packaged, water cooled packaged* dan sebagainya;<br>• Sistem penyaman udara jenis berasingan (*split*) dan tingkap (*window*).<br>(b) Sistem pencegah kebakaran<br>• Sistem pancur basah (*sprinkler system*);<br>• Sistem pencegah kebakaran jenis gas Pyroshield;<br>• Sistem penggera kebakaran jenis konvensional, *semi-addressable* dan *addressable*;<br>• Sistem bantu mula *(hose reel)*; dan<br>• Alat pemadam api mudah alih (*dry powder dan gas* $CO_2$).<br>(c) Sistem saluran pengudaraan<br>(d) Sistem lif untuk penumpang, perkhidmatan dan *dumbwaiter*<br>(e) Sistem gas petroleum cecair (LPG)<br>(f) Sistem pam air pusat dan penapis kolam renang<br>(g) Sistem pam air kumbahan (tidak termasuk sistem perpaipan)<br>(h) Sistem bilik sejuk untuk penyelidikan | Bertanggungjawab menyelenggara kenderaan rasmi Universiti yang merangkumi kereta, motosikal, van, kenderaan pacuan empat roda, traktor dan lori. Adalah menjadi tugas bahagian ini untuk memastikan kenderaan-kenderaan sentiasa *road-worthy* dan selamat kepada pengguna dan orang awam.<br><br>Pada masa ini, bilangan kenderaan yang perlu diselenggara di bawah tanggungjawab bahagian ini berjumlah 113 buah kenderaan:<br>• 32 buah kenderaan berat yang terdiri daripada lori, pacuan empat roda (4WD) dan juga traktor; dan<br>• 81 buah kenderaan ringan yang terdiri daripada kereta, van dan motosikal.<br>Skop kerja Bahagian Kejuruteraan Mekanikal (Unit Kenderaan):<br>(a) Servis berkala<br>(b) Pembaikan kerosakan (*breakdown*)<br>(c) Penukaran alat ganti<br>(d) Khidmat nasihat kepada PTj (baikp ulih)<br>(e) Perolehan kenderaan baru<br>(f) Semakan untuk pelupusan kenderaan |

Pada tahun 2017, terdapat beberapa projek berskala besar yang telah ditadbir urus dengan berkesan di bawah Bahagian Kejuruteraan Mekanikal. Projek-projek ini dikategorikan seperti berikut:

**Kerja-kerja di bawah Peruntukan RMK11**

Di bawah peruntukan RMK11 yang diterima, terdapat tiga (3) skop kerja penggantian dan naik taraf sistem mekanikal yang telah dilakukan.

- Kerja-kerja menaik taraf sistem penyaman udara di 5 bangunan utama Universiti Malaya iaitu Fakulti Perubatan, Fakulti Sains, Fakulti Pergigian, Balai Ungku Aziz dan Bangunan Canseleri.
- Kerja-kerja menaik taraf tiga (3) unit sistem lif penumpang di Wisma R&D.
- Kerja-kerja menaik taraf sistem pencegah kebakaran di Jabatan Kimia, Fakulti Sains dan Bangunan JPPHB.

**Kerja-kerja Projek *One-Off* Dewan Asrama-Asrama (DAA)**

Di bawah peruntukan One-Off DAA Asrama, terdapat tiga (3) skop kerja yang telah dilakukan bagi menaiktaraf sistem mekanikal.

- Kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf sistem perpaipan gas petroleum cecair (LPG) di dapur Kolej Kediaman Kelapan.
- Kerja-kerja menaik taraf sistem pam air domestik di Blok A dan D, Kolej Kediaman Kedua Belas.
- Kerja-kerja pembaikan bagi lapan (8) unit lif penumpang di Kolej Kediaman Kedua Belas.

## 5.2.6 Bahagian Pengurusan Harta

Bahagian Pengurusan Harta bertanggungjawab bagi menguruskan penyewaan portfolio harta tanah serta *landbank* milik Universiti, menguruskan dan menyelenggarakan data maklumat harta tanah, mewujudkan serta menguruskan inventori ruang dan aset milik Universiti serta bertanggungjawab menguruskan pelupusan aset/harta dan penggantian aset/harta lupus bagi keseluruhan kampus Universiti Malaya.

Bahagian Pengurusan Harta telah diberikan Peruntukan *One-Off* sejumlah RM1,000,000.00 pada tahun 2017. Daripada jumlah peruntukan tersebut, sejumlah RM985,860.47 telah diagihkan seperti berikut.

### Jadual 5.4: Agihan Peruntukan *One-Off*

| Perkara | Jumlah (RM) |
|---|---|
| Peralatan Makmal | 8,000.00 |
| Kenderaan | 977,860.47 |
| **Jumlah** | **985,860.47** |

Dari segi pengurusan pelupusan aset/harta, nilai harta Universiti yang telah dilupuskan pada tahun 2017 adalah sejumlah RM8,877,388.15, perincian iaitu seperti berikut:

### Jadual 5.5: Pelulusan asset/harta UM

| Perkara | Jumlah (RM) |
|---|---|
| Pelupusan harta Universiti lebih daripada RM5,000.00 seunit | 7,648,840.25 |
| Pelupusan harta Universiti kurang daripada RM5,000.00 seunit | 1,228,547.90 |
| **Jumlah** | **8,877,388.15** |

Manakala jualan aset /inventori lupus pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

### Jadual 5.6: Jualan aset atau inventori lupus

| Perkara | Jumlah (RM) |
|---|---|
| Peralatan ICT *(as where is basis)* | 19,477.33 |
| Lain-lain peralatan secara sisa besi | 4,384.00 |
| Lain-lain peralatan secara sebut harga | 500.00 |
| Kenderaan lupus secara sebut harga (staf) | 71,220.50 |
| Jualan perabot terpakai | 2,635.00 |
| **Jumlah** | **98,216.83** |



Bahagian Pengurusan Harta turut menjana pendapatan UM melalui penyewaan tapak/ruang kepada pihak dalam mahu pun pihak luar Universiti. Jumlah anggaran pendapatan yang dijana bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:

### Jadual 5.7: Penyewaan tapak atau ruang

| Perkara | Jumlah (RM) |
|---|---|
| Telekomunikasi (Maxis, Celcom, Digi, U-Mobile , Packet One & YTL Communication Sdn Bhd) | 1,144,509.30 |
| Bank/Komersil/Bangunan | 1,896,280.00 |
| Mesin ATM | 19,431.92 |
| Papan Iklan | 1,114,956.00 |
| Mesin Layan Diri | 119,163.00 |
| **Jumlah** | **4,294,340.22** |

## 5.2.7 Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan

Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan (BKUB) bertanggungjawab bagi menyediakan perkhidmatan dan sokongan berkenaan isu pengurusan kontrak dan bidang Ukur Bahan secara amnya kepada warga UM dan secara khususnya menyokong bahagian-bahagian kejuruteraan lain di JPPHB dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Pembangunan).

Antara objektif utama bahagian ini adalah memastikan tatacara perolehan dan pengurusan kontrak bagi kerja, bekalan dan perkhidmatan yang dijalankan dalam UM secara amnya dan bagi JPPHB secara khususnya dijalankan mengikut garis panduan perolehan kerajaan yang telah ditetapkan selaras dengan Pekeliling 1PP/PK2 dan manual perolehan UM.

Skop kerja BKUB terbahagi kepada tiga (3) fokus utama iaitu:

(a) Kos

- Menyediakan anggaran kos awalan berdasarkan kos data bagi memohon peruntukan luar dan dalaman bagi kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan di dalam UM.
- Menyediakan anggaran kos berasaskan senarai kuantiti berdasarkan lukisan yang telah diluluskan oleh *end-user* berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan.
- Menyemak kos yang ditawarkan oleh Kontraktor dan membuat pelarasan harga bagi mendapatkan harga yang munasabah.
- Menyediakan baucer bayaran kepada kontraktor (dalaman/pembangunan) serta bayaran kepada perunding (yuran/tuntutan).
- Kajian kos dan kajian pasaran bagi setiap sebut harga/tender yang dilaksanakan.

(b) Perolehan

- Menyedia, membuat panggilan sebut harga/tender dalaman dan memastikan lantikan kontraktor yang dibuat melalui Perunding mengikut tatacara perolehan kerajaan yang telah ditetapkan selaras dengan Pekeliling 1PP/PK2.
- Membantu Jawatankuasa Pelantikan Perunding dalam menguruskan pelantikan perunding.

(c) Pengurusan Kontrak

- Melaksanakan pengurusan kontrak bagi setiap sebut harga/tender yang dipanggil di UM.
- Memberikan khidmat nasihat bagi tatacara perolehan, pengurusan kontrak dan bidang ukur bahan bagi JPPHB dan PTj lain dalam UM.
- Menjadi ahli dalam Jawatankuasa Penilaian sebut harga/tender di UM.

Pada 2017, sebanyak 13 sebut harga berjumlah RM2.91 juta dan 4 tender kerja dan bekalan telah dipanggil oleh BKUB yang berjumlah RM6.13 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada peruntukan JPPHB, RMK11 dan PTj lain di UM. Antara skop utama yang terlibat adalah kerja-kerja renovasi dalaman, menaik taraf kemudahan infrastruktur seperti jalan raya dan pembekalan perabot di dalam UM.

### Jadual 5.8: Senarai kerja yang diuruskan oleh Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan bagi 2017

| Perkara | Jumlah (RM) |
|---|---|
| Cadangan kerja-kerja menaik taraf gazebo, rumah pengetua dan tempat pengumpulan sampah sedia ada kepada *laundry gazebo*, *dormitory* dan rumah sampah, di Rumah Antarabangsa UM, Seksyen 17, Petaling Jaya | 559,044.00 |
| Cadangan kerja-kerja renovasi Jabatan Perubatan termasuk mekanikal, elektrikal dan ICT dan lain-lain yang berkaitan di Aras 5, Blok P, Fakulti Perubatan | 830,266.20 |
| Cadangan mengubah suai dan menaik taraf perpustakaan termasuk mekanikal, elektrikal dan ICT serta lain-lain yang berkaitan di Fakulti Perubatan | 2,330,940.00 |
| Cadangan membaik pulih, membekal perabot termasuk kerja-kerja mekanikal, elektrikal, ICT dan lain-lain yang berkaitan di Aras 1, 2 dan Mezzanine, Perpustakaan Zaa'ba | 2,406,486.20 |
| 13 sebut harga dari pelbagai kod bidang pengkhususan yang dipanggil | 2,907,905.00 |
| **Jumlah** | **9,034,641.40** |

BKUB merupakan urusetia dan Ahli Jawatankuasa bagi Jawatankuasa Penilaian sebut harga/tender bagi kerja, Bekalan dan Perkhidmatan yang dilaksanakan di dalam UM sama ada dipanggil oleh JPPHB, PTJ atau Kolej Kediaman. Hal ini sepertimana yang telah disyaratkan di dalam Pekeliling 1PP/PK2 bagi memastikan sebutharga/ tender tersebut dilaksanakan mengikut tatacara yang telah ditetapkan. Lebih daripada 60 mesyuarat Jawatankuasa Penilaian sebut harga/tender telah dihadiri oleh wakil BKUB sepanjang tahun 2017.

BKUB juga membantu PTj lain *(end-user)* menyediakan anggaran kos bagi mendapatkan peruntukan atau memohon peruntukan tambahan. Anggaran kos diperlukan bagi setiap kerja naik taraf, renovasi atau baik pulih bangunan yang hendak dipohon kepada pihak yang berkenaan. Kepakaran BKUB diperlukan bagi mendapatkan anggaran kos yang kompetitif, berdasarkan kos-kos data yang ada dan mengambil kira pelbagai faktor yang terlibat. Pada 2017, sebanyak 40 anggaran kos telah dibuat bagi menyokong permohonan PTj yang terlibat.

BKUB terlibat dalam memberikan khidmat nasihat berkaitan pengurusan kontrak kepada JPPHB, PTJ lain dan Kolej Kediaman dalam tempoh Pra-Kontrak dan *Post*-Kontrak bagi setiap sebut harga/tender yang dilaksanakan di dalam UM. BKUB bertindak sebagai pakar rujuk dan diminta membantu PTj *(end-user)* dalam menyemak dan menyediakan senarai kuantiti bagi sebut harga/ tender yang diuruskan sendiri oleh mereka dan menyemak tatacara perolehan bagi mengelakkan berlakunya pelanggaran tatacara tersebut. Rutin ini dilaksanakan hampir setiap hari sepanjang tahun 2017 bagi memastikan tiada pelanggaran tatacara perolehan kerajaan di UM.

Pada 2017 juga, BKUB terlibat dalam menyediakan Baucer Pembayaran Pembangunan bagi projek-projek pembangunan yang melibatkan perunding iaitu sebanyak 27 Baucer Pembayaran Pembangunan telah dikeluarkan.

## 5.2.8 Bahagian Perancangan dan Seni Bina

Fungsi Bahagian Perancangan dan Seni Bina adalah bertanggungjawab bagi menyediakan perkhidmatan dan memberi sokongan dalam bidang perancangan dan seni bina kepada UM khasnya warga kampus dan orang awam. Bahagian ini juga bertanggungjawab menguruskan pelaksanaan projek-projek pembangunan Universiti bermula dari perancangan sehingga penyerahan projek.

Secara umumnya skop kerja Bahagian Perancangan dan Seni Bina terbahagi kepada:

(a) Mengkaji dan menilai jenis renovasi yang dimohon atau dicadangkan dan merupakan Urusetia Jawatankuasa Renovasi Ruang dan Perolehan Perabot UM;
(b) Khidmat nasihat terhadap renovasi terutama perkara-perkara yang melibatkan seni bina;
(c) Penyediaan reka bentuk renovasi yang mencapai objektif dan memenuhi kehendak pengguna;
(d) Menyelaras penyediaan reka bentuk, lukisan dan dokumen tawaran dan penyerahan projek;
(e) Pengurusan kerja di tapak;
(f) Memantau pelaksanaan fizikal dan kewangan projek dalam pembinaan dan memastikan projek disiapkan berkualiti, menepati kos dan tempoh masa yang dirancang serta memenuhi keperluan dan harapan *stakeholders*; dan
(g) Penyediaan piawai reka bentuk, sistem pengurusan projek dan lain-lain.

## Jadual 5.9: Projek-projek fizikal yang telah siap tahun 2017 dengan jumlah kos RM4.0 juta

| Projek | | Skop Projek | Kontraktor | Tarikh Mula | Tarikh Siap |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Kompleks Perdanasiswa Blok G (Pejabat Marketing and Recruitment Centre, Rumah Sampah dan Landskap) | • Menaik taraf ruang aras bawah sedia ada kepada sebuah pejabat untuk Marketing and Recruitment Centre<br>• Menaik taraf ruang lapang sedia ada kepada sebuah ruang landskap moden termasuk rumah sampah | Awhas Enterprise | 13 Dis 2016 | 21 Feb 2017 |
| 2. | Apartment Jepun (Naiktaraf 12 Unit Blok B) | Menaik taraf 12 unit kediaman sedia ada kepada unit kediaman moden (6 katil) | FY Prospect Venture | 25 Jan 2017 | 25 Jul 2017 |
| 3. | Rumah Universiti (Lama) (Naik taraf Keseluruhan Bangunan) | Menaik taraf kesuluruhan bangunan (kafe dan bilik tidur) kepada sebuah premium hostel lengkap dengan fasiliti kafe | Aftacop Sdn Bhd | 6 Feb 2017 | 6 Ogos 2017 |
| 4. | Naiktaraf Dewan Makan Kolej Kediaman Ke-3 | Menaik taraf ruang dewan makan kepada dewan serbaguna | Murnimas Enterprise | 20 Mei 2017 | 31 Jul 2017 |
| 5. | Naik taraf Kafe Kolej Kediaman Kedua | Menaik taraf dan membina struktur tambahan kepada kafe sedia ada | Wawasan Minda Trading | 19 Jun 2017 | 11 Sep 2017 |
| 6. | Rumah Antarabangsa (Gazebo Dobi, Asrama dan Rumah Sampah) | • Menaik taraf gazebo sedia ada kepada sebuah gazebo dobi yang berkonsep terbuka<br>• Menaik taraf rumah pengetua sedia ada kepada sebuah asrama empat (4) bilik (10 katil) berkonsepkan *backpackers hostel*<br>• Menaik taraf rumah sampah sedia ada kepada rumah sampah berkonsep lestari | NSR Infra Sdn Bhd | 17 Jul 2017 | 3 Dis 2017 |
| 7. | Universiti Malaya Pusat Inovasi dan Komersialisasi (UMCIC) – MyLisa | Perubahan susun atur makmal dan melengkapkan perabot makmal | E Reka Construction | 31 Okt 2017 | 9 Jan 2018 |

### Jadual 5.10: Projek-projek fizikal yang sedang berjalan dan dijangka siap pada tahun 2018 dengan jumlah kos RM1.3 juta

| Projek | Skop Projek | Kontraktor | Tarikh Mula | Tarikh Siap |
|---|---|---|---|---|
| 1. Fakulti Perubatan Blok P (Naik taraf Aras 5 untuk Jabatan Perubatan) | Menaik taraf ruang pejabat sedia ada kepada sebuah ruang pejabat yang moden dan kondusif | FY Prospect Venture | 14 Nov 2017 | 14 Mei 2018 |
| 2. Renovasi Kedai Buku 'Halaman' untuk Jabatan Penerbitan | Reka bentuk dalaman untuk dijadikan kedai buku kendalian Jabatan Penerbitan | A.H. Sinar Bina | 24 Nov 2017 | 1 Feb 2018 |
| 3. Klinik Kesihatan Pelajar Fasa 2 | Penambahan ruang laluan berkaca, tandas dan set janakuasa tunggu sedia | Ash Berjaya Enterprise | 20 Nov 2017 | 28 Jan 2018 |
| 4. Pemulihan Alur Mustafa kepada Saliran Mesra Alam | Rehabilitasi aliran alur sungai dan membaik pulih fasiliti di sekitar Kolam Mustafa | A.H. Sinar Bina | 18 Dis 2017 | 29 Jan 2018 |
| 5. Pemindahan Pusat Pembangunan Akademik (ADeC) ke pejabat baru di Bangunan HIR | Reka bentuk dalaman untuk dijadikan pejabat operasi ADeC yang dipindahkan dari Wisma R&D | Ceria Indah Enterprise | 15 Dis 2017 | 9 Feb 2018 |

### Jadual 5.11: Projek-projek fizikal dalam perancangan tahun 2018 dengan jumlah kos rm10.4 juta

| Projek | Skop Projek |
|---|---|
| 1. Naik taraf Perpustakaan Fakulti Perubatan | Menaik taraf fungsi ruang serta hiasan dalaman untuk perpustakaan yang tidak pernah dinaik taraf selama 30 tahun untuk menjadi mesra pelajar |
| 2. Naik taraf Aras 1 dan 2, Perpustakaan Zaaba | Menaik taraf fungsi ruang serta hiasan dalaman untuk perpustakaan terutama sistem mekanikal elektrik dan teknologi maklumat untuk menjadi mesra pelajar |
| 3. Ubah suai Pusat Pencetus Bakat dan Latihan Industri (CITra) | Menaik taraf fungsi ruang serta hiasan dalaman agar mejadi lebih efisyen |
| 4. Renovasi Jabatan Orthopedik, Blok I, Fakulti Perubatan | Menaik taraf fungsi ruang serta hiasan dalaman untuk mempromosi jabatan dari segi perkhidmatan, pengajaran dan penyelidikan dengan menggunakan peruntukan daripada sumbangan luar. |
| 5. Renovasi Pusat Pengajian Kemiskinan dan Pembangunan (CPDS), Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran | Menaik taraf fungsi ruang serta hiasan dalaman untuk mempromosi pusat penyelidikan dari segi perkhidmatan dan penyelidikan dengan menggunakan peruntukan daripada sumbangan luar. |
| 6. Naik taraf Bilik Kuliah dan tandas dengan kemudahan OKU di bawah peruntukan RMK11 | Menaik taraf fabrik, sistem mekanikal, elektrikal dan teknologi maklumat bagi ruang pengajaran yang tidak pernah dinaik taraf selama lebih 30 tahun. Naik taraf ini juga akan dilengkapi dengan kemudahan mesra Orang Kurang Upaya (OKU). |
| 7. Pembinaan Surau untuk Ladang di Kota Tinggi, Johor | Pembinaan struktur surau/pusat komuniti baru untuk komuniti kecil di ladang Kota Tinggi |
| 8. Naik taraf Bas Lupus untuk dijadikan Pejabat RIMBA | Menukar guna bas lama yang telah dilupuskan untuk dijadikan pejabat serta pusat operasi RIMBA |

## 5.2.9 Bahagian Kewangan

Bahagian Kewangan di JPPHB adalah bertanggungjawab mengawal, mengurus dan menyelaras hal ehwal kewangan bagi peruntukan melalui OCAR, RMK dan lain-lain sumber dalaman UM. Ini juga termasuk memantau perbelanjaan secara bulanan, memberikan makluman terkini mengenai prosedur kewangan universiti dan memastikan JPPHB mengikuti setiap garis panduan dan prosedur kewangan universiti.

Pada 2017, JPPHB telah membelanjakan RM23.5 juta bagi melakukan kerja naik taraf serta penyelenggaraan bagi kerja-kerja sivil, mekanikal dan elektrikal serta perkhidmatan pembersihan dan landskap. Peruntukan yang diperolehi untuk tahun 2017 adalah kurang sebanyak 23% berbanding tahun 2016.

Walaupun mengalami pengurangan peruntukan, namun JPPHB berjaya mengharungi dan mengoptimumkan penggunaan bajet ini dengan memberikan penyelenggaraan yang terbaik untuk keseluruhan kemudahan dan infrastuktur di kampus UM.

### Jadual 5.12: Butiran Perbelanjaan

| Perkara | Jumlah (RM) |
|---|---|
| Selenggara kawasan dan landskap | 11,800,000.00 |
| Perolehan bekalan dan bahan-bahan OCAR | 546,000.00 |
| Selenggara struktur bangunan, infra, pembentungan, kerja pengubahsuaian dan renovasi | 1,225,000.00 |
| Selenggara sistem mekanikal (lif, hawa dingin, *dumbwaiter*, pam dan gas LPG) | 5,500,000.00 |
| Selenggara sistem pencegah kebakaran | 931,000.00 |
| Selenggara kenderaan | 480,000.00 |
| Selenggara sistem pembahagian elektrik dan sistem telekomunikasi | 1,735,000.00 |
| Selenggara kecil di PTJ dan kolej | 1,283,000.00 |
| **Jumlah** | **23,500,000.00** |

Pada keseluruhannya, JPPHB telah berjaya mencapai objektifnya untuk menyediakan kemudahan asas yang mencukupi dan berkualiti sekaligus memberi perkhidmatan dan khidmat sokongan yang diperlukan. Semua bahagian teknikal telah bekerja keras untuk membelanjakan peruntukan yang diberikan bagi menyelenggara serta membaik pulih prasarana demi keselamatan para pelajar dan orang awam. Usaha-usaha pemuliharaan kualiti fizikal sedikit sebanyak telah berjaya meningkatkan imej kampus dan menampakkan persekitaran yang lebih ceria dan secara tidak langsung ianya dapat memberi manfaat kepada para pelajar dalam meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran di UM.

## 5.3 Pusat Teknologi Maklumat

Tahun 2017 adalah tahun yang mencabar bagi Pusat Teknologi Maklumat (PTM) dalam menyediakan perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi *(Information and Communication Technology)* atau ICT dengan mengambil kira potongan bajet daripada RM12.8 juta (2014 dan tahun-tahun sebelum) kepada RM11.9 juta (2015) dan seterusnya RM5.4 juta (2016 dan 2017). Dengan jangkaan bahawa situasi ini akan berlarutan, PTM telah memberi penekanan kepada perbelanjaan berhemah, mengutamakan projek-projek penyenggaraan infrastruktur kritikal dan meningkatkan aktiviti penjanaan pendapatan. Pada tahun 2017, PTM telah merekodkan peningkatan sekitar 80% hasil daripada janaan aktiviti komersialisasi berbanding tahun 2016.

PTM sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak pentadbiran Universiti seperti Bahagian Akademik, Bendahari, Sumber Manusia, Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB), Fakulti, Akademi, Insitut dan Pusat dalam memastikan perkhidmatan ICT yang disediakan adalah sejajar dan menepati kehendak semasa, misi dan visi universiti.

Pencapaian prestasi tahunan perkhidmatan ICT yang dilaksanakan oleh PTM sentiasa diukur secara berterusan berlandaskan pematuhan kepada dua (2) piawaian iaitu MS ISO 9001:2015 Quality Management System (QMS) dan MS ISO 27001:2013 Information Security Management System (ISMS).

Pematuhan QMS adalah bagi memastikan kualiti perkhidmatan ICT yang dihasilkan oleh PTM sentiasa berada di tahap yang baik. Pematuhan kepada pensijilan ISMS pula membantu PTM dalam memastikan keselamatan maklumat yang terkandung dalam aset-aset maklumat di bawah kendaliannya. PTM telah memperoleh pensijilan ISMS ISO/IEC 27001:2013 bagi semua kategori perkhidmatan ICT sejak dari 2015 dan masih mengekalkan pensijilan tersebut sehingga kini.

### 5.3.1 Pencapaian Utama

Lapan (8) kategori aktiviti utama yang telah dilaksana oleh PTM sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:

(a) Peningkatan kapasiti dan keupayaan infrastruktur ICT
(b) Perkhidmatan ICT yang mapan dan berdaya tahan
(c) Penaiktarafan dan peningkatan kemudahan sistem penyampaian perkhidmatan
(d) Penambahbaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran
(e) Mempertingkatkan aktiviti inovasi bagi tujuan menambah baik kaedah pengurusan sumber
(f) Perkhidmatan guna sama dan nilai tambah
(g) Pelaksanaan berterusan aktiviti pengukuran prestasi dan penganalisaan tahap perkhidmatan
(h) Penjanaan pendapatan

### 5.3.2 Aktiviti Utama Yang Telah Dijayakan

Lapan (8) kategori aktiviti utama yang telah dijayakan oleh PTM dalam tahun 2017 adalah:

(a) Peningkatan Kapasiti dan keupayaan infrastruktur ICT
(b) Perkhidmatan ICT yang mapan dan berdaya tahan
(c) Penaiktarafan dan peningkatan kemudahan sistem penyampaian perkhidmatan
(d) Penambahbaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran
(e) Mempertingkatkan aktiviti inovasi bagi tujuan menambah baik kaedah pengurusan sumber
(f) Perkhidmatan  guna sama dan nilai tambah
(g) Pelaksanaan berterusan aktiviti pengukuran prestasi dan penganalisaan pencapaian
(h) Penjanaan pendapatan

**(a) Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan Infrastruktur ICT**

Prestasi pencapaian objektif kualiti bagi pengukuran terhadap kebolehcapaian perkakasan utama sistem rangkaian adalah 100% setiap bulan pada tahun 2017 melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 99.7%.

Penambahbaikan dan penyenggaraan perkhidmatan rangkaian, UM dalam tahun 2017 meliputi perkara-perkara berikut:

**Jadual 5.13: Penyenggaran perkakasan dan lesen rangkaian**

| Jenis Perolehan/ Perbelanjaan | OCAR 2017 (RM) | Tabung Yuran ICT (RM) |
|---|---|---|
| Naik taraf *network access switch, transceiver, HA server farm switch, fibre optic* dan naik taraf rak rangkaian | - | 1,451,927.60 |
| Penyelenggaraan rangkaian (kelengkapan rangkaian, internet) kampus utama | 2,430,925.24 | - |
| Rangkaian internet kampus cawangan dan lain-lain | 630,444.91 | - |
| Penyenggaraan lesen peralatan dan penyenggaraan perkakasan rangkaian | 699,209.81 | 3,760,579.96 |
| **Jumlah Perbelanjaan berkaitan Rangkaian** | **3,760,579.96** | **5,212,507.56** |

Penggantian *network access switch* daripada kapasiti rendah 100 Mbps kepada kapasiti yang lebih tinggi 1,000 Mbps sangat penting bagi menyokong jumlah trafik penggunaan yang lebih besar dan pantas di masa akan datang. Jumlah *switch* berkapasiti rendah yang masih beroperasi dalam sistem rangkaian universiti adalah 1,414 unit. Proses penggantian telah dilaksanakan semenjak dari 2014 sehingga 2016. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 974 unit (68%) telah berjaya diganti. Pada tahun 2017, hanya 160 unit telah diganti dari sasaran bilangan 300 unit. Perancangan asal tidak dapat dipenuhi ekoran dari kekurangan peruntukan OCAR. Kekurangan peruntukan ini juga telah menyebabkan rancangan penggantian yang dijangkakan selesai pada tahun 2018 terpaksa dilanjutkan sehingga tahun 2021.

Turut dilaksana dalam tahun 2017 adalah projek penaiktarafan sistem *wireless* Fasa ke-3 di 17 buah Pusat Tanggungjawab yang meliputi penggantian 750 unit *Wireless Access Point* model lama (802.11 ab/b/g) dengan model terkini 802.11ac. Pengujian selepas penggantian menunjukkan kelajuan wifi telah ditingkatkan daripada purata 5 Mbps kepada 60 Mbps bagi setiap akses ke rangkaian internet. Liputan signal wireless juga telah merangkumi semua lokasi dan tempat-tempat strategik di dalam kampus utama. Projek penaiktarafan ini jelas memberi impak positif kepada perkhidmatan *Wireless* UM di mana kesannya dapat dilihat dari aspek pengurangan ketara jumlah aduan para pelajar pada tahun 2015, 2016 dan 2017.




**Rajah 5.1: Perbandingan bilangan aduan wireless pelajar pada tahun 2015, 2016 dan 2017.**

Purata penggunaan kemudahan UM-WiFi adalah 5,000 sehari. Akses pengguna yang tertinggi adalah pada bulan Disember iaitu bulan terakhir dalam sesi pengajian sebelum peperiksaan.




**Rajah 5.2: Statistik Autentikasi UM-WiFi pada Disember 2017.**

Turut diperkenalkan adalah sistem autentikasi bersepadu yang menggabungkan platfom *Single Sign-On* sedia ada dengan proses autentikasi ke sistem rangkaian UM-WiFi. Projek ini dibangunkan untuk memperkasakan sistem kawalan penggunaan dan meningkatkan tahap keselamatan sistem rangkaian UM. Mulai November 2017, semua 2,250 perkakasan *access point* di UM telah menggunakan sistem autentikasi ini. Jumlah bilangan pengguna WiFi meliputi staf, pelajar dan pelawat semenjak dari Jun 2016 sehingga 29 Disember 2017 kini mencecah 33,295 orang.

Penyenggaraan perkakasan, lesen, waranti (komputer p4elayan, sistem operasi dan pangkalan data) dan sokongan *ad hoc* yang dilaksanakan oleh Pusat Data, sepanjang 2017 mencecah kos sebanyak RM 895,811.00. Perkakasan-perkakasan tersebut merangkumi 119 server fizikal, 149 *virtual machine*, 10 perkakasan sokongan dan juga Sistem *Backup* Berpusat berkapasiti 37.85 TB. Penyenggaraan tersebut adalah untuk memastikan kebolehsediaan komputer pelayan kritikal mencapai tahap sasaran bulanan sekurang-kurangnya 98%.

**Jadual 5.14: Perbelanjaan penyenggaraan dan kelengkapan Pusat Data pada tahun 2017.**

| Butiran | OCAR (RM) | Tabung Yuran ICT (RM) | RMK11 (RM) | Jumlah mengikut kategori (RM) |
|---|---|---|---|---|
| Penyenggaraan tahunan perkakasan, lesen, waranti dan *ad hoc support* meliputi 119 *server* fizikal, 149 *virtual machine*, perkakasan sokongan dan *central* backup berkapsiti 37.85TB | 802,107.26 | - | - | 802,107.26 |
| Perbelanjaan tambahan *on-site support* dan perkakasan Tape untuk kegunaan sistem-sistem sedia ada | - | 93,704 | - | 93,704.00 |
| **Jumlah perbelanjaan berkala tahunan** | | | | **895,811.26** |
| *Cabling* dan kelengkapan infrastruktur Pusat Data Baru (tahap tier 3) | | | 1,812,923.96 | 1,812,923.96 |
| **Jumlah perbelanjaan keseluruhan** | | | | **2,708,735.22** |

Pusat Data Baru yang terletak di Aras 2, Bangunan Baru PTM telah siap sepenuhnya pada 31 Oktober 2017. Pusat Data ini mempunyai kapasiti maksimum 40 unit rak rangkaian/*server* bersaiz 42U. Kesemua rak ini telah siap dipasang dengan sambungan rangkaian ke setiap rak berkeupayaan menyokong kelajuan sehingga 40 Gbps. Ini membolehkan setiap *server/appliance* mempunyai kapasiti sambungan yang lebih besar dan stabil. Susunatur rangkaian di dalam pusat data tersebut juga telah dibina menepati kriteria tier-3 di mana ia mempunyai ciri-ciri *high availability* yang menyasarkan kadar kebolehcapaian 100% setiap bulan.

Selain dari itu, 2017 juga menyaksikan UM telah dipilih oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebagai perintis projek MyRenX bagi inisiatif menaik taraf kapasiti talian Internet Universiti Awam. Melalui projek ini, UM akan dibekalkan dengan talian berkapasiti 100 Gbps. Usaha awal ke arah ini telah dimulakan sekitar bulan Julai 2017.

**(b) Perkhidmatan ICT yang mapan dan berdaya tahan**

UM mempunyai kapasiti jalur lebar berkelajuan tinggi terbesar (7 Gbps) berbanding Universiti Awam (UA) lain. Dengan kapasiti semasa 7 Gbps, warga kampus UM berupaya menikmati capaian Internet dengan lebih pantas. Berdasarkan perkembangan semasa ICT di seluruh dunia, terdapat kemungkinan besar bahawa jalur lebar berkelajuan tinggi ini juga akan disalah guna oleh penyangak dan penjenayah siber. Risiko penyalahgunaan ini terbukti melalui statistik bilangan ancaman yang sentiasa meningkat, direkodkan pada *gateway* rangkaian UM. Sehubungan dengan itu, pemantauan penggunaan jalur lebar berkelajuan tinggi dilaksanakan bagi memastikan sumber ICT yang tersedia untuk warga kampus ini digunakan secara optimum dan berhemah.

Pemantauan yang dijalankan berupaya mengenalpasti anomali dan ancaman yang akan memberi kesan kepada prestasi capaian Internet. Tindakan susulan seterusnya akan dilaksanakan bagi mengurangkan risiko insiden keselamatan ICT yang lebih serius.

Aktiviti pemantauan keselamatan ICT yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:

- Pemantauan berterusan ke atas aktiviti serangan virus dan serangan siber bagi memastikan 85% komputer yang dijangkiti *malware* diambil tindakan pemulihan dalam tempoh empat (4) hari bekerja. Purata 91.11% komputer yang dijangkiti virus atau *malware* telah diambil tindakan pemulihan dalam tempoh empat (4) hari bekerja. Serangan virus kategori biasa didapati menurun namun terdapat ancaman baru yang semakin meningkat dari kategori *Advanced Persistent Threats (*APT*)* dan *NextGen*.




**Rajah 5.3: Statistik serangan virus.**

- Pemantauan trafik beban tinggi P2P *(Peer-To-Peer)* untuk mengesan aktiviti muat turun filem, games dan muzik yang boleh mengganggu *bandwidth* rangkaian. Bagi kes penyalahgunaan ini, 98.80% kes yang dikenal pasti telah diambil tindakan pemulihan dalam tempoh empat (4) hari bekerja melebihi sasaran 80% yang ditetapkan. Pemantauan berterusan ini telah dapat mengurangkankan insiden *Copyright Infrigement* dan memastikan *bandwidth* rangkaian UM ini dapat digunakan secara optimum.




**Rajah 5.4: Statistik kes pemantauan trafik beban tinggi (P2P).**

- Audit Keselamatan Teknologi Maklumat yang diadakan bertujuan untuk mengurangkan risiko serangan seperti *cross site scripting* serta godaman laman web dan komputer pelayan yang boleh mengakibatkan downtime dan kehilangan data berkaitan aset ICT. Pada tahun 2017, aktiviti audit ini meliputi 1,184 perkakasan rangkaian dan 103 aplikasi dan *server*. Sasaran yang ditetapkan adalah memastikan sekurang-kurangnya 70% *high vulnerabilities* yang dijumpai semasa audit keselamatan Teknologi Maklumat diambil tindakan pemulihan dan pencegahan. 90% *high vulnerabilities* yang dijumpai telah diambil tindakan pemulihan dan pencegahan.

  Pengendalian, pelaporan dan penyelesaian insiden keselamatan ICT yang dilaporkan diambil tindakan pemulihan dalam tempoh lima (5) hari bekerja. Sebanyak 1,147 insiden telah direkodkan dalam tahun 2017.




**Rajah 5.5: Statistik perbandingan tahunan insiden keselamatan ICT dari 2011 sehingga 2017.**

Walau bagaimanapun, 99.2 % daripada insiden ini tidak dapat ditutup kerana *Internet Protocol Address* atau alamat IP computer yang terlibat tidak dapat dikenal pasti. Punca masalah tersebut adalah kerana alamat IP yang dikesan adalah *Network Address Translation* (NAT) IP yang dikongsi oleh semua pengguna rangkaian kampus UM. Pada ketika ini, tiada kaedah mudah untuk mengenal pasti pengguna sebenar alamat IP tersebut pada masa insiden direkodkan. Ini telah menyebabkan tindakan pemulihan dan pencegahan tidak dapat dilaksanakan.

Mesyuarat Majlis ICT akhir tahun 2017 telah meluluskan *Projek Centralised Security Information and Event Management* (SIEM) iaitu projek kerjasama PTM dan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM). Projek ini adalah tindakan jangka panjang bagi tujuan menangani masalah yang dinyatakan di atas. Sistem akan mengautomasi dan mengintegrasi proses pemetaan log perkakasan Intrusion Prevention System (IPS) dengan Sistem Authentikasi untuk membolehkan nama pengguna trafik rangkaian dikesan dengan lebih pantas. Projek ini juga dijangka akan menambah keupayaan untuk penyimpanan arkib log untuk tempoh yang lebih lama bagi tujuan aktiviti forensik.



**(c) Penaiktarafan dan peningkatan kemudahan sistem penyampaian perkhidmatan**

Aktiviti penaiktarafan dan pembangunan sistem aplikasi adalah bertujuan membantu memudahkan pelbagai aspek proses pentadbiran, meningkatkan visibiliti para penyelidik dan hasil penyelidikan serta menyediakan platform yang memudahkan pihak pengurusan melaksana pemantauan ke atas pelbagai peringkat proses kerja sedia ada. Antara aktiviti penaiktarafan dan peningkatan yang dijalankan adalah

- **Penambahbaikan berterusan pengurusan platform laman sesawang Universiti** adalah bagi memastikan penarafan *web visibility* (Webometric) sentiasa berada pada tahap yang baik. Laman sesawang UM telah berjaya mengekalkan kedudukan teratas semenjak dari Julai 2015 sehingga kini.

**Jadual 5.15: Kedudukan laman sesawang UM dalam Webometric (Julai 2017)**

| *World Rank* | *Asia Rank* | *Rank* | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | *University* | *Presence* | *Impact* | *Openness* | *Excellence* |
| 418 | 65 | Universiti Malaya | 586 | 1,071 | 551 | 228 |
| 587 | 112 | Universiti Teknologi Malaysia | 368 | 1,327 | 892 | 401 |
| 637 | 129 | Universiti Sains Malaysia | 833 | 1,489 | 607 | 469 |
| 681 | 138 | Universiti Putra Malaysia | 17 | 1,854 | 826 | 476 |
| 767 | 162 | Universiti Kebangsaan Malaysia | 618 | 2,198 | 642 | 541 |
| 1,235 | 330 | Universiti Teknologi MARA | 657 | 2,908 | 1,357 | 960 |

Sehingga kini, terdapat lebih 7,000 buah laman web utama dan 115 buah laman web Fakulti/Pusat Tanggungjawab, dipantau oleh PTM. Sehubungan dengan itu, Sistem Pengurusan Kandungan Laman Web (UMCMS) telah dibangunkan untuk mempermudahkan lagi aktiviti pembangunan, pengurusan dan pemantauan semua laman web Fakulti, Pusat, Jabatan dan Persatuan secara berpusat. 43 buah laman web telah mula menggunakan platform UMCMS.

- **Penggantian sistem e-Journal** yang lama kepada sistem yang baru. Dalam projek ini 8,142 buah artikel jurnal daripada 55 buah Jurnal UM telah dipindahkan ke sistem baharu. Sistem e-Journal baharu ini mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi dan spesifikasi keperluan editor yang terkini. Dengan ini, visibiliti pensyarah dan artikel UM akan meningkat.
- **Penaiktarafan Sistem Permohonan Pendahuluan Diri dan Tuntutan Perjalanan Diri** melibatkan penambahbaikan aliran proses kerja serta integrasi dengan Sistem Kewangan SAP (Bendahari).
- **Pembangunan Sistem Permohonan Kenaikan Pangkat Akademik (SAPT)** untuk meningkatkan visibiliti dan prestasi kerja sedia ada. Sistem ini berjaya mempercepatkan permohonan kenaikan pangkat staf dan pemprosesan oleh pentadbir dan pengurusan. Antaramuka sistem yang mudah dan kemas meningkatkan visibiliti sistem ini. Sistem ini berjaya mencapai objektif iaitu meningkatkan prestasi kerja sedia ada.
- **Pembangunan Sistem Pengurusan Pengambilan Pelajar *Direct Intake*** untuk Fakulti Kejuruteraan. Sistem ini menyediakan fungsi untuk pemohon membuat permohonan, seterusnya kelulusan dan pengurusan surat tawaran oleh fakulti mengikut kriteria dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- **Pembangunan Sistem Pengurusan Pengambilan Pelajar Programe Eksternal** untuk Fakulti Undang-Undang bagi tujuan mengurangkan dan mempercepatkan proses kerja yang sebelum itu dilaksanakan secara manual.

Selain itu, dalam tahun 2017 PTM juga giat membangunkan aplikasi-aplikasi yang mempunyai nilai tambah komersial. Pembangunan sistem-sistem aplikasi seperti berikut dapat membantu universiti mempertingkatkan aktiviti penjanaan pendapatan:

- **Pembangunan Research Expert Management System (REMS)** untuk Universiti Taylors. Projek bernilai RM280,000 ini dibangunkan secara berfasa iaitu lima (5) fasa pembangunan. Fasa pertama telah pun dilancarkan di universiti tersebut pada 4 November 2017.
- **Pembangunan Sistem UMPoint** di mana sistem ini membolehkan pihak luar membuat tempahan fasiliti UM secara atas talian dan membuat bayaran menerusi kad kredit. Sistem tersebut juga diintegrasi sepenuhnya dengan sistem kewangan SAP. Selain itu, sistem ini juga membolehkan pemantauan pengunaan ruang atau fasiliti dilakukan secara sistematik.

**(d) Penambahbaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran**

Penambahbaikan berterusan ke atas platform e-Learning UM yang dikenali sebagai SPECTRUM. Sistem online ini mula diperkenalkan di UM semenjak dari 2005 dan kini merupakan sistem atas talian yang mempunyai kadar akses yang paling tinggi iaitu purata 15,000 pengguna aktif dan jumlah transaksi mencecah purata 2 juta sebulan bagi tahun 2017. Sistem yang berteraskan Moodle ini telah diubah suai oleh tenaga teknikal dalaman PTM dan diintegrasi sepenuhnya dengan Sistem Maklumat Pelajar dan *Single Sign ON.*

Peranan PTM dalam pelaksanaan aktiviti Minggu *e-Learning*. Minggu *e-Learning* adalah merupakan salah satu aktiviti projek *Business Continuity Management* peringkat UM yang dilaksanakan oleh pihak Pusat Penambahbaikan Akademik dan Pembangunan Kepimpinan (ADEC). Tujuan pelaksanaan adalah untuk menguji kesediaan sistem pembelajaran UM dari aspek kesediaan pengajar atau pensyarah, pelajar dan infrastruktur ICT dalam menghadapi sebarang bentuk risiko atau bencana yang mungkin akan menjejaskan sesi pengajaran dan pembelajaran sedia ada. Selain itu, aktiviti ini juga bertujuan untuk mempromosi penggunaan fungsi *e-learning tool* dan *online learning* kepada warga kampus.

Minggu e-Learning untuk peringkat kedua yang dilaksanakan dalam tahun 2017 melibatkan lapan (8) fakulti berbanding empat (4) fakulti pada Minggu *e-Learning* peringkat pertama pada tahun 2016. Bilangan pengguna pada Minggu *e-Learning* peringkat kedua adalah seramai 7,261 orang berbanding 2,821 orang pada peringkat pertama. Kapasiti tiga (3) buah komputer pelayan yang terlibat telah ditambah (iaitu 64 GB RAM untuk dua (2) buah komputer pelayan aplikasi dan 128 GB RAM untuk komputer pelayan pangkalan data). Penambahbaikan yang dikenalpasti ekoran

daripada galakan penggunaan modul interaktif *chat* dalam aplikasi SPECTRUM adalah keperluan mengasingkan *Chat server (Demon Chat)* ke server fizikal berasingan bagi membolehkan jumlah pengguna yang lebih besar menggunakan fasiliti tersebut.

Di samping itu, PTM melalui pasukan Multimedia juga memainkan peranan utama menyokong pihak ADEC dalam melaksanakan pembangunan kandungan kursus melalui platform *Massive Open Online Courses* (MOOC).

**(e) Mempertingkatkan aktiviti inovasi bagi tujuan menambah baik kaedah pengurusan sumber**

Budaya kerja mencari penyelesaian dan penambahbaikan proses kerja melalui aktiviti inovasi sudah sekian lama dipraktikkan di PTM dan ada di antara aktiviti tersebut yang mendapat pengiktirafan luar. Contohnya:

- PTM telah memenangi pingat emas bagi Sistem e-Convo pada tahun 2017 yang telah dipertandingkan dalam National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEX'17) di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah dan Innovative Research, Invention & Application Expo (IRIA 2017) bertempat di Universiti Utara Malaysia.
- Dua (2) sistem aplikasi yang dibangunkan oleh PTM untuk kegunaan dalaman Universiti telah berjaya dikomersialkan iaitu SPECTRUM yang kini diguna pakai oleh Universiti Pertahanan (UPNM) dan Research Expert Management System (REMS) atau lebih dikenali sebagai UMEXPERT, yang diguna pakai oleh Universiti Taylors

Sejajar dengan usaha mentransformasi pendidikan tinggi ke arah Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0), PTM memulakan Inisiatif Big Data@ PTM dengan tujuan untuk menyediakan *Enterprise Data Hub* untuk UM yang merangkumi *Analytics Platform for Multiple Metrics*, laporan visual untuk kegunaan Pengurusan dan mengembangkan kecekapan keupayaan manipulasi data di kalangan kakitangan.

Mulai 2017, usaha telah dijalankan bagi mewujudkan *framework* yang sama untuk mengintegrasikan persekitaran operasi dengan *Big Data analysis platform* sedia ada. Dengan itu, PTM juga telah mula meneroka untuk menubuhkan projek-projek kecil yang berkaitan dengan inisiatif *Internet of Things* (IOT). Sasaran semasa adalah untuk mempelajari kaedah menyediakan *testbed* yang boleh diurus untuk *intelligent processing platform of cross & inter functional structured and unstructured data* dari pelbagai sumber untuk menyokong operational decision making. Ini juga akan dijadikan asas untuk pelaksanaan *Smart Campus Ecosystem for UM*.

Di samping itu, PTM telah menjalin kerjasama dengan Bahagian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan Harta Benda (JPPHB) dan beberapa pakar penyelidikan dari Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Sains, UM dalam aktiviti berkaitan Analisa Data dan IoT. Antara aktiviti-aktiviti berkaitan yang telah dijalankan pada 2017 ialah:

- Kolaborasi dengan Fakulti Kejuruteraan, PTM dan PPHB berkenaan *Analysis of Electrical Data Usage*: *Power factor analysis in the Faculty of Engineering (Big Data Analytic*). Projek ini bakal menjadi asas kepada pengwujudan proses untuk mengenalpasti *average power factor* di setiap bangunan.
- Kolaborasi dengan Fakulti Kejuruteraan berkenaan Projek Khas: *Automate Electric Control: Modular Smart Energy Monitoring and Management System* di PTM *(Big Data Analytic*). Projek ini dilaksanakan bagi mengenalpasti kriteria minima untuk membangunkan *smart room*.
- Kerjasama dengan *Sustainability Science Research Cluster* untuk *Living Lab Project (LL026-16SUS): Working towards a Sustainable Means of Campus Transport.* Inisiatif *Living Lab* ini adalah bersinergi dengan inisiatif *Smart Sustainable Campus* dalam mengamalkan teknologi pintar untuk mempromosikan perkhidmatan trafik kampus yang lebih cekap, mampan dan mempunyai impak positif terhadap alam sekitar.
- Kolaborasi dengan syarikat Abyres Enterprise Technologies Sdn Bhd bagi mengadakan *Big Data Awareness Day 2017*. Bilangan peserta adalah seramai 55 orang yang terdiri daripada pelajar dan penyelidik UM. Hasilnya, PTM berjaya berhubung dengan lebih ramai penyelidik UM untuk usaha projek kolaborasi berkaitan *Big Data* dan *Data Analysis.*
- Kerjasama dengan Pusat Penyelidikan UM Power Energy Dedicated Advanced Centre (UMPEDAC) dalam melaksana kajian feasibiliti dan analisa kos bagi menentukan samada *konsep renewable energy* boleh dilaksana di bangunan baru PTM.
- Sesi *Transfer of Knowledge* (ToK) bersama Global Planning and Strategy Centre (PPSG) bagi mendapatkan idea berkaitan pelbagai teknik analisa data yang boleh digunapakai oleh pasukan Keselamatan ICT dalam proses menganalisa data-data yang dikumpulkan.

(f) **Perkhidmatan guna sama dan nilai tambah**

Sebanyak 105 aktiviti rakaman dan *webcast* serta 39 aktiviti *video conferencing* telah dilaksanakan oleh pasukan Multimedia PTM pada tahun 2017. Selain itu, PTM turut terlibat dalam pembekalan perisian Adobe Creative Cloud untuk staf dan pelajar UM melalui kontrak pusat Kementerian Pendidikan Tinggi yang mula berkuat kuasa pada Disember 2017. *Roadshow* dan hari terbuka yang bertujuan untuk mempromosi perisian Microsoft 365, perisian SAS dan Mathematica turut dilaksanakan oleh PTM untuk memastikan tahap penggunaan optima bagi perkhidmatan guna sama yang disediakan.

(g) **Pelaksanaan berterusan aktiviti pengukuran prestasi dan penganalisaan pencapaian**

Pelaksanaan berterusan aktiviti pengukuran prestasi dan penganalisaan pencapaian bagi tujuan penambahbaikan berterusan ke atas tahap perkhidmatan ICT telah dijalankan sepanjang tahun 2017.

Pemantauan berterusan ke atas aduan ICT melalui Sistem Helpdesk tahun 2017 telah dilaksanakan secara kerjasama dengan Jawatankuasa Pengguna ICT (JKPICT). Tiga (3) kategori penganalisaan telah dilaksanakan iaitu:

- Analisa kecapaian/ketidakcapaian objektif kualiti iaitu "Memastikan 80% aduan yang didaftarkan ke Sistem Helpdesk ICT diselesaikan dalam masa empat (4) hari bekerja (tidak termasuk aduan pengaturcaraan)" telah dilakukan dan didapati purata capaian objektif kualiti PTM sepanjang tahun adalah 88.7% iaitu melebihi sasaran 80% yang ditetapkan.
- Analisa bilangan aduan sepanjang tahun yang dijalankan telah membantu menyelesaikan masalah bilangan aduan tinggi ke atas Sistem eProcurement dan juga masalah WiFi dalam kalangan pelajar. Secara keseluruhan, berlaku penurunan bilangan aduan berkaitan sistem eProcurement sebanyak 40% pada tahun 2017 (1,745 aduan) berbanding pada tahun 2016 (2,971 aduan) dan 63% berbanding 2015 (4,748 aduan). Bagi masalah berkaitan WiFi pelajar juga berlaku penurunan bilangan aduan sebanyak 60% pada tahun 2017 (199 aduan) berbanding 2016 (491 aduan) dan 80% berbanding 2015 (1,018 aduan).
- Analisa kenaikan bilangan aduan bulanan yang abnormal turut dilakukan. Beberapa punca masalah yang menyumbang kepada kategori ini telah dikenal pasti yang melibatkan dua (2) sistem aplikasi utama iaitu Sistem *e-Learning* SPECTRUM dan juga sistem UMISIS - eRegistration For Undergraduate. Bagi sistem e-Learning SPECTRUM, penambahan infrastruktur server akan dilaksanakan bagi mengasingkan fungsi interaktif *chat* pada sesi 2018. Beberapa penambahbaikan juga akan dilaksanakan bagi sistem UMISIS – eRegistration. Antaranya, kawalan pendaftaran bagi subjek yang melebihi kapasiti yang ditetapkan, kajian semula oleh pihak CITRA ke atas proses pendaftaran kursus universiti tanpa had, semakan semula oleh Bahagian Akademik ke atas maklumat pra-syarat pada SPI pelajar, dan penyelesaian isu permohonan kolej kediaman secara atas talian oleh pihak kolej.

PTM turut melaksana proses penganalisaan kepuasan pelanggan melalui maklum balas pengguna bagi staf dan pelajar secara tahunan. Bagi tahun 2017, didapati isu yang dibangkitkan adalah selari dengan isu-isu yang telah dikenal pasti semasa proses penganalisaan aduan ICT melalui Sistem Helpdesk yang dinyatakan di atas. Soal selidik ICT terhadap pelajar mendapati 91.1% responden memberi *rating* antara sederhana (skor 3) sehingga sangat baik (skor 5) bagi perkhidmatan *network (fixed line),* sementara skor rendah bagi perkhidmatan *network* (WiFi) 76.5% adalah selaras dengan aktiviti proses penggantian *access point* yang masih dilaksanakan di kebanyakan lokasi.

### Jadual 5.16: Peratus Penilaian Pelajar Untuk Perkhidmatan ICT 2017

| Bil. | Perkhidmatan | Peratusan Penilaian |
|---|---|---|
| 1. | Network (Fixed line) | 91.1% |
| 2. | Network (WiFi) | 76.5% |
| 3. | Internet Access Speed (Outside server e.g. Google, Yahoo etc) | 85.1% |
| 4. | Helpdesk System | 92.4% |
| 5. | Student Portal (MyUM) | 95.3% |
| 6. | Student E-mail (SiswaMail) | 95.3% |
| 7. | Spectrum | 93.0% |
| 8. | Overall Rating of PTM Services | 90.5% |

(h) **Penjanaan pendapatan**

PTM turut meneroka pasaran dalam dan luar dengan menawarkan perkhidmatan dan produk Teknologi Maklumat. Ini membolehkan PTM menjana pendapatan, di mana sedikit sebanyak telah membantu mengurangkan kebergantungan kepada dana pusat. Dua (2) sumber pendapatan utama PTM adalah dari hasil kutipan caj minima Yuran ICT dan juga aktiviti komersialisasi.

Terdapat peningkatan dalam penjanaan pendapatan hasil dari aktiviti komersialisasi

berbanding dengan tahun-tahun sebelum. Usaha ini diteruskan dengan lebih giat bagi membantu meningkatkan tahap ketidakbergantungan kepada peruntukan Universiti di masa hadapan.

Hasil dari dua (2) sumber tersebut telah digunakan untuk menampung ketidakcukupan peruntukan OCAR tahunan yang telah berkurangan sebanyak lebih 50% semenjak tahun 2016 bagi menambah baik perkhidmatan ICT UM. Pendapatan kasar yang dijana melalui Tabung Yuran ICT (RM 2,700,526.00) dan aktiviti komersialisasi (RM 313,366.18) pada tahun 2017 adalah sebanyak RM 3,013,892.18.




**Rajah 5.6: Perbandingan penjanaan pendapatan mengikut tabung dari tahun 2014 sehingga 2017.**

### 5.3.3 Laporan Kewangan

Perbelanjaan bagi penyediaan dan penambahbaikan teknologi maklumat untuk UM adalah dibiayai menggunakan Peruntukan OCAR, Tabung Yuran ICT dan RMK-11. Perbelanjaan PTM menggunakan peruntukan dalaman iaitu OCAR dan Tabung Yuran ICT pada tahun 2017 adalah berjumlah RM 10,275,157.89 manakala perbelanjaan menggunakan peruntukan RMK-11 adalah berjumlah RM 1,812,923.96.



**Jadual 5.17: Perbelanjaan PTM menggunakan Peruntukan OCAR, Tabung Yuran ICT & RMK-11.**

| Bil. | Jenis Perolehan/Perbelanjaan | OCAR 2017 (RM) | Tabung Yuran ICT (RM) | RMK11 (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Naik taraf *network access switch, tranceiver, HA Server farm switch,fibre optic* dan naik taraf rak rangkaian | - | 1,451,927.60 | - |
| 2. | Penyelenggaraan rangkaian (kelengkapan rangkaian, internet) Kampus Utama | 2,430,925.24 | - | - |
| 3. | Rangkaian internet kampus cawangan dan lain-lain | 609,332.76 | - | - |
| 4. | Penyenggaran lesen peralatan dan penyenggaraan perkakasan rangkaian | 650,359.81 | - | - |
| 5. | Penyelenggaraan Pusat Data (pelayan, pelanjutan waranti) | 802,107.26 | - | - |
| 6. | Perbelanjaan tambahan *on-site support* dan perkakasan Tape (bagi *offline backup)* untuk kegunaan sistem-sistem sedia ada | - | 93,704.00 | - |
| 7. | Infrastruktur Pusat Data baharu | - | - | 1,812,923.96 |
| 8. | Keselamatan ICT (Langganan lesen) | 355,618.40 | 53,000.00 | - |
| 9. | Selenggara lesen perisian untuk pengajaran dan pembelajaran | - | 375,982.00 | - |

| Bil. | Jenis Perolehan/Perbelanjaan | OCAR 2017 (RM) | Tabung Yuran ICT (RM) | RMK11 (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 10. | Emolumen 10 staf kontrak (pindahan ke Tabung Emolumen mengikut tahun kontrak minima 2 tahun utk pelbagai projek (purata RM 509,360 setahun)<br>4 Sistem Maklumat Pelajar<br>2 Sistem e-Learning<br>3 Multimedia<br>1 Laman sesawang UM | - | 1,443,308.08 | - |
| 11. | Lesen platform Sitefinity | 147,022.00 | 279,043.47 | - |
| 12. | Lain-lain (pembelian CCTV dan penyelenggaraan, komputer riba, peralatan multimedia dan lain-lain selenggara lesen) | 194,777.27 | - | - |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **5,190,142.74** | **3,696,965.15** | **1,812,923.96** |

# 06

# PENDAFTAR

# 6.1 Laporan Pendaftar



**Encik Yusoff Musa**



**Persekitaran dunia yang semakin dinamik dan kompleks pada masa kini menuntut iltizam dan dedikasi yang tinggi kepada Jabatan Pendaftar untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pemegang taruh dan pelanggan. Ekspektasi yang semakin meningkat dan keperluan berurusan dengan pelbagai spektrum pelanggan secara berkesan memerlukan Jabatan Pendaftar untuk sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti. Jabatan Pendaftar perlu sentiasa kreatif dan berinovasi serta mencari ruang penambahbaikan dari semasa ke semasa demi memastikan penyampaian perkhidmatan sentiasa relevan dengan situasi semasa.**

Seiring dengan kemajuan pembangunan teknologi, perkembangan pendidikan era kini dan situasi kewangan masa kini, Jabatan Pendaftar sentiasa mengkaji dan menambah baik sistem dan operasi supaya seiring dengan kemajuan negara.

Justeru itu, pada 15 hingga 16 Ogos 2017 bertempat di Sunway Resort Hotel & Spa, UM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) untuk kali ke-3 telah berjaya menganjurkan Persidangan Kepimpinan dan Governan dengan tajuk *'Redesigning Education towards Financially Sustainable Universities'.*

Topik kelestarian dan kemapanan kewangan universiti dipilih sebagai tema persidangan kali ini berdasarkan prospek dan platform luas yang boleh dimanfaatkan bagi berkongsi buah fikiran dalam mengupas isu dan cabaran yang dihadapi. Penganjuran pada kali ini telah berjaya menarik seramai 235 peserta yang terdiri daripada Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Ahli LPU, Naib Canselor, Presiden, Timbalan-Timbalan Naib Canselor (TNC), Pensyarah dan Pegawai-Pegawai Kanan Institusi Pengajian Tinggi (Awam, Swasta dan ASEAN) termasuk wakil dari KPT, AKEPT, sekretariat UM dan panel. Persidangan ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi. Secara keseluruhannya, persidangan kali ini telah berjaya menarik lebih ramai (hampir sekali ganda) penyertaan berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Selain itu, dalam menjamin kelestarian kepimpinan pengurusan UM agar tidak ketandusan pemimpin pada masa hadapan, Unit Pelan Penggantian (UPP), Jabatan Pendaftar sentiasa berusaha untuk memastikan proses mengenal pasti dan membangunkan bakat ditingkatkan dan ditambah baik bagi tujuan merealisasikan pencapaian hasrat ini. Sehubungan itu, program-program pembangunan pegawai yang berpotensi telah dilaksanakan secara berterusan sepanjang tahun 2017. Pengisian program yang dijalankan dapat membantu mereka dalam pembangunan kompetensi kepimpinan, kompetensi teknikal/fungsian serta meningkatkan perkembangan kerjaya.

**Jadual 6.1: Program-program pembangunan pegawai yang berpotensi yang dijalankan oleh Unit Pelan Penggantian**

| Bil. | Nama Program | Objektif Program |
|---|---|---|
| 1. | Bengkel Employee Development Plan (EDP) Siri 1,2,3/2017 | • Mengenal pasti kompetensi staf sedia ada;<br>• Mengenal pasti matlamat perancangan jangka pendek dan jangka panjang pembangunan staf;<br>• Membincangkan cabaran berkaitan dengan perancangan pembangunan individu; dan<br>• Menyedia serta membangunkan perancangan pembangunan individu secara berstruktur dan sistematik. |
| 2. | Bengkel Pembangunan Sumber Manusia | • Membincangkan kertas cadangan Dasar/Garis Panduan Pusingan Kerja bagi staf Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik) Skim Pegawai Tadbir;<br>• Mengemas kini Dasar/Garis Panduan Cuti Belajar, Program Sangkutan dan Pinjaman ke agensi lain;<br>• Membincangkan kertas cadangan pelaksanaan program *Coaching and Mentoring*;<br>• Membincangkan perancangan pelan latihan dan pembangunan staf; dan<br>• Pembentangan berhubung dengan cadangan penjimatan dan penjanaan pendapatan Jabatan Pendaftar. |
| 3. | *Leadership Talent Assessment (LTA)* | • Menilai dan mengenal pasti potensi himpunan bakat;<br>• Mengenal pasti jurang kepimpinan;<br>• Mengenal pasti bakat utama pegawai;<br>• Membangunkan pelan penggantian individu; dan<br>• Membangunkan struktur program kepimpinan |
| 4. | Bengkel Pembangunan Berdasarkan Struktur Berkebolehan (CUDBAS) | • Memperkenalkan kurikulum Program Pembangunan Berdasarkan Struktur Berkebolehan (CUDBAS); mengenal pasti keperluan latihan; dan<br>• Menggunakan CUBDAS bagi mengenal pasti keperluan pembangunan staf. |

Usaha penambahbaikan pakaian seragam juga diteruskan apabila Bahagian Pentadbiran Pendaftar (BPP) memperkenalkan reka bentuk dan spesifikasi pakaian seragam baharu bagi menggantikan jenis pakaian sedia ada, baju putih seluar biru tua kepada baju biru muda seluar hitam. Pemakaian pakaian seragam ini melibatkan staf seramai 567 orang dari sembilan (9) kategori skim jawatan berkuat kuasa pada bulan Januari tahun 2018. Usaha ini diharapkan dapat memberi nilai tambah kepada penyampaian perkhidmatan Universiti melalui peningkatan motivasi berkerja sekaligus memberi imej dan persona baru kepada imej Universiti.

BPP turut menganjurkan karnival Pra Konvokesyen Universiti Malaya 2017 (CARPRECON) bagi memeriahkan minggu pengambilan jubah graduan. Minggu pengambilan jubah graduan ini akan diadakan seminggu sebelum Istiadat Konvokesyen berlangsung. CAPRECON yang dianjurkan dengan kerjasama Syarikat Tetradynamic Supplies & Services Sdn Bhd (TETRA) menjemput syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa untuk pameran kerjaya dan usahawan-usahawan yang telah berjaya dalam memasarkan produk dan perkhidmatan mereka. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang karnival ini berlangsung adalah:

(a) Sesi Bual Bicara

- *Redefining Arts in Technologies* - Raden Era FM
- *Alumni UM Ambassador* - Dato' Dr. Hj Mohd Fadzilah Kamsah
- *Alumni UM Ambassador* – Encik Charles Mohan
- Bicara Keusahawanan – wakil Dari Syarikat PINBA
- Bicara Keusahawanan - Dato' S. Gopinanth, *Rakyat Group of Companies*
- *Bicara Kerjaya - Mr. Chari TVT, Board Committee Member, Dialog Axiata PLC*

(b) Sesi Pertandingan

- The Apprentice Contest
- Doodle Art Contest

Selain itu, satu mekanisme kawalan kos selaras dengan matlamat universiti bagi meningkatkan penjimatan dalam belanja mengurus telah dijalankan oleh BPP. Antaranya adalah untuk melaksanakan pembekalan alat tulis secara berpusat telah dilakukan mulai tahun 2017. Pembekalan secara berpusat adalah bertujuan untuk mengelakkan urusan perolehan secara pecahan kecil dan selaras dengan transformasi Perbendaharaan sebagai langkah penjimatan dan mengoptimumkan perbelanjaan.

Dalam usaha memastikan keselamatan kampus sentiasa terjamin, Pejabat Keselamatan sentiasa merancang penambaikan sistem rondaan dan kawalan keselamatan di dalam kampus bagi memastikan kadar kes jenayah menurun setiap tahun dan menjadikan kawasan kampus adalah selamat kepada warga kampus. Perkara ini telah menampakkan perubahan positif apabila statistik kes jenayah di dalam kampus bagi tahun 2017 telah menurun kepada 93 kes berbanding 99 kes pada tahun 2016.

Pejabat Keselamatan juga telah melaksanakan 31 kali operasi yang merangkumi operasi pemeriksaan pelekat, pas pekerja sementara, pemeriksaan kenderaan, pemeriksaan pekerja asing dan lain-lain. Operasi-operasi yang dijalankan ini adalah bagi membanteras ancaman jenayah serta memastikan keselamatan warga kampus terjamin. Bagi meningkatkan lagi mutu kawalan keselamatan, Pejabat Keselamatan telah membeli dua (2) buah kereta dan dua (2) buah motosikal peronda mengikut spesifikasi Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tujuan rondaan dan iringan VVIP di dalam kampus. Ini merupakan aspek yang penting ketika rondaan kerana kenderaan yang berlogo polis dan mempunyai lampu mata arah (*beacon light)* mampu menarik perhatian warga kampus dan kehadiran anggota polis bantuan lebih disedari di dalam kampus. Pembelian kenderaan ini juga dilihat mampu menjadikan imej Polis Bantuan UM setanding dengan Universiti Awam lain.

Seramai 25 anggota keselamatan telah berjaya mengikuti kursus Latihan Asas Polis Bantuan selama sembilan (9) minggu sejak 24 September 2017 di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur dan Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Air Hitam, Jempol, Negeri Sembilan. Pada tahun 2017 juga, seramai 30 anggota keselamatan telah mengikuti Kursus Asas Siasatan Jenayah bagi menambah kemahiran dan memahami prinsip siasatan serta aspek perundangan agar siasatan yang dibuat adalah kemas dan dan mengikut undang-undang. Selain itu, Pejabat Keselamatan juga telah menjemput anggota Trafik dari IPD Brickfields untuk memberikan taklimat berkaitan pengurusan trafik dan tatacara kawalan trafik mengikut kaedah PDRM kepada anggota keselamatan UM.

Pejabat Keselamatan dan Kesihatan (OSH) sentiasa menyumbang ke arah usaha meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan melalui pembangunan kurikulum dan program latihan untuk pekerja, majikan dan mereka yang bertanggungjawab, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan menjalankan pelbagai latihan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di UM. OSH kini sedang menyediakan Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MKKP) yang melibatkan semua aktiviti kerja atau proses kerja yang dijalankan untuk dijadikan rujukan. Kempen kesedaran MKKP juga telah diadakan untuk menghebahkan kepada warga kampus tentang kepentingan manual ini dan keperluan-keperluan yang berkaitan dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang perlu dipatuhi oleh semua warga Universiti Malaya. Secara keseluruhan kempen ini berjalan dengan lancar dengan komitmen dari setiap PTj.

OSH juga sedang menambah baik Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan mengikut keperluan perundangan di bawah Seksyen 16, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Pindaan ini dibuat untuk menetapkan prinsip yang akan digunakan dalam merancang, membangun, melaksana dan menambah baik program dan aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan di UM. OSH juga berjaya menganjurkan sebanyak sepuluh (10) kursus kepada staf UM seperti berikut:

**Jadual 6.2: Kursus Anjuran Pejabat Keselamatan dan Kesihatan**

| Bil. | Nama Kursus | Bilangan Peserta |
|---|---|---|
| 1 | Kursus Kad Hijau CIDB | 29 |
| 2 | Kursus Keselamatan Elektrik | 37 |
| 3 | Kursus *Understanding, Evaluating and Implementing Effective HIRARC at Workplace* | 31 |
| 4 | Kursus Pemantapan Pemeriksa Premis Makanan | 30 |
| 5 | Kursus HIRARC untuk Makmal | 36 |
| 6 | Kursus Pasukan Keselamatan Kebakaran | 41 |
| 7 | Kursus Pengenalan dan Pengendalian HAZMAT | 36 |
| 8 | Kursus Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) | 35 |
| 9 | *Refresher Course* Peperiksaan Semula Pengapit *Chemical Health Risk Assessment* (CHRA) | 5 |
| 10 | Chemical Spill Drill | 19 |

Selain itu, OSH telah dijemput untuk menjalankan pameran mengenai KKP semasa UM EduCarnival pada 17-18 Mac 2017 dan Festival Konvokesyen Universiti Malaya (FESKUM) 2017 pada 21- 24 Oktober 2017. Pameran semasa FESKUM telah dijayakan dengan kerjasama beberapan agensi antaranya Suruhanjaya Tenaga, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Kementerian Kesihatan Malaysia.

## 6.2 Pembangunan Sumber Manusia

### 6.2.1 Perjawatan

Pada tahun 2017, statistik keseluruhan kakitangan UM menurun kepada 5,640 orang berbanding 5,718 orang kakitangan pada tahun 2016. Bilangan ini meliputi 2,046 orang kakitangan akademik (36.3%) dan 3,594 orang kakitangan pentadbiran (63.7%). Daripada jumlah keseluruhan kakitangan akademik, seramai 198 orang (9.7%) merupakan kakitangan antarabangsa. Bagi kakitangan pentadbiran pula, seramai 730 orang (20.3%) adalah Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan selebihnya, iaitu 2,864 orang (79.7%) merupakan Kumpulan Pelaksana.

**Jadual 6.3: Statistik kakitangan akademik mengikut jawatan dan taraf lantikan**

| Bil. | Jawatan | Tetap | Kontrak* | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Profesor Ulung | - | 2 | 2 (0.1%) |
| 2 | Profesor | 191 | 68 | 259 (12.7%) |
| 3 | Profesor Madya | 362 | 36 | 398 (19.5%) |
| 4 | Pensyarah Farmasi Gred DUF 45/51/52/53/54 | 8 | 1 | 9 (0.4%) |
| 5 | Pensyarah Pergigian Gred DUG 51/52/53/54 | 29 | 6 | 35 (1.7%) |
| 6 | Pensyarah Perubatan Gred DU 51/52/53/54 | 187 | 23 | 210 (10.3%) |
| 7 | Pensyarah Universiti Gred DS 45/51/52/53/54 | 608 | 336 | 944 (46.1%) |
| 8 | Pensyarah Pelatih | 31 | - | 31 (1.5%) |
| 9 | Felo Penyelidik | - | 21 | 21 (1.0%) |
| 10 | Felo Penyelidik Kanan | - | 9 | 9 (0.4%) |
| 11 | Felo Penyelidik Prinsipal | - | 1 | 1 (0.1%) |
| 12 | Penyelidik Bersekutu | - | 1 | 1 (0.1%) |
| 13 | Guru Bahasa | 56 | 52 | 108 (5.2%) |
| 14 | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan | 2 | 16 | 18 (0.9%) |
| **Jumlah** | | **1,474 (72.0%)** | **572 (28.0%)** | **2,046 (100%)** |

(Sumber data: iHRIS)
*Catatan: Kontrak termasuk Kontrak Selepas Bersara, Sementara dan Pelawat.

**Jadual 6.4: Statistik kakitangan pentadbiran**

| Bil. | Jawatan | Tetap | Kontrak* | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Pengurusan dan Profesional | 436 | 294 | 730 (20.3%) |
| 2 | Pelaksana | 2,655 | 209 | 2,864 (79.7%) |
| **Jumlah** | | **3,091 (86.0%)** | **503 (14.0%)** | **3,594 (100%)** |

(Sumber data: iHRIS)
Catatan: Kontrak termasuk Kontrak Selepas Bersara, Sementara dan Pelawat.

**Jadual 6.5: Statistik kakitangan yang meninggalkan perkhidmatan universiti.**

| Bil. | Jawatan | Bilangan Kakitangan | Peratusan (%) |
|---|---|---|---|
| 1 | Bersara (Paksa, Pilihan dan Perubatan) | 123 orang | 47.3 |
| 2 | Peletakan jawatan | 121 orang | 46.5 |
| 3 | Pelepasan dengan izin | 4 orang | 1.5 |
| 4 | Meninggal dunia | 12 orang | 4.7 |
| **Jumlah** | | **260 orang** | **100%** |

(Sumber data: iHRIS)

## 6.2.2 Latihan, Kursus dan Pembangunan Kakitangan

Program latihan bertujuan menyediakan pelapis kepada tenaga akademik seperti Program Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) terus dijalankan. Seramai 95 (SLAB atau SLAI) sedang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Klinikal di dalam dan luar negara. Seramai 53 kakitangan lantikan tetap sedang mengikuti pengajian untuk ijazah lanjutan di bawah Program Hadiah Latihan Cuti Belajar (HLCB).

**Jadual 6.6: Statistik Calon Hadiah Latihan Cuti Belajar (HLCB)/Latihan Akademik Bumiputera (SLAB)/Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) yang masih dalam pengajian**

| Bil. | Jawatan | Bilangan Kakitangan |
|---|---|---|
| 1 | Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) | 40 |
| 2 | Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) | 45 |
| 3 | Hadiah Latihan Cuti Belajar | 9 |
| 4 | Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa | 35 |
| 5 | Cuti Belajar Tanpa Gaji | 1 |
| 6 | Cuti Belajar Bergaji Penuh | 1 |
| 7 | Hadiah Latihan Persekutuan | 17 |
| **Jumlah** | | **148** |

Perancangan latihan dan pembangunan staf tahun 2017 telah memberikan penekanan melalui penganjuran kursus yang memfokuskan kepada pelaksanaan *Training Needs Identification and Analysis* (TNI/TNA) yang dijalankan pada tahun 2016. Sejumlah 73 kursus telah dijalankan yang merangkumi tiga (3) aspek utama iaitu kemajuan diri, kemahiran dan pengetahuan tugas staf.

**Jadual 6.7: Kursus Dalaman**

| Bil. | Jawatan | Bilangan Peserta | Kumpulan Kategori |
|---|---|---|---|
| 1 | Pengurusan Rekod dan Sistem Fail | 45 | Terbuka |
| 2 | Pengurusan Masa, Stres dan Amarah | 53 | Terbuka |
| 3 | SEFT *Therapy* | 52 | Terbuka |
| 4 | Menjana Kreativiti dan Inovasi | 47 | Terbuka |
| 5 | Pengurusan Khidmat Pelanggan Berkesan (Kaunter & Telefon) | 36 | Terbuka |
| 6 | Microsoft Excel 2013 (Pertengahan) | 31 | Terbuka |
| 7 | Microsoft Word 2013 (Pertengahan) | 29 | Terbuka |
| 8 | Kemahiran Penyeliaan Berkesan | 40 | Pengurusan dan Profesional |
| 9 | Kreativiti Pekerja Luar Biasa | 44 | Terbuka |
| 10 | Pengacaraan dan Teks Pengacaraan Majlis | 27 | Terbuka |
| 11 | *Dealing with 7 Deadly Wastes in your Organization (P&P)* | 20 | Pengurusan dan Profesional |
| 12 | Ms Excel Tools | 30 | Terbuka |
| 13 | Jom Jadi Kreatif dan Produktif | 25 | Terbuka |
| 14 | Terapi Keibubapaan | 53 | Terbuka |
| 15 | Penulisan Surat Rasmi, Kertas Kerja dan Laporan | 18 | Terbuka |
| 16 | Penggunaan Gmail | 27 | Terbuka |
| 17 | Komunikasi Berkesan menggunakan Nlp | 35 | Terbuka |
| 18 | Presentation using Prezi | 28 | Pengurusan dan Profesional |
| 19 | Personaliti dan Karakter Unggul | 46 | Terbuka |
| 20 | Setiausaha Apc | 29 | Pelaksana |
| 21 | Microsoft Powerpoint 2013 (Pertengahan) | 27 | Terbuka |
| 22 | Google Sketch Up | 29 | Terbuka |
| 23 | Anda dan 24 Jam | 36 | Terbuka |
| 24 | Pengurusan Majlis, Protokol & Etiket Sosial | 29 | Terbuka |
| 25 | *Disability Equality Training* | 30 | Terbuka |
| 26 | Jom Sihat Dan Cergas | 49 | Terbuka |
| 27 | Pengurusan Risiko Peribadi & Pekerjaan | 267 | Terbuka |
| 28 | Transformasi Keperibadian Kendiri | 27 | Terbuka |

| Bil. | Jawatan | Bilangan Peserta | Kumpulan Kategori |
|---|---|---|---|
| 29 | Pemandu Hebat dan Profesional | 30 | Terbuka |
| 30 | Pemantapan Pengurusan Perolehan dan Pembayaran Pembekal | 56 | Terbuka |
| 31 | Pemerkasaan Pentadbiran Pejabat | 29 | Terbuka |
| 32 | Adobe Photoshop | 28 | Terbuka |
| 33 | Pengurusan Wasiat & Hibah | 146 | Terbuka |
| 34 | Sesi Perkongsian Ilmu Pembentangan Slaid Bersama Timbalan Naib Canselor (Antarabangsa & Akademik) | 35 | Pengurusan dan Profesional |
| 35 | Dunia Diburu, Akhirat Dikejar dan Semangat Bekerja di Bulan Ramadhan | 456 | Terbuka |
| 36 | Rahsia solat : Hikmah Dunia Diraih, Nikmat Syurga Menanti | 259 | Terbuka |
| 37 | Audit Solat | 212 | Terbuka |
| 38 | Microsoft Project 2013 | 17 | Terbuka |
| 39 | Pemantapan Pengurusan Hasil | 48 | Terbuka |
| 40 | Microsoft Visio 2013 (Asas/Pertengahan) | 24 | Terbuka |
| 41 | Pengurusan Masa, Stres Dan Amarah | 46 | Terbuka |
| 42 | *Jadi Boss Awesome* | 16 | Terbuka |
| 43 | Personaliti dan Karakter Unggul (Nilam Puri) | 50 | Terbuka |
| 44 | Serlahkan Potensi Diri Anda | 55 | Terbuka |
| 45 | Jom Jadi Kreatif dan Produktif | 38 | Terbuka |
| 46 | Taklimat Kesedaran mengenai Pinjaman Wang Berlesen (Ahlong) | 200 | Terbuka |
| 47 | Bengkel Pengendalian dan Penyelenggaraan Mikroskop | 35 | Terbuka |
| 48 | Microsoft Excel 2013 (Lanjutan) | 31 | Terbuka |
| 49 | CPR dan Pertolongan Cemas | 52 | Terbuka |
| 50 | Aplikasi Pemikiran Luar Biasa | 33 | Terbuka |
| 51 | Keselamatan ICT | 18 | Terbuka |
| 52 | PR dan Anda | 42 | Terbuka |
| 53 | Microsoft Office 365 | 26 | Terbuka |
| 54 | Kepimpinan Magnetik | 50 | Pengurusan dan Profesional |
| 55 | Pengurusan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja | 35 | Terbuka |
| 56 | MS Publisher | 29 | Terbuka |
| 57 | Kemahiran Mendengar & Berfikir Dengan Teknik Nlp | 34 | Terbuka |
| 58 | Kempen Kesedaran Kanser Payu Dara | 126 | Terbuka |
| 59 | MS Excel Dashboard & Vba | 29 | Pengurusan dan Profesional |
| 60 | Pemantapan Pengurusan Pembayaran | 52 | Terbuka |
| 61 | Khidmat Pelanggan Berkesan | 38 | Pelaksana |
| 62 | Mengalih Minda Negatif | 193 | Terbuka |
| 63 | *SEFT Therapy* | 33 | Terbuka |
| 64 | *Project Management* | 35 | Pengurusan dan Profesional |
| 65 | Jom Jadi Sihat & Ceria | 62 | Terbuka |
| 66 | Microsoft Word 2013 | 24 | Terbuka |
| 67 | Microsoft Office 365 | 30 | Terbuka |
| 68 | Keseronokan Bekerja | 47 | Terbuka |
| 69 | Penulisan Surat Rasmi, Emel, Kertas Kerja dan Laporan | 25 | Pelaksana |
| 70 | Terapi Keibubapaan | 31 | Terbuka |
| 71 | Kreativiti Menyelesaikan Masalah | 35 | Terbuka |
| 72 | *Managing Multigenerational Gap and Diversity* | 70 | Pengurusan dan Profesional |
| 73 | MS Powerpoint (Lanjutan) | 24 | Terbuka |
| **Jumlah** | | **4,193 orang** | |

Pada tahun 2017, peruntukan latihan yang disalurkan untuk latihan dan pembangunan staf kepada Seksyen Latihan dan Pembangunan Staf (STanD) berjumlah RM400.00.00. Jumlah ini jauh berkurangan jika dibandingkan peruntukkan yang diberikan pada tahun 2016 iaitu sebanyak RM700.000.00. Disebabkan pengurangan peruntukan untuk latihan, dasar latihan empat (4) hari setahun telah dikaji semula dan diubah kepada tiga (3) hari setahun untuk staf menghadiri kursus. Secara keseluruhan kursus yang dianjurkan oleh STanD, 63% daripadanya adalah kursus fungsian.

Sasaran yang ditetapkan agar 70% staf menghadiri kursus tiga (3) hari telah tercapai dengan jumlah 75.25%.

Pada masa ini, kursus yang dilaksanakan bersifat generik dan terbuka untuk semua staf. Pengurusan Universiti telah menetapkan sasaran baru dalam merangka pembangunan staf agar dapat mempertingkatkan kemajuan diri seiring arus peredaran masa, justeru STanD telah merangka sistem latihan baharu yang memberi penekanan terhadap kursus berdasarkan fungsi setiap gred dan jawatan, dan pembangunan staf. Pelaksanaan perancangan ini dijangkakan pada tahun 2018. Perancangan ini selaras dengan hasrat universiti dalam memacu kecemerlangan seiring hasrat menjadi antara 100 universiti terbaik di dunia

Model Pelan Pembangunan Kompetensi Universiti Awam (PPKUA) yang diinisiatifkan oleh Jawatankuasa Latihan Universiti-universiti Awam Malaysia (JALUMA) dijadikan rujukan untuk pelaksanaan latihan yang khusus kepada peningkatan fungsian jawatan pada tahun 2018. Kesinambungan ini menjadi wadah baru dalam membangunkan bakat-bakat universiti dan Bahagian Sumber Manusia bukan sekadar menjadi platform memberi perkhidmatan kepada warga universiti, sebaliknya melatih staf agar sentiasa menepati kehendak pasaran.

Bagi menilai pelaksanaan kursus yang dirancang dan dilaksanakan oleh STanD, modul Kirk Patrick (*Level 1 - Reaction & Level 2 - Learning*) digunakan untuk memastikan pencapaian kerja staf yang menghadiri kursus meningkat. Selain itu, STanD turut merancang pada tahun 2019 untuk mengaplikasikan Modul Kirkpatrick *Level 3 - Behaviour* bagi kursus-kursus yang boleh dilakukan penilaian keberkesanan dan melihat *Return of Investment* (ROI) kepada universiti.

Sebanyak tujuh (7) skim utama telah dikenal pasti bagi perancangan kursus fungsian pada tahun 2018 dan ini merangkumi 2685 staf kumpulan bukan akademik. Tujuh (7) skim tersebut adalah Skim N (Pentadbiran), J (Kejuruteraan), F (Teknologi Maklumat), S (Sosial), W (Kewangan), C (Sains) dan Q (Penyelidikan). Kajian dan pengumpulan data telah dijalankan dan inisiatif pelaksanaannya akan dijalankan pada tahun 2018. Penganjuran kursus fungsian ini dapat memberi impak yang besar dalam pembangunan staf dan ini dapat dimanfaatkan oleh bakat-bakat universiti.

Selain kursus yang dianjurkan oleh pihak STanD, warga universiti diberi peluang untuk mengikuti kursus anjuran luar dan impaknya dapat menyumbang kepada peningkatan diri dan univeristi. Bagi tahun 2017, sebanyak 448 permohonan telah diluluskan bagi staf yang mengikuti kursus anjuran luar. Dalam mendepani arus kewangan yang kritikal, pihak Universiti tetap memberi penekanan yang serius dalam pembangunan staf. Justeru keperluan latihan di luar kampus yang dianjurkan oleh agensi kerajaan atau swasta tetap diberi keutamaan untuk staf menghadirinya berdasarkan keterdesakan keperluan di jabatan.

Seperti kebiasaan pada tahun-tahun sebelum ini, pihak STanD tetap menitikberatkan latihan bukan sahaja kepada bakat yang memacu universiti, malah juga turut sama memberi pendedahan kepada kumpulan staf yang akan bersara pada tahun semasa. Pada tahun ini, kursus Pra-Persaraan dihadiri oleh beberapa ahli kumpulan tertinggi universiti dan pastinya jasa bakti mereka tidak akan terpadam dan perkongsian bersama sewaktu menjalankan program tersebut terpahat di hati warga universiti yang mengakhiri khidmatnya pada tahun 2017.

Keberadaan STanD bukan sahaja melatih dan memberikan kursus prapersaraan kepada warga universiti, sebaliknya turut mengambil cabaran dengan menganjurkan Bengkel PT3 dan SPM kepada anak-anak di sekitar Lembah Klang yang akan menduduki peperiksaan tersebut. Impak ini bukan sahaja mencetuskan satu fenomena baru kepada peserta terlibat tetapi juga dapat memupuk rasa cinta pandang pertama untuk melangkahkan kaki ke UM. Peluang melihat sendiri persekitaran universiti dan memperkenalkan kedudukan UM kepada peserta seterusnya dapat menanam impian agar menjadi sebahagian daripada pelajar UM kelak.

## 6.3 Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya 2017

Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya kali ke-57 telah berlangsung selama empat (4) hari bermula 21 hingga 24 Oktober 2017 di Dewan Tunku Canselor. Istiadat Konvokesyen pada kali ini telah menyaksikan pelantikan semula YBhg. Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob sebagai Pro-Canselor UM.

Seramai 631 graduan Ijazah Doktor Falsafah termasuk seorang Anugerah Aegrotat, 11 graduan Ijazah Doktor Kesihatan Awam, dua (2) graduan Ijazah Doktor Kesihatan Awam Pergigian, seorang graduan Ijazah Doktor Perubatan, 1,795 graduan Ijazah Sarjana dan 2,427 graduan Ijazah Sarjana Muda telah menerima ijazah masing-masing. Jumlah keseluruhan penganugerahan ijazah adalah seramai 4,867 graduan.

Pada tahun ini, UM telah menganugerahkan anugerah Ijazah Kehormat kepada dua (2) orang tokoh ternama iaitu Ijazah Kehormat Doktor Kemanusiaan kepada YBrs. Profesor Anthony Crothers Milner dan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada YBhg. Tan Sri Dato' Lee Shin

Cheng. Gelaran Profesor Emeritus pula telah dianugerahkan kepada dua (2) orang tokoh akademik, iaitu YBhg. Datuk Dr. Zainal Kling dan YBrs. Dr. Lin Hai Peng.

Anugerah Pelajaran DiRaja pada kali ini dianugerahkan kepada dua orang pelajar cemerlang dalam program Ijazah Sarjana Muda iaitu Nur Hana Mohamed Ariffin dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, dan Saudara Loh Chee Keen dari Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran.









## 6.4 *Staff Engagement and Social Event*

Staff Engagement and Social Event (SENSE) telah ditubuhkan oleh Jabatan Pendaftar pada tahun 2014 sebagai usaha pelaksanaan tanggungjawab khidmat sosial. Aktiviti-aktiviti SENSE adalah melibatkan program kebajikan, kesukarelawanan dan kemasyarakatan.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:

(a) Kejohanan Futsal Piala Pusingan Pendaftar Edisi Ke4, 2017 anjuran SENSE dengan kerjasama Kelab Sukan Kakitangan UM (KESKUM) telah diadakan pada 4 November 2017 bertempat di Gelanggang Futsal, Gimnasium 2 Pusat Sukan, UM. Penganjuran ini diharap dapat mengeratkan jalinan hubungan antara staf UM dengan lebih muhibbah dan harmoni, menerapkan gaya hidup sihat bagi memupuk semangat kesukanan dan meningkatkan prestasi kerja.

(b) Pada 26 September 2017, satu lawatan Kerja Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pejabat di Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Bangi dan Suruhanjaya Tenaga (ST) di Putrajaya telah dianjurkan oleh SENSE. Seramai 21 orang telah menyertai sesi taklimat dan lawatan yang diadakan di NIOSH dan ST.

Para peserta diberikan pendedahan akan peranan NIOSH dalam memperkasakan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) di Malaysia. Oleh kerana latar belakang peserta adalah terdiri daripada kalangan kakitangan pejabat, maka fokus utama lawatan adalah memberi kesedaran bahawa kakitangan pejabat juga terdedah kepada risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan kerana kebanyakannya bekerja secara statik di ruang kerja dalam tempoh masa yang lama.

Lawatan ke Bangunan Suruhanjaya Tenaga di Presint 2, Putrajaya, telah membuka satu lembaran di luar kotak kebiasaan peserta. Dikenali sebagai Bangunan Berlian yang telah mendapat penganugerahan sebagai Inisiatif Bangunan Hijau di Malaysia serta pengiktirafan tertinggi ASEAN Energy Award dari ASEAN Centre for Energy, aplikasi pembangunan mampan yang menimbang tara aspek penjimatan dan penggunaan tenaga mampu mewujudkan suasana kerja yang kondusif dan harmoni.

Pada keseluruhannya, lawatan kerja ini amat bermanfaat dalam menambah baik amalan kerja yang mengutamakan keselamatan dan kesihatan di kawasan persekitaran tempat kerja. Lanjutan daripada itu, melalui Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Pendaftar telah melaksanakan pemeriksaan keselamatan di tempat kerja secara berkala bagi setiap Bahagian di Jabatan Pendaftar.

(c) Sempena sambutan Aidiladha, SENSE telah menganjurkan Program Barkah Qurban dan Aqiqah pada 4 September 2017 di Akademi Pengajian Islam UM yang menggunakan pendekatan "Pengorbanan Meraih Keberkatan". Program ibadah qurban dan aqiqah tersebut telah disempurnakan dengan penyembelihan enam (6) ekor lembu.

Program telah disempurnakan oleh Pengarah Akademi Pengajian Islam, Dato' Profesor Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusof dan Timbalan Pendaftar Kanan UM, Encik Mahamad Apandi Khalib. Program ini adalah pertama kali dianjurkan dan akan diteruskan pada tahun hadapan dan sekaligus sebagai perkongsian tanggungjawab sosial terhadap masyarakat bagi memberikan manfaat dalam pembangunan modal insan. Program ini juga merupakan platform untuk mewujudkan jalinan kerjasama dalam suasana yang akrab dan mengeratkan tali silaturahim di antara staf UM. Ahli jawatankuasa SENSE dan juga sukarelawan yang melibatkan 50 orang staf UM telah bergotong-royong menjalankan aktiviti penyembilan, melapah dan mengagihkan daging qurban kepada kira-kira 500 orang staf berdasarkan kupon yang telah diedarkan. Aktivti penyembilan telah diketuai oleh Ustaz Roslan Bahari dan beberapa orang staf dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

# 07

# PERPUSTAKAAN

# 7.1 Laporan Ketua Pustakawan



**Encik Mahbob Yusof,**
**Pemangku Ketua Pustakawan**



Pada tahun 2017, Perpustakaan terus berusaha mencapai visinya untuk menjadi sebuah perpustakaan bertaraf dunia dengan penyediaan kepakaran profesional kepustakawanan, pelbagai sumber maklumat dan perkhidmatan berasaskan pengetahuan untuk memajukan penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran.

## 7.2 Ringkasan Pencapaian

### 7.2.1 Pembangunan Koleksi Terbanyak

Secara keseluruhannya sejumlah 19,594 judul (31,081 bahan) telah ditambahkan ke dalam koleksi, menjadikannya penambahan terbanyak sejak 2014. Pada tahun ini juga, dua (2) koleksi ternama iaitu Koleksi Profesor DiRaja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid dan Koleksi Penyelidikan *Dream of the Red Chamber* telah dibangunkan.

**Jadual 7.1: Statistik koleksi perpustakaan sehingga 31 Disember 2017.**

| Koleksi | Kuantiti |
|---|---|
| Buku | 1,173,530 |
| Bukan Buku (termasuk jurnal) | 757,470 |
| Digital | 176,980 |
| **Jumlah** | **2,107,980** |

### 7.2.2 Koleksi Peribadi Ungku Aziz

Keupayaan penjagaan dan kawalan bahan yang baik serta sistematik telah meyakinkan Pak Ungku untuk menghadiahkan semua bahan di Rumah Buku beliau di Morib kepada Perpustakaan. Pemindahan lebih 15 ribu bahan telah selesai pada bulan Ogos 2017. Koleksi ini ditempatkan di Perpustakaan Peringatan Za'ba dan ruang khas sedang dalam proses pembinaan.









## 7.2.3 Koleksi Penyelidikan *Dream of the Red Chamber*

Koleksi bernilai tinggi ini disumbangkan oleh YBhg. Tan Sri Chan Kong Choy. Koleksi karya novel klasik terkenal China *Dream of the Red Chamber* ini adalah koleksi peribadi yang terbesar di dunia. Koleksi yang mengandungi lebih 5 ribu bahan bercetak, audio-visual, lukisan dan kaligrafi diletakkan di dalam bilik khas di Aras 4, Perpustakaan Utama. Majlis pelancaran koleksi ini telah berlangsung pada 1 Julai 2017.











## 7.2.4 Koleksi Digital

Sebanyak 14,163 objek digital telah ditambah ke koleksi hasil pendigitalan pelbagai kandungan tempatan termasuk kertas persidangan, tesis, artikel jurnal, bab buku, foto dan keratan akhbar. Lebih 100 ribu objek digital kini boleh diakses untuk rujukan dan penyelidikan.

UM Research Repository (http://eprints.um.edu.my/) yang menjadi repositori utama objek digital ini mendapat lebih 4.2 juta *hits* dengan lebih 170 ribu pengunjung pada tahun 2017. Repositori ini ternyata berkesan membantu keterlihatan penyelidikan UM.

### Jadual 7.2: Statistik repositori institusi setakat 31 Disember 2017

| Repositori | Fungsi | Bil. Objek Digital |
|---|---|---|
| UM Students' Repository | Repositori akses terbuka bahan ilmiah yang dihasilkan oleh pelajar UM http://studentsrepo.um.edu.my/ | 6,831 |
| UM Research Repository | Repositori akses terbuka hasil penyelidikan UM yang diterbitkan dan tidak diterbitkan http://eprints.um.edu.my/ | 13,928 |
| UM Common Repository | Pendigitalan bahan untuk pemeliharaan dan meningkatkan akses kepada bahan lama seperti gazet, majalah, jurnal dan buku http://commonrepo.um.edu.my/ | 7,099 |
| UM Memory | Inisiatif digital untuk memelihara koleksi gambar dan imej warisan Universiti Malaya http://ummemory.um.edu.my/ | 4,619 |
| **Jumlah** | | **32,477** |

## 7.2.5 Indeks iMalaysiana

Tahun 2017 telah mencatatkan penambahan tahunan tertinggi indeks Malaysiana iaitu sebanyak 10,665 entri. Dengan jumlah keseluruhan sebanyak 165,950 indeks, iMalaysiana adalah indeks terbesar bahan Malaysiana di dunia. Indeks ini boleh diakses melalui katalog umum Perpustakaan Pendeta Discovery di http://pendeta.um.edu.my.

## 7.2.6 Naiktaraf Perpustakaan Pengajian India

Perpustakaan Pengajian India telah dipindahkan ke ruang yang lebih besar dan diberi wajah baharu setelah siap dinaiktaraf pada bulan Disember 2017.






## 7.2.7 Program Pembangunan Profesional

Sebagai pendedahan dan penambahan ilmu berkaitan perpustakaan atau institusi akademik yang lain, Perpustakaan telah mengambil inisiatif menghantar kakitangan menjalani latihan dan program sangkutan di luar negara.



**Jadual 7.3: Latihan dan program sangkutan kakitangan di luar negara.**

| Bil. | Nama Kakitangan | Latihan / Program Sangkutan | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Siti Juryiah Mohd Khalid dan Juhaida Abd. Rahim | Library Attachment Program Perpustakaan Sentral, National University of Singapore | National University of Singapore, Singapore | 15-19 Mei 2017 |
| 2. | Vijayalatchumy Maruthaveeran dan Aimi Ihsan Zaidi | Japan-Asia Youth Exchange program in Science (SAKURA Exchange Program in Science) | Center for Southeast Asian Studies (CSEAS), Kyoto University, Japan | 22-31 Okt 2017 |
| 3. | Koh Ai Peng dan Hazlin Anita Zainal Abidin | International Joint Research and Training Program for Nation's Memory and Archives Management | Central Library, Taiwan | 29 Okt-4 Nov 2017 |
| 4. | Lisdar Abdul Wahid | AUNILO Training The Trainers Workshop "Creating a MOOC for Library Instruction using edX Platform" | Mahidol Learning Center, Mahidol University, Thailand | 10-11 Ogos 2017. |

## 7.3 Perkhidmatan

Sejumlah 8,824 orang ahli baharu berdaftar dalam pelbagai kategori. Walaupun trend pengguna kini menjurus kepada bahan berbentuk elektronik dan digital, pinjaman bahan Perpustakaan masih mencatatkan jumlah yang tinggi iaitu sebanyak 189,084. Selain daripada pengguna dalaman, Perpustakaan UM turut digunakan oleh seramai 5,352 orang pengguna luar secara harian. Di samping itu, seramai 230 orang pelawat antarabangsa dan 867 orang pelajar sekolah telah melawat Perpustakaan.

## 7.4 Pendidikan Pengguna

Seramai 2,202 orang pelajar telah menghadiri pelbagai program pendidikan pengguna termasuk Sesi Metodologi Penyelidikan, Bengkel Sitasi (Web of Science dan Scopus), Bengkel EndNote, Bengkel Penulisan Saintifik, Sesi Kemahiran Maklumat, Latihan ResearcherID dan Latihan Pangkalan Data.

## 7.5 Portal Interaktif dan Laman Web

Portal web interaktif (http://www.diglib.um.edu.my/interaktif/) yang merupakan gerbang untuk mengakses sumber elektronik langganan dan perkhidmatan elektronik Perpustakaan beroperasi dengan baik pada tahun ini. Portal merekodkan 443,422 *sessions*, 119,044 pengguna dan 1,781,285 *page views*. Sebanyak 724,959 transaksi pencarian dan akses telah dibuat melalui Portal ini.

Laman Web Perpustakaan (https://umlib.um.edu.my/) telah diperkasakan dengan fungsi keselamatan HTTPS dan telah merekodkan 471,508 *sessions*, 187,047 pengguna dan 748,785 *page views* sepanjang tahun 2017.

## 7.6 Muzium Seni Asia dan Galeri Seni Universiti Malaya

Muzium Seni Asia (MSA) telah memulakan inisiatif Persidangan Muzium dan Galeri Universiti Awam Malaysia (MyMuse). Persidangan pertama telah diadakan pada 21-22 Ogos 2017 di UM. Semua universiti awam yang mempunyai muzium atau galeri telah menyertainya. Encik Abd. Aziz Rashid, Ketua MSA dipilih sebagai pengerusi pertama Jawatankuasa MyUMNet 2016-2018. MyUMNet menggabungkan muzium dan galeri seni semua universiti awam.

Sepanjang tahun 2017, Muzium Seni Asia dan Galeri Seni Universiti Malaya telah mengadakan sebanyak 23 pameran.



**Jadual 7.4: Pameran awam yang utama pada tahun 2017**

| Bil. | Pameran | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | **Three Stripes Maniac 2017 Exhibition**<br>Pameran ini dianjurkan oleh peminat jenama ADIDAS di Malaysia | Galeri Seni Universiti Malaya | 25-26 Mac 2017 |
| 2. | **Pameran The Asian Master Series 2017: Surveyed Map, Solo Exhibition by Mamoru Abe, Japan** | Muzium Seni Asia | 13 Mei-13 Jun 2017 |
| 3. | **Pameran Numismatik: Evolusi Mata Wang Palsu**<br>Pameran kerjasama Kelab Warisan Numismatik Malaysia (KWNM) | Muzium Seni Asia | 19 Ogos-30 Sep 2017 |
| 4. | **Baby Carrier Exhibition**<br>Pameran kerjasama dengan Museum Prehistoric Taiwan | Galeri Seni Universiti Malaya | Nov 2017 |
| 5. | **Exhibition of Execution by Hunger the Unknown Genocide of Ukrainians Holodomor 1932-1933**<br>Pameran kerjasama Kedutaan Besar Ukraine di Kuala Lumpur | Galeri Seni Universiti Malaya | 1 Nov-Dis 2017 |

# 08

# KEWANGAN

## Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Universiti Malaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**UNIVERSITI MALAYA**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

## Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 42.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Malaya 1961.

### Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaya dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

***Emphasis of Matter***

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut:

Kumpulan Wang Penyelidikan seperti yang dinyatakan dalam nota 32(a) kepada penyata kewangan Universiti bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah menunjukkan baki defisit berjumlah RM126,574,157 (2016: RM129,244,016). Defisit tersebut menurun sejumlah RM2,669,859 berbanding tahun sebelumnya.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Universiti Malaya bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Malaya 1961. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaya dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat

sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaya dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.



d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaya atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Malaya dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Universiti Malaya 1961, saya juga melaporkan perkara berikut:

a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Universiti Malaya dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.

c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Malaya dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

**Hal-hal Lain**

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)**
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
17 OGOS 2018

REPORT OF THE AUDITOR GENERAL
ON THE FINANCIAL STATEMENTS OF
UNIVERSITY OF MALAYA
FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2017

## Report on the Financial Statements

### Opinion

The financial statements of University of Malaya have been audited by my representative, which comprise the Statement of Financial Position as at 31 December 2017 and Statements of Comprehensive Income, Statement of Changes in Funds and Cash Flow Statements for the year then ended, summary of significant accounting policies and other explanatory information as set out on pages 1 to 42.

In my opinion, the accompanying financial statements give a true and fair view of the financial position of the University of Malaya and of the Group as at 31 December 2017 and of their financial performance and cash flow for the year then ended in accordance with the approved financial reporting standards in Malaysia and University of Malaya Act 1961.

### Basis for Opinion

I conducted the audit in accordance with the Audit Act 1957 and The International Standards of Supreme Audit Institutions. My responsibilities under those standards are further described in the Auditors' Responsibilities for the Audit of the Financial Statements section of my report. I believe that the audit evidence I have obtained is sufficient and appropriate to provide a basis for my opinion.

### Independence and Other Ethical Responsibilities

I am independent of the University of Malaya and of the Group and I have fulfilled the other ethical responsibilities in accordance with The International Standards of Supreme Audit Institutions.

***Emphasis of Matter***

Without prejudice to Audit Opinions, I would like to draw attention to the following:

The Research Fund as shown in notes 32(a) to the financial statements of University of Malaya for the year ended 31 December 2017 showed a deficit of RM126,574,157 (2016: RM129,244,016). The deficit decreased by RM2,669,859 as compared with the previous year.

**Information Other than the Financial Statements and Auditors' Report Thereon**

The Board of Directors of University of Malaya is responsible for the other information in the Annual Report. My opinion on the financial statements of University of Malaya and of the Group does not cover the information other than the financial statements and auditors' report thereon and I do not express any form of assurance conclusion thereon.

**Responsibilities of the Board of Directors for the Financial Statements**

The Board of Directors is responsible for the preparation of financial statements of University of Malaya and of the Group that give a true and fair view in accordance with approved financial reporting standards in Malaysia and University of Malaya Act 1961. The Board of Directors is also responsible for such internal control as it is necessary to enable the preparation of the financial statements of University of Malaya and of the Group that are free from material misstatement, whether due to fraud or error.

In preparing the financial statements of University of Malaya and of the Group, the Board of Directors is responsible for University of Malaya and of the Group's ability to continue as a going concern, disclosing, as applicable, matters related to going concern and using the going concern basis of accounting.

**Auditors' Responsibilities for the Audit of the Financial Statements**

My objectives are to obtain reasonable assurance about whether the financial statements of University of Malaya and of the Group as a whole are free from material misstatement, whether due to fraud or error, and to issue an auditors' report that includes my opinion. Reasonable assurance is a high level of assurance, but is not a guarantee that an audit conducted in accordance with The International Standards of Supreme Audit Institutions will always detect a material misstatement when it exists. Misstatements can arise from fraud or error and are considered material if, individually or in the aggregate, they could reasonably

be expected to influence the economic decisions of users taken on the basis of these financial statements.

As part of an audit in accordance with The International Standards of Supreme Audit Institutions, I exercise professional judgement and maintain professional scepticism throughout the audit. I also:

a. Identify and assess the risks of material misstatement of the financial statements of the Group and of the Company, whether due to fraud or error, design and perform audit procedures responsive to those risks, and obtain audit evidence that is sufficient and appropriate to provide a basis for my opinion. The risk of not detecting a material misstatement resulting from fraud is higher than for one resulting from error, as fraud may involve collusion, forgery, intentional omissions, misrepresentations, or the override of internal control.

b. Obtain an understanding of internal control relevant to the audit in order to design audit procedures that are appropriate in the circumstances, but not for the purpose of expressing an opinion on the effectiveness of University of Malaya and of the Group's internal control.

c. Evaluate the appropriateness of accounting policies used and the reasonableness of accounting estimates and related disclosures made by the Board of Directors.



d. Conclude on the appropriateness of the Board of Directors' use of the going concern basis of accounting and, based on the audit evidence obtained, whether a material uncertainty exists related to events or conditions that may cast significant doubt on University of Malaya or the Group's ability to continue as a going concern. If I conclude that a material uncertainty exists, I have to draw attention in my auditors' report to the related disclosures in the financial statements of University of Malaya and of the Group or, if such disclosures are inadequate, to modify my opinion. My conclusions are based on the audit evidence obtained up to the date of auditors' report.

e. Evaluate the overall presentation of the financial statements of University of Malaya and of the Group, including the disclosures that achieves fair presentation.

f. Obtain sufficient appropriate audit evidence regarding the financial information of the entities and business activities within the Group to express an opinion on the financial statements of the Group. I am responsible for the direction, supervision and performance of the group audit. I remain solely responsible for my audit opinion.

I communicate with the Board of Directors regarding, among other matters, the planned scope and timing of the audit and significant audit findings, including any significant deficiencies in internal control identified during my audit.

**Report on Other Legal and Regulatory Requirements**

In accordance with the requirements of University of Malaya Act 1961, I also report the following:

a. In my opinion, the accounting and other records required to be kept by University of Malaya and its subsidiaries of which I have acted as auditors have been properly kept in accordance with the provision of the Act.

b. I have considered the accounts and the auditors' reports of all the subsidiaries of which I have not acted as auditor, which are indicated in Note 6 to the financial statements, being accounts that have been included in the consolidated accounts.

c. I am satisfied that the accounts of the subsidiaries that have been consolidated with the University of Malaya financial statements are appropriate and proper in form and content for the purposes of the preparation of the financial statements of the Group and I have received satisfactory information and explanations required by me for those purposes.

d. The audit reports on the accounts of the subsidiaries did not contain any qualification or any adverse comment.

**Other Matters**

This report is made solely to the Board of Directors and for no other purpose. I do not assume responsibility to any other person for the content of this report.

**(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)**
AUDITOR GENERAL
MALAYSIA

PUTRAJAYA
17 AUGUST 2018



**UNIVERSITI MALAYA**

**PENYATA OLEH LEMBAGA PENGARAH**

Kami, AR. SAIFUDDIN BIN AHMAD dan DATUK IR. (DR.) ABDUL RAHIM HASHIM, dua orang daripada ahli-ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYA, dengan ini menyata bahawa pada pendapat ahli-ahli Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 1 hingga 42 telah disediakan untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Universiti Malaya pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan dalam kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh itu.

Bagi pihak Lembaga Pengarah

**AR. SAIFUDDIN BIN AHMAD**
**MENJALANKAN FUNGSI PENGERUSI**
**LEMBAGA PENGARAH**

**DATUK IR. (DR.) ABDUL RAHIM HASHIM**
**NAIB CANSELOR**

Kuala Lumpur
Tarikh: 10 OGOS 2018

**UNIVERSITY OF MALAYA**

**STATEMENT BY DIRECTORS**

We, AR. SAIFUDDIN BIN AHMAD and DATUK IR. (DR.) ABDUL RAHIM HASHIM, being two of the directors of UNIVERSITY OF MALAYA, state that in the opinion of the directors, the financial statements set out on pages 1 to 42 are drawn up in accordance with Approved Accounting Standards so as to give a true and fair view of the state of affairs of the Group and University of Malaya as at 31 December 2017 and of their results and cash flows for the year ended on that date.

On behalf of the Board of Directors,

| | |
|---|---|
| **AR. SAIFUDDIN BIN AHMAD**<br>**ACTING CHAIRMAN OF BOARD OF DIRECTORS** | **DATUK IR. (DR.) ABDUL RAHIM HASHIM**<br>**VICE-CHANCELLOR** |



Kuala Lumpur
Date: 10TH AUGUST 2018

**UNIVERSITI MALAYA**

**AKUAN BERKANUN**

Saya, WAN MOHD SOFI WAN MUSTAPHA, pegawai yang bertanggungjawab atas pengurusan kewangan KUMPULAN dan UNIVERSITI MALAYA, dengan ikhlasnya mengisytiharkan bahawa penyata kewangan di muka surat 1 hingga 42 adalah sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, betul dan saya membuat akuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh)
penama yang tersebut di atas )
WAN MOHD SOFI WAN MUSTAPHA )

pada 10 OGOS 2018

**WAN MOHD SOFI WAN MUSTAPHA**

Dihadapan saya

Pesuruhjaya Sumpah

PESURUHJAYA SUMPAH
No. B 508
WONG CHOY YIN
1.7.2018 - 31.12.2020
MALAYSIA

No. 34A (Tkt 1), Jalan SS2/67
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

**UNIVERSITI OF MALAYA**

**STATUTORY DECLARATION**

I, WAN MOHD SOFI WAN MUSTAPHA, the officer primarily responsible for the financial management of the GROUP and UNIVERSITY OF MALAYA, do solemnly and sincerely declare that the financial statements set out on pages 1 to 42 are in my opinion correct and I make this solemn declaration conscientiously believing the same to be true, and by virtue of the provisions of the Statutory Declarations Act, 1960.

Subscribed and solemnly declared by the above named WAN MOHD SOFI WAN MUSTAPHA on

WAN MOHD SOFI WAN MUSTAPHA

Before me: 10TH AUGUST 2018

PESURUHJAYA SUMPAH
No. B 508
WONG CHOY YIN
1.7.2018 - 31.12.2020
MALAYSIA

Commisioner for Oaths

No. 34A (Tkt 1), Jalan SS2/67
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

**UNIVERSITI MALAYA**

***UNIVERSITY OF MALAYA***

**Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017**

***Statement of Financial Position as at 31 December 2017***

| | Nota *Note* | KUMPULAN *GROUP* 2017 RM | KUMPULAN *GROUP* 2016 RM Dinyatakan Semula *Restated* | UM 2017 RM | UM 2016 RM Dinyatakan Semula *Restated* |
|---|---|---|---|---|---|
| **Hartanah, Loji dan Peralatan** ***Property, Plant and Equipment*** | 4 | **1,286,756,583** | 1,383,060,453 | **1,263,289,772** | 1,345,820,404 |
| **Pelaburan Hartanah** ***Investment Properties*** | 5 | **10,406,869** | 10,641,725 | **24,635,873** | 25,265,154 |
| **Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari** ***Investment in Subsidiary Companies*** | 6 | **-** | - | **39,860,002** | 39,860,002 |
| **Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu** ***Investment in Associate Companies*** | 7 | **230,417** | 383,604 | - | - |
| **Pelaburan Jangka Panjang** ***Long Term Investments*** | 8 | **200,629,019** | 241,825,352 | **200,624,017** | 241,825,350 |
| **Penghutang Jangka Panjang** ***Long Term Receivables*** | 10 | **5,662,311** | 5,706,088 | **5,662,311** | 5,706,088 |
| **Cukai Aset Tertunda** ***Deferred Tax Asset*** | 16 | **701** | - | **-** | - |
| **Akaun Muhibah** ***Goodwill*** | | **50,098** | 50,098 | **-** | - |
| **Aset Bukan Semasa** ***Non Current Assets*** | | **1,503,735,998** | 1,641,667,320 | **1,534,071,975** | 1,658,476,998 |
| Inventori *Inventories* | 9 | **4,241,443** | 3,171,316 | **-** | - |
| Penghutang *Receivables* | 10 | **48,847,121** | 48,937,972 | **28,501,334** | 31,443,714 |
| Hutang oleh Syarikat Subsidiari *Amount Due from Subsidiary Companies* | 11 | **-** | - | **11,078,137** | 13,686,270 |
| Hutang Oleh Pihak Berkepentingan *Amount Due from Related Parties* | 11 | **1,695,182** | 1,898,938 | **-** | - |
| Pelaburan dengan Pengurus Dana *Funds Placed with Fund Managers* | 12 | **660,906,459** | 600,474,596 | **660,328,325** | 599,910,742 |
| Simpanan Tetap, Tunai dan Baki di Bank *Short Term Deposits, Cash and Bank Balances* | 13 | **600,774,891** | 616,614,080 | **556,937,669** | 579,480,136 |
| **Aset Semasa** ***Net Current Assets*** | | **1,316,465,096** | 1,271,096,902 | **1,256,845,465** | 1,224,520,862 |
| Pemiutang *Payables* | 14 | **266,086,713** | 291,144,401 | **224,736,194** | 252,053,969 |
| Tanggungan Lain *Other Liabilities* | 15 | **6,404,697** | 10,686,338 | **6,404,699** | 10,452,294 |
| Hutang Kepada Syarikat Subsidiari *Amount Due to Subsidiary Companies* | 11 | **-** | - | **17,943,563** | 21,014,632 |
| Hutang Kepada Pihak Berkepentingan *Amount Due to Related Parties* | 11 | **5,537,738** | 6,304,133 | | |
| Cukai Tanggungan *Tax Payable* | | **1,493,889** | 645,083 | **-** | - |
| **Liabiliti Semasa** ***Current Liabilities*** | | **279,523,037** | 308,779,955 | **249,084,456** | 283,520,895 |
| **Aset Semasa Bersih** ***Net Current Assets*** | | **1,036,942,059** | 962,316,947 | **1,007,761,009** | 940,999,967 |
| | | **2,540,678,057** | 2,603,984,267 | **2,541,832,984** | 2,599,476,965 |
| **Dibiayai oleh** ***Financed by:*** | | | | | |
| **Kumpulanwang Mengurus** ***Operating Fund*** | 25 | **12,219,033** | 48,243,293 | **12,219,033** | 48,243,293 |
| **Kumpulanwang Pembangunan Modal** ***Capital Development Fund*** | 26 | **1,031,568,329** | 1,043,517,228 | **1,031,568,329** | 1,043,517,228 |
| **Kumpulanwang Pinjaman** ***Loan Fund*** | 27 | **66,337,566** | 65,906,277 | **66,337,566** | 65,906,277 |
| **Kumpulanwang Biasiswa dan Hadiah** ***Gifts and Scholarship Fund*** | 28 | **7,593,132** | 7,494,354 | **7,593,132** | 7,494,354 |
| **Kumpulanwang Bantuan Terus** ***Direct Assistance Fund*** | 29 | **189,745,792** | 203,230,761 | **189,745,792** | 203,230,761 |
| **Kumpulanwang Bangunan** ***Building Fund*** | 30 | **297,800,831** | 320,092,525 | **297,774,809** | 320,066,503 |
| **Kumpulanwang Derma** ***Donation Fund*** | 31 | **172,688,282** | 157,353,234 | **172,688,282** | 157,353,234 |
| **Kumpulanwang Penyelidikan** ***Research Fund*** | 32 | **(126,574,157)** | (129,244,016) | **(126,574,157)** | (129,244,016) |
| **Kumpulanwang Asrama** ***Residential College Fund*** | 33 | **31,313,365** | 34,805,158 | **31,313,365** | 34,805,158 |
| **Kumpulanwang Amanah** ***Trust Fund*** | 34 | **842,634,241** | 839,717,971 | **843,418,245** | 834,620,592 |
| **Jumlah Kumpulanwang** ***Total Funds*** | | **2,525,326,414** | 2,591,116,785 | **2,526,084,396** | 2,585,993,384 |
| **Kepentingan Bukan Kawalan** ***Non Controlling Interest*** | | **(1,118,890)** | (1,133,521) | **-** | - |
| Manfaat Pekerja Jangka Panjang *Long Term Employee Benefits* | 22 | **15,748,588** | 13,483,581 | **15,748,588** | 13,483,581 |
| Cukai Tertunda *Deferred Tax* | 16 | **721,945** | 517,422 | **-** | - |
| **Liabiliti Jangka Panjang** ***Non Current Liabilities*** | | **16,470,533** | 14,001,003 | **15,748,588** | 13,483,581 |
| | | **2,540,678,057** | 2,603,984,267 | **2,541,832,984** | 2,599,476,965 |

Nota-nota di muka surat 6 hingga 42 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

*The notes on pages 6 to 42 form part of these financial statements*

**UNIVERSITI MALAYA**

***UNIVERSITY OF MALAYA***

**Penyata Pendapatan Komprehensif**

**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017**

***Statements of Comprehensive Income For The Year Ended 31 December 2017***

| | Nota *Note* | KUMPULAN *Group* 2017 RM | 2016 RM Dinyatakan Semula *Restated* | UM 2017 RM | 2016 RM Dinyatakan Semula *Restated* |
|---|---|---|---|---|---|
| Geran kerajaan *Government grant* | | **485,307,901** | 538,913,042 | **485,307,901** | 538,913,042 |
| Geran Kerajaan dilunaskan *Amortisation of government grant* | | **122,702,825** | 149,045,034 | **122,702,825** | 149,045,034 |
| Pelbagai yuran *Miscellaneous fees* | | **159,688,759** | 147,544,391 | **136,009,233** | 134,055,903 |
| Pendapatan dari pelaburan *Investment income* | | **61,209,311** | 55,133,556 | **60,169,247** | 54,719,204 |
| Keuntungan nilai saksama *Gain on fair value valuation* | | **58,896,500** | 11,184,293 | **58,896,500** | 11,184,293 |
| Pemberian penyelidikan *Research Contribution* | | **24,222,684** | 20,058,853 | **24,222,684** | 20,058,853 |
| Sumbangan *Contributions* | | **10,627,285** | 25,706,208 | **10,627,285** | 25,706,208 |
| * Pendapatan lain *Other income* | | **87,830,532** | 71,614,082 | **74,739,248** | 66,107,813 |
